



# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

## PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI NEGERI SARAWAK TAHUN 2007



JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

## KANDUNGAN

### PERKARA

### MUKA SURAT

<b>KATA PENDAHULUAN</b>	iii
<b>INTI SARI LAPORAN</b>	vi
<b>BAHAGIAN I: PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SARAWAK BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007</b>	
Pendahuluan	1
Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2007	2
<b>BAHAGIAN II: ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI</b>	
Analisis Kewangan	4
Rumusan Dan Syor Audit	35
<b>BAHAGIAN III: RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI</b>	
Kemajuan Pelaksanaan Rancangan Malaysia RMK9	36
<b>BAHAGIAN IV: PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI KERAJAAN NEGERI</b>	
Pelaksanaan Indeks Akauntabiliti	39
Objektif Pengauditan	40
Skop Dan Kaedah Pengauditan	40
Penemuan Audit	41
Rumusan Dan Syor	54
<b>BAHAGIAN V: PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI KERAJAAN/AGENSI NEGERI</b>	
Syarikat LAKU Management Sdn. Bhd.	56

**PERKARA****MUKA SURAT****BAHAGIAN VI: PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN  
PENYATA KEWANGAN BADAN BERKANUN NEGERI,  
PIHK BERKUASA TEMPATAN DAN MAJLIS AGAMA  
ISLAM**

Pendahuluan	85
Pengauditan Penyata Kewangan	85
Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan	86
Persijilan Penyata Kewangan	87
Pembentangan Penyata Kewangan	88
Prestasi Kewangan	88

**BAHAGIAN VII: TINDAKAN SUSULAN LAPORAN KETUA AUDIT  
NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
KERAJAAN NEGERI SARAWAK**

Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2006 Yang Masih Belum Selesai	102
---	-----

**BAHAGIAN VIII: PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG  
AWAM NEGERI**

<b>PENUTUP</b>	109
----------------	-----

**LAMPIRAN**

I	Sijil Ketua Audit Negara	110
II	Lembaran Imbangan	111
III	Penyata Akaun Memorandum	112
IV	Nota Kepada Penyata Kewangan	113
V	Kedudukan Penyerahan Dan Pengauditan Penyata Kewangan Agensi Negeri Pada 26 Jun 2008	116
VI	Kedudukan Penyata Kewangan Yang Disahkan Sehingga 26 Jun 2008	117
VII	Kedudukan Pembentangan Penyata Kewangan Agensi Negeri Setakat 26 Jun 2008	118
VIII	Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2006	119
IX	Prestasi Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2006	120

## KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan serta aktiviti Kerajaan Negeri dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak mendarahkan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Sarawak. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan 2 kaedah pengauditan seperti berikut:

**1.1 Pengauditan Penyata Kewangan** – Pengauditan ini bertujuan untuk memberi Pendapat Audit sama ada Penyata kewangan Negeri bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

**1.2 Pelaksanaan Sistem Penarafan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan Jabatan** – Mulai tahun 2007, Jabatan Audit Negara telah memperkenalkan Indeks Akauntabiliti bertujuan untuk membuat penilaian secara objektif terhadap pengauditan pengurusan kewangan Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri bagi mengukur dan menambah baik kawalan pengurusan kewangan yang cemerlang. Indeks Akauntabiliti diberi berdasarkan kepada tahap pematuhan terhadap peraturan-peraturan kewangan berhubung dengan kawalan pengurusan, terimaan, perbelanjaan, kumpulan wang amanah/akaun amanah/deposit, aset, pinjaman, pelaburan dan penyediaan Penyata Kewangan. Dengan pelaksanaan Indeks Akauntabiliti ini boleh membantu mewujudkan budaya kerja berdasarkan amalan terbaik. Selain itu, budaya “membetulkan yang biasa dan membiasakan yang betul” bukan sahaja dapat mempertingkatkan kecemerlangan pengurusan kewangan Jabatan malah aspek integriti, keutuhan dan akauntabiliti yang ditekankan oleh Kerajaan akan dapat dicapai.

2. Laporan saya mengenai Penyata Kewangan Tahun 2007 disediakan hasil daripada pengauditan yang dijalankan di beberapa Jabatan/Agensi Negeri/Syarikat Subsidiari Agensi Negeri sepanjang tahun 2007. Bagi tujuan pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2007, pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen yang berkaitan dengan pembayaran dan terimaan telah dijalankan di Pejabat Perbendaharaan Negeri. Pengauditan tersebut melibatkan pemeriksaan terhadap 3,342 baucar bayaran bernilai RM10,836.51 juta, 5,619 penyata pemungut bernilai RM1,138.32 juta dan 839 baucar jurnal bernilai RM4,205.37 juta.

**3. Pengauditan Syarikat Kerajaan** – Memandangkan penglibatan Kerajaan atau Agensi Kerajaan dalam Syarikat Kerajaan/Swasta melalui pegangan ekuiti dan pemberian pinjaman/geran melibatkan jumlah kewangan yang besar dan meningkat dari tahun ke setahun, pengauditan terhadap Syarikat Kerajaan amatlah penting untuk menentukan wang awam yang terlibat digunakan dengan cara yang cekap, berhemat serta selaras dengan objektif yang ditetapkan. Jabatan Audit Negara telah mendapat perintah daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk menjalankan pengauditan terhadap Syarikat Kerajaan berkenaan selaras dengan peruntukan Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 pada 19 November 2003.

**4.** Laporan ini dibahagikan kepada 8 Bahagian seperti berikut:

- |                      |   |
|----------------------|---|
| <b>BAHAGIAN I</b>    | - Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2007                                      |
| <b>BAHAGIAN II</b>   | - Analisis Kewangan Kerajaan Negeri   |
| <b>BAHAGIAN III</b>  | - Rancangan Pembangunan Kerajaan Negeri   |
| <b>BAHAGIAN IV</b>   | - Prestasi Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan/Agenzia Negeri   |
| <b>BAHAGIAN V</b>    | - Pengurusan Syarikat Subsidiari Kerajaan/Agenzia Negeri  |
| <b>BAHAGIAN VI</b>   | - Penyerahan, Pengesahan Dan Pembentangan Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkusa Tempatan Dan Majlis Agama Islam |
| <b>BAHAGIAN VII</b>  | - Tindakan Susulan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri   |
| <b>BAHAGIAN VIII</b> | - Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Dan Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri                                 |

**5.** Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap laporan ini dapat dijadikan sebagai salah satu asas untuk memperbaiki segala kelemahan dan meningkatkan lagi tahap pengurusan wang awam. Ini penting untuk menjamin setiap Ringgit Malaysia yang dipungut dan dibelanjakan akan dapat menyumbang kepada pembangunan dan keselesaan hidup rakyat sesebuah negeri. Secara tidak langsung ianya akan menyumbang ke arah mewujudkan sebuah Negara Malaysia yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

**6.** Pada pendapat saya, prestasi kewangan Kerajaan Negeri dan tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agenzia Negeri/Syarikat Subsidiari Agenzia Negeri boleh ditingkatkan sekiranya semua pihak yang terlibat mempunyai 5 perkara yang diringkaskan sebagai **SIKAP** iaitu:

- i. **SUPERVISION** – Penyeliaan yang rapi diberi kepada kerja yang diserahkan kepada pegawai bawahan. Ketua Jabatan perlu memastikan garis panduan yang jelas dan terperinci disediakan sebagai rujukan pegawai/kakitangan menjalankan tugas mereka. Kakitangan perlu melaporkan kemajuan kerja mereka secara berkala.
- ii. **INTEREST** – Setiap pegawai/kakitangan melaksanakan tugas mereka dengan penuh minat dan dedikasi. Tidak ada sikap sambil lewa.
- iii. **KNOWLEDGE** – Setiap pegawai/kakitangan mempunyai pengetahuan yang cukup dalam bidang tugas masing-masing. Bagi tujuan ini, program latihan yang berterusan perlu dilaksanakan secara berterusan.
- iv. **ATTITUDE** – Setiap pegawai/kakitangan melaksanakan tugas masing-masing dengan penuh tanggungjawab, jujur dan amanah (*sense of responsibility*).
- v. **PROCEDURE** – Prosedur kerja yang lengkap dan jelas diwujudkan serta dipatuhi.

7. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri/Pihak Berkuasa Tempatan/Syarikat Subsidiari Agensi Negeri yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)  
Ketua Audit Negara  
Malaysia.

Putrajaya  
26 Jun 2008

## INTI SARI LAPORAN

### **BAHAGIAN I: PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SARAWAK BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007**

1. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak bagi tahun berakhir 31 Disember 2007 telah disahkan. Dokumen sokongan bagi mengesahkan semua angka telah disediakan dengan sewajarnya. Rekod perakaunannya juga diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Secara keseluruhannya, Penyata Kewangan tersebut menunjukkan suatu gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri pada akhir tahun 2007.

### **BAHAGIAN II: ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI**

2. Mengikut Lembaran Imbangan, jumlah aset yang terdiri daripada wang tunai dan pelaburan telah meningkat sejumlah RM1.62 bilion atau 23.1% berbanding tahun 2006. Baki dalam Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2007 adalah sejumlah RM8.65 bilion. Jumlah aset iaitu Pelaburan Saham dan Pinjaman Yang Boleh Dituntut seperti pada Penyata Akaun Memorandum juga telah meningkat sejumlah RM85.19 juta atau 1.8% berbanding tahun 2006. Pada keseluruhannya, kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Sarawak adalah stabil dan bertambah kukuh kerana Kerajaan Negeri mempunyai nilai aset berjumlah RM8.65 bilion.

### **BAHAGIAN III: RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI**

3. Pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) digubal bagi memenuhi dasar dan strategi pembangunan negara bagi tempoh 5 tahun (2006 hingga 2010). Melalui pelaksanaan projek baru dan sambungan daripada Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8), RMK-9 adalah seiring sebagai penggerak pembangunan Negeri Sarawak. Jumlah peruntukan untuk RMK-9 secara keseluruhannya adalah sejumlah RM10 bilion. Bagi menjayakan pelaksanaan projek pembangunan, Kerajaan Negeri Sarawak telah meluluskan sejumlah RM2.42 bilion untuk melaksanakan 655 projek pembangunan meliputi pembinaan jambatan, jalan, bangunan dan dermaga serta 1,070 projek bukan fizikal seperti pelaburan, sumbangsan dan geran di bawah RMK-9 bagi tahun 2007. Sejumlah RM2.20 bilion atau 91% daripada sejumlah RM2.42 bilion telah dibelanjakan. Rekod yang disediakan oleh Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri juga menunjukkan 385 atau 58.8% daripada 655 projek fizikal yang diluluskan telah siap dilaksanakan pada tahun 2007. Manakala 90 projek sedang dilaksanakan, 148 projek dalam perancangan dan 32 projek belum mula.

#### **BAHAGIAN IV: PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN/AGENSI KERAJAAN NEGERI**

4. Pada tahun 2007, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan sistem penarafan berdasarkan indeks akauntabiliti berdasarkan pengurusan kewangan terhadap 18 Kementerian/Agensi Kerajaan Negeri iaitu 8 Kementerian, 3 Badan Berkanun Negeri, 6 Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam. Hasil daripada pengauditan yang telah dijalankan mendapat pada umumnya prestasi pengurusan kewangan adalah baik. Sungguhpun begitu, masih ada lagi Kementerian/Agensi Kerajaan Negeri yang tidak mematuhi beberapa peraturan berhubung dengan kawalan hasil, perbelanjaan, akaun amanah/deposit dan pengurusan aset serta inventori. Rekod perakaunan yang berkaitan juga tidak diselenggarakan dengan sempurna dan kemas kini.

#### **BAHAGIAN V: PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI KERAJAAN/AGENSI NEGERI**

5. Syarikat LAKU Management Sdn. Bhd. (LAKU) ditubuhkan pada tahun 1995. Kerajaan Negeri melalui *State Financial Secretary Incorporation* telah melabur RM9 juta dengan pemilikan ekuiti 100%. Penubuhan LAKU adalah bertujuan untuk mengambil alih peranan yang dijalankan oleh *Miri Water Supply Authority*, *Bintulu Water Supply Authority* dan *Limbang Water Supply Authority* untuk membekalkan air yang telah dirawat di kawasan Utara Sarawak yang meliputi kawasan Miri, Bintulu dan Limbang. LAKU telah dilesenkan untuk membekal dan mengagihkan air di kawasan yang telah ditetapkan untuk tempoh 25 tahun mulai 1 Januari 1996. Analisis terhadap penyata kewangan LAKU pada tahun 2005 dan 2006 mendapat penurunan keuntungan selepas cukai dengan sejumlah RM6.89 juta atau 91.2%. Penurunan ini adalah disebabkan perubahan dalam polisi perakaunan terhadap susut nilai aset. Tahap pengurusan LAKU secara keseluruhannya adalah baik. Sistem dan prosedur yang diguna pakai dijelaskan dengan lengkap dalam manual kualiti ISO 9001:2000. Namun begitu, perhatian perlu diambil terhadap pengurusan aset kerana ada aset yang tidak digunakan lagi. Selain itu, keselamatan di kawasan empangan, kawasan tadahan air dan kawasan pengambilan air mentah perlu ditingkatkan untuk memastikan kawasan berkenaan tidak di ceroboh.

#### **BAHAGIAN VI: PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN BADAN BERKANUN NEGERI, PIHAK BERKUASA TEMPATAN DAN MAJLIS AGAMA ISLAM**

6. Penyerahan Penyata Kewangan Tahun 2007 bagi 22 Badan Berkanun Negeri, 25 Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam adalah memuaskan berbanding tahun 2006. Bagaimanapun, sebanyak 8 Badan Berkanun Negeri dan 4 Pihak Berkuasa Tempatan lewat mengemukakan Penyata Kewangan Tahun 2007 seperti tarikh yang ditetapkan oleh undang-undang. Antara sebab Badan Berkanun Negeri lewat mengemukakan penyata kewangan mereka kerana syarikat subsidiari dan bersekutunya lewat menyerahkan penyata akaun bagi tujuan penyatuan. Bagaimanapun, semua

Penyata Kewangan Agensi Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2006 telah disahkan pada tahun berikutnya kecuali 4 Badan Berkanun Negeri dan 1 Pihak Berkuasa Tempatan disahkan pada tahun 2008. Kelulusan lanjutan tempoh penyerahan penyata kewangan daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri selaras dengan Seksyen 5 (1) Ordinan Badan-badan Berkanun (Prosedur Kewangan Dan Perakaunan) 1995 telah dimohon. Manakala 4 Pihak Berkuasa Tempatan berkenaan telah memohon lanjutan tempoh penyerahan penyata kewangan dan 3 daripada 4 Pihak Berkuasa Tempatan tersebut telah mendapat kelulusan daripada Menteri berkenaan selaras dengan kehendak Peraturan 38(1) dan (2), Peraturan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan,1997.

## BAHAGIAN I

### PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SARAWAK BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007

#### 1. PENDAHULUAN

**1.1** Seksyen 16(1) Akta Acara Kewangan, 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan Penyata Kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara untuk pengauditan sebelum 31 Julai tahun berikutnya seperti mana diperuntukkan di bawah Seksyen 9 Akta Audit, 1957.

**1.2** Selaras dengan peruntukan undang-undang tersebut, Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak bagi tahun berakhir 31 Disember 2007 kepada Jabatan Audit Negara pada **30 April 2008**. Penyata tersebut melaporkan semua urus niaga kewangan asas tunai bagi tahun 2007 yang berkaitan dengan sumber dan penggunaan wang awam. Penyata tersebut mengandungi Lembaran Imbang, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan (Nota Kepada Akaun).

**1.2.1** Lembaran Imbang menunjukkan jumlah wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Akaun Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Selaras dengan asas perakaunan tunai ubahsuai yang diguna pakai oleh Kerajaan Negeri, hanya pelaburan yang dipegang bagi maksud amanah tertentu dilaporkan dalam Lembaran Imbang. Manakala pelaburan lain dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

**1.2.2** Penyata Akaun Memorandum adalah akaun yang menunjukkan aset dan tanggungan Kerajaan Negeri. Aset Kerajaan Negeri merangkumi Pelaburan dan Pinjaman Boleh Dituntut manakala tanggungan Kerajaan Negeri pula terdiri daripada Hutang Awam.

**1.3** Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2007 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

**1.4** Pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2007. Pemerhatian Audit mengenainya telah dibangkitkan dengan pihak Perbendaharaan Negeri dan Kementerian/Jabatan Negeri melalui surat pengurusan sebaik sahaja sesuatu pengauditan selesai dijalankan.

## **2. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007**

Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan Piawaian Pengauditan yang diluluskan. Akta dan Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam persembahan Penyata Kewangan. Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak bagi tahun 2007 selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan. **Pada Pendapat Audit, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak pada keseluruhannya menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Sarawak bagi tahun berakhir 31 Disember 2007 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.** Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak yang disertakan bersama dengan Lembaran Imbang, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Akaun adalah seperti di **Lampiran I** hingga **Lampiran IV**.

## **3. PENARAFAN INDEKS AKAUNTABILITI TERHADAP PENYEDIAAN DAN PERSEMBAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SARAWAK**

Selain memberi pendapat mengenai gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri, Jabatan Audit Negara telah membuat penilaian secara objektif terhadap elemen-elemen dalam penyata kewangan untuk menentukan tahap penyediaan dan persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri. Penilaian ini meliputi peringkat interim dan muktamad.

### **3.1 PERINGKAT INTERIM**

Pada peringkat interim, penilaian telah dijalankan melalui ujian terhadap terimaan, pembayaran dan baucar jurnal. Penilaian telah dilaksanakan terhadap butiran seperti berikut:

#### **3.1.1 Terimaan**

Penilaian terimaan terhadap akaun tunai bulanan, penyata pemungut, penyata penyesuaian hasil dan penyata penyesuaian bank (akaun terimaan) dan cek tidak laku.

#### **3.1.2 Pembayaran**

Penilaian pembayaran terhadap baucar bayaran, penyata penyesuaian bank (akaun bayaran), penyata penyesuaian perbelanjaan, kawalan cek/stok cek, cek terbatal dan pindahan dana elektronik.

### **3.1.3 Baucar Jurnal**

Penilaian terhadap penyediaan dan pemprosesan baucar jurnal.

## **3.2 PERINGKAT MUKTAMAD**

Di peringkat muktamad, penilaian telah dilaksanakan terhadap penyediaan dan persempahan Penyata Wang Tunai, Penyata Pelaburan, Penyata Akaun Hasil Disatukan, Penyata Akaun Pinjaman Disatukan, Penyata Akaun Amanah Disatukan dan Penyata Akaun Memorandum.

**Pada pendapat Audit, penyediaan dan persempahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak bagi tahun kewangan 2007 adalah pada tahap baik dengan penarafan 3 bintang.**

## BAHAGIAN II

### ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SARAWAK

#### **4. ANALISIS KEWANGAN**

Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak Tahun 2007, juga membuat analisis terhadap data kewangan bagi menentukan tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri. Hasil analisis yang telah dijalankan adalah berdasarkan maklumat kewangan di Lembaran Imbang dan Penyata Akaun Memorandum. Lembaran Imbang mengandungi Penyata Wang Tunai, Penyata Pelaburan, Penyata Akaun Hasil Disatukan, Penyata Akaun Pinjaman Disatukan dan Penyata Akaun Amanah Disatukan sementara Penyata Akaun Memorandum meliputi data kewangan mengenai pelaburan dalam agensi dan syarikat, pinjaman boleh dituntut dan hutang awam.

##### **4.1 KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI**

**4.1.1** Mengikut Lembaran Imbang, baki dalam Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2007 adalah sejumlah RM8,650.70 juta. Jumlah tersebut terdiri daripada wang tunai sejumlah RM195.04 juta dan pelaburan sejumlah RM8,455.66 juta. Jumlah ini dipegang oleh 3 akaun berasingan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Baki Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri telah bertambah sejumlah RM1,624.81 juta iaitu daripada sejumlah RM7,025.89 juta pada tahun 2006 menjadi sejumlah RM8,650.70 juta pada tahun 2007. Peningkatan ini disumbangkan dari surplus Akaun Hasil Disatukan sejumlah RM807.22 juta dan lebih dari Akaun Amanah Disatukan sejumlah RM817.59 juta. Kedudukan baki Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2006 dan 2007 adalah seperti di **Jadual 1**.

**Jadual 1**  
**Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Bagi Tahun 2007 Berbanding Tahun 2006**

Bil.	Butiran	Tahun		Peningkatan/(Penurunan)	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Hasil Disatukan	3,870.22	4,677.44	807.22	20.8
2.	Akaun Amanah Disatukan Terdiri Daripada:	3,155.67	3,973.26	817.59	25.9
	i) Kumpulan Wang Pembangunan	1,790.65	1,977.49	186.84	10.4
	ii) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	720.21	1,225.03	504.82	70.1
	iii) Kumpulan Wang Amanah Awam	221.83	229.98	8.15	3.7
	iv) Deposit	108.40	262.66	154.26	142.3
	v) Akaun Kena Bayar	314.58	278.10	(36.48)	(11.6)
3.	Akaun Pinjaman Disatukan	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>		<b>7,025.89</b>	<b>8,650.70</b>	<b>1,624.81</b>	<b>23.1</b>

Sumber: Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Sarawak

**4.1.2** Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan bagi tempoh 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 2**.

**Jadual 2**  
**Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007**

Bil.	Butiran	Tahun				
		2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
1.	Akaun Hasil Disatukan	1,469.57	1,903.32	2,648.98	3,870.22	4,677.44
2.	Akaun Amanah Disatukan Terdiri Daripada:	2,388.53	2,547.68	2,603.76	3,155.67	3,973.26
	i) Kumpulan Wang Pembangunan	1,306.82	1,500.36	1,487.13	1,790.65	1,977.49
	ii) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	280.77	328.94	344.11	720.21	1,225.03
	iii) Kumpulan Wang Amanah Awam	213.27	211.34	209.73	221.83	229.98
	iv) Deposit	125.27	120.67	102.59	108.40	262.66
	v) Akaun Kena Bayar	462.40	386.37	460.20	314.58	278.10
3.	Akaun Pinjaman Disatukan	0	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>		<b>3,858.10</b>	<b>4,451.00</b>	<b>5,252.74</b>	<b>7,025.89</b>	<b>8,650.70</b>

Sumber: Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Sarawak

## 4.2 WANG TUNAI

**4.2.1** Wang tunai terdiri daripada wang tunai dalam tangan, wang tunai dalam perjalanan dan wang tunai dalam bank. Wang tunai dalam tangan diuruskan oleh 24 Perbendaharaan Kecil sementara wang runcit dipegang oleh 25 Jabatan Negeri. Wang tunai dalam bank pula diuruskan oleh Ibu Pejabat Perbendaharaan Negeri, sebanyak 11 Perbendaharaan Bahagian dan 2 agen di London.

**4.2.2** Analisis perbandingan kedudukan wang tunai bagi tahun 2006 dan 2007 menunjukkan penurunan sejumlah RM24.60 juta atau 11.2% daripada RM219.64 juta

pada tahun 2006 menjadi RM195.04 juta. Analisis perbandingan kedudukan kewangan wang tunai bagi tahun 2006 dan 2007 adalah seperti di **Jadual 3**.

**Jadual 3**  
**Kedudukan Wang Tunai Bagi Tahun 2007 Berbanding Tahun 2006**

Butiran	Tahun		Peningkatan/(Penurunan)	
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Wang Tunai Dalam Tangan	0.58	0.73	0.15	25.9
Wang Tunai Dalam Perjalanan	3.83	10.74	6.91	180.4
Wang Tunai Dalam Bank	215.23	183.57	(31.66)	(14.7)
<b>Jumlah</b>	<b>219.64</b>	<b>195.04</b>	<b>(24.60)</b>	<b>(11.2)</b>

Sumber: Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Sarawak

**4.2.3** Analisis Audit mendapati baki wang tunai dalam tangan dengan Perbendaharaan Kecil meningkat sejumlah RM0.15 juta atau 25.9% pada tahun 2007 berbanding tahun 2006. Peningkatan ini berlaku kerana Perbendaharaan Kecil tidak melakukan pindahan wang tunai kepada Ibu Pejabat Perbendaharaan Negeri pada akhir tahun 2007 sebab jumlahnya tidak melebihi had pegangan wang tunai yang dibenarkan. Pada tahun 2007, baki wang tunai dalam perjalanan meningkat sejumlah RM6.91 juta atau 180.4% berbanding tahun 2006. Peningkatan ini disebabkan oleh penerimaan dan pindahan wang tunai daripada Ibu Pejabat Perbendaharaan Negeri ke Perbendaharaan Bahagian/Kecil atau sebaliknya tidak diakaunkan dalam Buku Tunai masing-masing sebelum 31 Disember 2007. Analisis Audit terhadap baki wang tunai dalam bank mendapati penurunan sejumlah RM31.66 juta atau 14.7%. Penurunan ini berlaku kerana wang tunai lebihan dalam bank telah dilaburkan dalam simpanan tetap dan *Money Market Time Deposit* (MMTD).


**4.2.4** Baki wang tunai menurun setiap tahun bagi tempoh tahun 2003 hingga 2007 kerana wang tunai digunakan untuk pelaburan. Ini dapat ditunjukkan dengan penambahan jumlah pelaburan antara 18.4% hingga 35% bagi tempoh 2003 hingga 2007. Trend wang tunai bagi tempoh 5 tahun adalah seperti di **Jadual 4** dan **Carta 1**.

**Jadual 4**  
**Baki Wang Tunai Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007**

Bil.	Butiran	Tahun				
		2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
1.	Wang Tunai Dalam Tangan	1.35	0.69	0.90	0.58	0.73
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	2.48	0.54	14.32	3.83	10.74
3.	Wang Tunai Dalam Bank	308.08	252.15	194.44	215.23	183.57
	<b>Jumlah</b>	<b>311.91</b>	<b>253.38</b>	<b>209.66</b>	<b>219.64</b>	<b>195.04</b>

Sumber: Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Sarawak

**Carta 1**  
**Kedudukan Wang Tunai Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007**



Sumber: Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Sarawak

#### 4.3 PELABURAN

**4.3.1** Pelaburan diklasifikasikan kepada Pelaburan Am dan Pelaburan Kumpulan Wang Amanah. Sebahagian besar pelaburan adalah dalam bentuk simpanan tetap dan *Money Market Time Deposit* (MMTD) dengan institusi kewangan yang diluluskan manakala yang lain adalah dalam bentuk unit saham. Sumber pelaburan adalah daripada Akaun Hasil Disatukan atau Kumpulan Wang Amanah.

**4.3.2** Analisis perbandingan pelaburan Kerajaan Negeri pada akhir tahun 2007 dan tahun 2006 menunjukkan peningkatan sejumlah RM1,649.41 juta atau 24.2% menjadi RM8,455.66 juta berbanding sejumlah RM6,806.25 juta pada tahun 2006. Analisis perbandingan pelaburan Kerajaan Negeri bagi tahun 2006 dan 2007 adalah seperti di **Jadual 5**.

**Jadual 5**  
**Pelaburan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2007 Berbanding Tahun 2006**

Pelaburan	Tahun		Peningkatan	
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Pelaburan Am				
- Simpanan Tetap dan MMTD	6,602.00	8,240.50	1,638.50	24.8
Pelaburan Kumpulan Wang Amanah				
- Simpanan Tetap	107.77	113.32	5.55	5.1
- Unit Saham	96.48	101.84	5.36	5.5
<b>Jumlah</b>	<b>6,806.25</b>	<b>8,455.66</b>	<b>1,649.41</b>	<b>24.2</b>

Sumber: Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Sarawak

**4.3.3** Analisis Audit mendapati peningkatan ini adalah disebabkan oleh peningkatan dalam pelaburan am khususnya simpanan tetap dan MMTD sejumlah RM1,638.50 juta

atau 24.8%. Pada tahun 2007, simpanan tetap bagi pelaburan am telah memberi pulangan pelaburan sejumlah RM249.73 juta. Pelaburan dalam Kumpulan Wang Amanah pula meningkat sejumlah RM10.91 juta atau 5.3%. Peningkatan tersebut adalah disebabkan penambahan simpanan tetap dan pelaburan saham yang melibatkan Dana Getah.


**4.3.4** Trend pelaburan Kerajaan Negeri bagi tempoh 2003 hingga 2007 menunjukkan peningkatan dari setahun ke setahun di mana wang tunai tidak disimpan secara berlebihan tetapi dilaburkan. Kedudukan pelaburan Kerajaan Negeri bagi tempoh 5 tahun adalah seperti di **Jadual 6** dan **Carta 2**.

**Jadual 6**  
**Pelaburan Kerajaan Negeri Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007**

Butiran	Jumlah Pelaburan Mengikut Tahun				
	2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
Pelaburan Am	3,342.00	3,992.00	4,837.00	6,602.00	8,240.50
Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	204.19	205.63	206.08	204.25	215.16
<b>Jumlah</b>	<b>3,546.19</b>	<b>4,197.63</b>	<b>5,043.08</b>	<b>6,806.25</b>	<b>8,455.66</b>

Sumber: Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Sarawak

**Carta 2**  
**Kedudukan Pelaburan Kerajaan Negeri Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007**



Sumber: Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Sarawak

#### **4.4 AKAUN HASIL DISATUKAN**

Baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan pada 31 Disember 2007 meningkat menjadi RM4,677.44 juta berbanding sejumlah RM3,870.22 juta pada tahun 2006. Peningkatan ini adalah disebabkan Kerajaan Negeri memperoleh surplus tahun semasa sejumlah

RM807.22 juta. Surplus ini berpunca daripada hasil sejumlah RM4,055.37 juta berbanding perbelanjaan sejumlah RM3,248.15 juta pada tahun 2007.

#### 4.4.1 Hasil

Hasil Kerajaan Negeri terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai, Terimaan Bukan Hasil serta Pemberian Kerajaan Persekutuan Dan Bayaran Balik. Hasil Cukai ialah hasil yang dikutip berdasarkan perundangan yang diluluskan oleh Parlimen atau Dewan Undangan Negeri. Hasil Bukan Cukai ialah hasil yang dikutip bagi perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan untuk rakyat. Terimaan Bukan Hasil pula ialah kutipan yang bukan berdasarkan mana-mana akta atau perundangan. Pemberian Kerajaan Persekutuan Dan Bayaran Balik merupakan pemberian, caruman dan pulangan balik perbelanjaan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan.

##### a) Pungutan Hasil

Pada keseluruhannya, hasil yang dikutip oleh Kerajaan Negeri termasuk pemberian Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2007 meningkat sejumlah RM81.85 juta atau 2.1% menjadi sejumlah RM4,055.37 juta berbanding sejumlah RM3,973.52 juta bagi tahun 2006. Peningkatan pungutan hasil ini adalah daripada lebihan Hasil Cukai sejumlah RM92.96 juta atau 10.3% seperti di **Jadual 7**.

**Jadual 7**  
**Pungutan Hasil Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2007 Berbanding Tahun 2006**

Butiran Hasil	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Hasil Cukai	900.84	993.81	92.97	10.3
Hasil Bukan Cukai	2,961.13	2,950.77	(10.36)	(0.3)
Terimaan Bukan Hasil	21.68	16.10	(5.58)	(25.7)
Pemberian Kerajaan Persekutuan Dan Bayaran Balik	89.87	94.69	4.82	5.4
<b>Jumlah</b>	<b>3,973.52</b>	<b>4,055.37</b>	<b>81.85</b>	<b>2.1</b>

Sumber: Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Sarawak

##### b) Penyumbang Utama Hasil

Penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri bagi tempoh 5 tahun adalah hasil pampasan gantian hak ke atas minyak, dividen, royalti hutan, pampasan gantian hak ke atas gas dan premium tanah adalah seperti di **Jadual 8**.


**Jadual 8**  
**Penyumbang Utama Hasil Kerajaan Negeri**  
**Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007**

Butiran Hasil	Tahun				
	2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
Pampasan Gantian Hak Ke Atas Minyak	400.25	517.16	739.87	951.23	991.17
Dividen	303.22	512.99	560.16	760.85	676.36
Royalti Hutan	683.94	648.45	690.86	631.40	629.85
Pampasan Gantian Hak Ke Atas Gas	329.46	380.94	427.21	541.10	561.49
Premium Tanah	141.68	150.37	157.76	201.00	158.75
<b>Jumlah</b>	<b>1,858.55</b>	<b>2,209.91</b>	<b>2,575.86</b>	<b>3,085.58</b>	<b>3,017.62</b>

Sumber: Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Sarawak

Analisis terhadap trend penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri bagi tempoh 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Carta 3**.

**Carta 3**  
**Penyumbang Utama Hasil Kerajaan Negeri Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007**



Sumber: Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Sarawak

Sumber hasil bukan cukai iaitu pampasan gantian hak ke atas minyak dan gas meningkat antara 4.2% hingga 43.1% setiap tahun dalam tempoh 5 tahun. Peningkatan hasil ini disebabkan oleh kenaikan harga purata minyak serta gas dan pengeluaran kuantiti untuk dijual. Hasil dividen meningkat dengan ketara pada tahun 2003 hingga 2006 antara 9.2% hingga 69.2%. Peningkatan dividen berlaku kerana nilai dividen yang tinggi dibayar oleh syarikat minyak serta gas di Negeri Sarawak dan juga disebabkan oleh penerimaan bayaran balik potongan cukai oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri. Bagaimanapun, hasil dividen pada tahun 2007

menurun sejumlah RM84.49 juta kerana bayaran balik potongan cukai oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri sejumlah RM369.43 juta belum diterima. Hasil cukai seperti royalti dan premium tanah juga menyumbang kepada hasil keseluruhan Kerajaan Negeri. Bagaimanapun, dalam tempoh 5 tahun hasil royalti hutan hanya meningkat pada tahun 2005 sebanyak 6.5%. Manakala bagi premium tanah, peningkatan adalah tidak ketara. Dalam tempoh 2003 hingga 2006 peningkatan adalah antara 4.9% hingga 27.4%. Pada tahun 2007 pula, ianya menurun sejumlah RM42.25 juta atau 21% berbanding pada tahun 2006. Penurunan ini berlaku kerana pembayaran premium tanah adalah dibuat secara ansuran.

### c) Analisis Peningkatan Dan Penurunan Hasil

Analisis Audit mendapati 62 butiran hasil meningkat sejumlah RM301.12 juta manakala 52 butiran hasil menunjukkan penurunan sejumlah RM219.87 juta dan 3 butiran hasil tidak berubah.

#### i) Peningkatan Hasil

Analisis peningkatan hasil yang ketara tahun 2007 berbanding tahun 2006 adalah seperti di **Jadual 9**.

**Jadual 9**  
**Peningkatan Hasil Ketara Tahun 2007 Berbanding Tahun 2006**

Butiran Hasil	Pungutan Mengikut Tahun		Peningkatan		Punca Peningkatan
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
Minyak Sawit Mentah	59.08	152.44	93.36	158.0	Kenaikan harga komoditi dari RM1,510.50 kepada RM2,530.50 bagi satu tan metrik dan kenaikan pengeluaran minyak sawit dari 1,503,122 tan metrik kepada 1,634,882 tan metrik pada tahun 2006 berbanding tahun 2007.
Hasil Dan Faedah Dari Pasaran Kewangan	161.39	249.73	88.34	54.7	Penambahan pelaburan dalam Simpanan Tetap oleh Kerajaan Negeri sebanyak RM1,638.50 juta dan membuat pelaburan jangka panjang bagi pelaburan yang memberi kadar faedah yang tinggi.
Pampasan Gantian Hak Ke Atas Minyak	951.23	991.17	39.94	4.2	Kenaikan harga purata minyak dari USD61.25/bbils kepada USD78.56/bbils.
<b>Jumlah</b>	<b>1,171.70</b>	<b>1,393.34</b>	<b>221.64</b>	<b>18.9</b>	

Sumber: Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Sarawak, Rekod Malaysia Palm Oil Board, Rekod Perbendaharaan Negeri Dan Rekod Petronas

#### ii) Penurunan Hasil

Analisis penurunan hasil yang ketara tahun 2007 berbanding tahun 2006 adalah seperti di **Jadual 10**.

**Jadual 10**  
**Penurunan Hasil Ketara Tahun 2007 Berbanding Tahun 2006**

Butiran Hasil	Pungutan Mengikut Tahun		Penurunan		Punca Penurunan
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
Dividen	760.85	676.36	84.49	11.1	Tuntutan bayaran balik dividen tidak diterima dari Lembaga Hasil Dalam Negeri pada tahun 2007.
Premium Tanah	201.00	158.75	42.25	21.0	Pembayaran premium tanah adalah dibuat secara ansuran.
Pampasan Gantian Duti Eksais Dan Duti Import Ke Atas Produk Petroleum	152.87	120.00	32.87	21.5	Kerajaan Persekutuan menyarankan pampasan pada kadar tetap sejumlah RM120 juta diagihkan kepada Kerajaan Negeri dan amaun ini telah pun diterima oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2007. Bagaimanapun Kerajaan Negeri belum bersetuju dengan jumlah bayaran pampasan itu dan formula pampasan masih belum muktamad.
<b>Jumlah</b>	<b>1,114.72</b>	<b>955.11</b>	<b>159.61</b>	<b>14.32</b>	

Sumber: Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Sarawak Dan Rekod Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri

### iii) Trend Pungutan Hasil


Hasil Kerajaan Negeri Sarawak menunjukkan peningkatan dari setahun ke setahun iaitu antara 2.1% hingga 23.1% setahun. Pungutan hasil mengikut kategori dan trend bagi tempoh 5 tahun adalah seperti di **Jadual 11** dan **Carta 4**.

**Jadual 11**  
**Pungutan Hasil Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007**

Kategori Hasil	Tahun				
	2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
Hasil Cukai	867.09	891.85	939.41	900.84	993.81
Hasil Bukan Cukai	1,720.21	1,894.38	2,178.55	2,961.13	2,950.77
Terimaan Bukan Hasil	12.88	24.36	23.04	21.68	16.10
Pemberian Kerajaan Persekutuan Dan Bayaran Balik	50.37	122.05	88.04	89.87	94.69
<b>Jumlah</b>	<b>2,650.55</b>	<b>2,932.64</b>	<b>3,229.04</b>	<b>3,973.52</b>	<b>4,055.37</b>

Sumber: Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Sarawak

**Carta 4**  
**Trend Pungutan Hasil Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007**



Sumber: Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Sarawak

#### 4.4.2 Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan mengurus terbahagi kepada 2 jenis iaitu Perbelanjaan Tanggungan dan Perbelanjaan Perbekalan. Mengikut Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan, Perbelanjaan Tanggungan adalah perbelanjaan yang dipertanggungkan terus kepada Kumpulan Wang Disatukan manakala Perbelanjaan Perbekalan adalah untuk membiayai aktiviti dan kegiatan harian Kerajaan. Perbelanjaan mengurus dikategorikan kepada 5 jenis iaitu Emolumen, Perkhidmatan Dan Bekalan, Aset, Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap serta Perbelanjaan Lain.

##### a) Perbelanjaan Melebihi Peruntukan

Pada tahun 2007, peruntukan asal sejumlah RM3,150.47 juta telah diluluskan untuk Perbelanjaan Tanggungan dan Perbelanjaan Perbekalan. Bagaimanapun sejumlah RM94.87 juta peruntukan telah ditambah bagi menampung perbelanjaan mengurus dan menjadikan jumlah keseluruhan peruntukan perbelanjaan mengurus sejumlah RM3,245.34 juta. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM3,248.16 juta telah dibelanjakan. Ini bermakna sejumlah RM2.82 juta perbelanjaan telah melebihi peruntukan seperti yang ditunjukkan di **Jadual 12**.

**Jadual 12**  
**Perbelanjaan Melebihi Peruntukan Pada Tahun 2007**

Jenis Perbelanjaan	Peruntukan			Perbelanjaan (RM Juta)	Baki (RM Juta)
	Asal (RM Juta)	Tambahan (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)		
Tanggungan	79.75	19.24	98.99	91.67	7.32
Perbekalan	3,070.72	75.63	3,146.35	3,156.49	(10.14)
<b>Jumlah</b>	<b>3,150.47</b>	<b>94.87</b>	<b>3,245.34</b>	<b>3,248.16</b>	<b>(2.82)</b>

Sumber: Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Sarawak

Semakan Audit mendapati lebihan perbelanjaan tersebut adalah dibenarkan di bawah Waran Pendahuluan Kontingensi di mana peruntukan tambahan telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri pada bulan Mei 2008.

Analisis Audit selanjutnya mendapati 19 Kementerian/Jabatan telah belanja melebihi peruntukan yang dibenarkan dengan sejumlah RM33.56 juta. Peruntukan tambahan tersebut dibentangkan di Dewan Undangan Negeri dan hanya diluluskan pada bulan Mei 2008 selaras dengan Artikel 32 Perlembagaan Negeri. Antara Kementerian/Jabatan yang terlibat adalah seperti di **Jadual 13**.

**Jadual 13**  
**Perbelanjaan Melebihi Peruntukan Bagi Tahun 2007**

Kementerian/Jabatan	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Lebih Belanja (RM Juta)	(%)	Punca
Jabatan Kerja Raya (Berulang)	60.00	85.68	25.68	42.8	Peningkatan Perbelanjaan Perhubungan dan Utiliti
Jabatan Ketua Menteri	167.37	171.09	3.72	2.2	Peningkatan Perbelanjaan Ikhtisas dan Perkhidmatan Lain Yang Dibeli dan Hospitaliti
Pejabat Yang di-Pertua Negeri	3.49	4.53	1.04	29.8	Peningkatan Perbelanjaan Perjalanan dan Pengangkutan
Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi	45.08	46.02	0.94	2.1	Peningkatan jumlah peruntukan yang diberi kepada Badan Berkanun Kerajaan Negeri
Kementerian Alam Sekitar Dan Kesihatan Awam	11.49	11.96	0.47	4.1	Peningkatan Perbelanjaan Faedah Kewangan Yang Lain
<b>Jumlah</b>	<b>287.43</b>	<b>319.28</b>	<b>31.85</b>	<b>11.1</b>	

Sumber : Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Sarawak

### b) Perbelanjaan

Pada tahun 2007, sejumlah RM1,116.15 juta telah dibelanjakan untuk perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri. Jumlah tersebut tidak termasuk caruman yang dibayar kepada Kumpulan Wang Berkanun sejumlah RM2,132.00 juta. Analisis Audit mendapati perbelanjaan mengurus tahun 2007 telah menurun sejumlah RM10.12 juta atau 0.9% berbanding tahun 2006. Penurunan yang ketara adalah kerana langkah perbelanjaan berhemat oleh Kerajaan Negeri Sarawak di bawah kategori

pembelian aset, pemberian dan kenaan bayaran tetap serta perbelanjaan lain sejumlah RM42.81 juta. Jumlah perbelanjaan mengurus mengikut kategori bagi tahun 2007 berbanding tahun 2006 adalah seperti di **Jadual 14**.

**Jadual 14**  
**Perbelanjaan Mengurus Mengikut Kategori**  
**Bagi Tahun 2007 Berbanding Tahun 2006**

Kategori Perbelanjaan	Perbelanjaan Mengikut Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Emolumen	336.89	362.26	25.37	7.5
Perkhidmatan Dan Bekalan	412.30	419.62	7.32	1.8
Aset	15.49	10.12	(5.37)	(34.7)
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	359.43	322.41	(37.02)	(10.3)
Perbelanjaan Lain	2.16	1.74	(0.42)	(19.4)
<b>Jumlah</b>	<b>1,126.27</b>	<b>1,116.15</b>	<b>(10.12)</b>	<b>(0.9)</b>

Sumber: Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Sarawak

**c) Analisis Peningkatan Dan Penurunan Perbelanjaan**

Analisis Audit mendapati peningkatan perbelanjaan yang ketara adalah perbelanjaan emolumen sejumlah RM25.37 juta. Antara butiran perbelanjaan yang menunjukkan peningkatan ketara pada tahun 2007 berbanding tahun 2006 adalah seperti di **Jadual 15**.

**Jadual 15**  
**Peningkatan Perbelanjaan Mengurus Yang Ketara**  
**Tahun 2007 Berbanding Tahun 2006**

Perbelanjaan	Perbelanjaan Mengikut Tahun		Peningkatan		Punca Peningkatan
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
Gaji Dan Upahan	209.78	238.27	28.49	13.6	Kenaikan Gaji Kakitangan Awam
Sewaan	79.24	96.89	17.65	22.3	Sewaan Bangunan Dan Pengangkutan tahun lepas hanya dibayar pada tahun 2007
Elaun Tetap	87.07	96.22	9.15	10.5	Kenaikan Gaji Kakitangan Awam
<b>Jumlah</b>	<b>376.09</b>	<b>431.38</b>	<b>55.29</b>	<b>14.7</b>	

Sumber: Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Sarawak

Analisis Audit mendapati antara butiran perbelanjaan yang menunjukkan penurunan yang ketara pada tahun 2007 berbanding pada tahun 2006 adalah seperti di **Jadual 16**.

**Jadual 16**  
**Penurunan Perbelanjaan Mengurus Ketara**  
**Tahun 2007 Berbanding Tahun 2006**


Perbelanjaan	Perbelanjaan Mengikut Tahun		Penurunan		Punca Penurunan
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
Faedah Dan Kenaan Bayaran Hutang Yang Lain	111.22	84.24	26.98	24.2	Penurunan jumlah bayaran balik pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan Tahun 2007.
Geran	233.04	223.86	9.18	3.9	Penurunan jumlah peruntukan yang diberi kepada Badan Berkanun Kerajaan Negeri Sarawak Tahun 2007.
Peralatan Pejabat, Perabot dan Kelengkapan dan Item Rujukan	5.35	2.92	2.43	45.4	Langkah perbelanjaan berhemat Kerajaan Negeri Sarawak
<b>Jumlah</b>	<b>349.61</b>	<b>311.02</b>	<b>38.59</b>	<b>11.0</b>	

Sumber: Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Sarawak

**d) Trend Perbelanjaan**

Secara keseluruhannya, analisis trend perbelanjaan mengurus bagi tahun 2003 hingga 2007 menunjukkan penurunan dari setahun ke setahun secara konsisten. Kedudukan perbelanjaan mengurus mengikut kategori bagi tempoh 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Carta 5**.

**Carta 5**  
**Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007**



Sumber : Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Sarawak

**e) Pindah Peruntukan Dan Peruntukan Tambahan**

Analisis lanjut Audit mendapati pindah peruntukan dan peruntukan tambahan bagi 36 Kementerian/Jabatan sejumlah RM0.80 juta yang dibuat pada tahun 2007 adalah tidak perlu kerana peruntukan asal sejumlah RM10.60 juta adalah mencukupi untuk menampung perbelanjaan sebenar sejumlah RM9.68 juta. Antara Kementerian/Jabatan yang terlibat adalah seperti di **Jadual 17**.

**Jadual 17**  
**Pindah Peruntukan Dan Peruntukan Tambahan**  
**Yang Tidak Perlu Pada Tahun 2007**

Kementerian/Jabatan	Jenis Perbelanjaan	Peruntukan			Perbelanjaan (RM)
		Asal (RM)	Pindahan Peruntukan Dan Peruntukan Tambahan (RM)	Jumlah (RM)	
Jabatan Ketua Menteri	Perkhidmatan Ikhtisas dan Perkhidmatan Lain Yang Dibeli dan Hospitaliti	1,495,640	70,893	1,566,533	1,412,415
Jabatan Kerja Raya	Bahan Mentah Untuk Penyelenggaraan dan Pembaikan	248,500	37,760	286,260	219,225
Kementerian Pembangunan Luar Bandar	Sewaan	10,000	34,962	44,962	9,917
<b>Jumlah</b>		<b>1,754,140</b>	<b>143,615</b>	<b>1,897,755</b>	<b>1,641,557</b>

Sumber: Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Sarawak

**f) Pembayaran Dengan Kelulusan Khas**

Mengikut Arahan Perbendaharaan 58, Akauntan Negeri dibenarkan membayar baucar yang dikemukakan selepas bulan Januari tahun kewangan semasa bagi tanggungan yang kena dibayar pada atau sebelum bulan Disember tahun sebelumnya. Baucar tersebut boleh dibayar sekiranya Jabatan masih ada baki peruntukan tahun sebelumnya bagi perbelanjaan yang sepatutnya dibayar. Pada tahun 2007, sejumlah RM8.07 juta bagi bil dan tuntutan tahun 2006 dan sebelumnya telah dibayar di bawah peraturan ini oleh 29 Kementerian/Jabatan. Pembayaran mengikut jenis adalah seperti di **Jadual 18**.

**Jadual 18**  
**Pembayaran Dengan Kelulusan Khas Pada Tahun 2007**

Jenis Pembayaran	Amaun (RM)
Perbelanjaan Dan Pengangkutan	268,558
Pengangkutan Barang-barang	205,437
Sewaan Bangunan Dan Pengangkutan	6,237,191
Perkhidmatan Pekerja Harian Dan Perubatan	818,832
Lain-lain Pembayaran	537,550
<b>Jumlah</b>	<b>8,067,568</b>

Sumber: Rekod Jabatan Perbendaharaan Negeri Bahagian Kuching

Semakan Audit mendapati 13 Kementerian/Jabatan telah membuat pembayaran sejumlah RM3.51 juta di bawah peraturan ini walaupun tiada baki peruntukan atau peruntukan tidak mencukupi pada tahun 2006 dan sebelumnya. Antara sebab lain bayaran dibuat ialah bil dan tuntutan lewat diterima, baucar bayaran telah dibangkitkan dan kelulusan untuk bayaran atau pengecualian sebut harga diperolehi pada tahun berikutnya.

Analisis Audit mendapati daripada sejumlah RM3.51 juta tersebut adalah termasuk sejumlah RM1.68 juta di bawah Jabatan Kerja Raya bagi bayaran sewaan bangunan dan RM1.40 juta di bawah Jabatan Ketua Menteri bagi bayaran sewaan pengangkutan.

#### **4.5 AKAUN PINJAMAN DISATUKAN**

**4.5.1** Akaun Pinjaman Disatukan mengakaunkan semua pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan dan sumber lain yang dibenarkan. Pada akhir tahun 2007, Akaun ini tidak mempunyai baki iaitu sama seperti pada tahun 2006 dan tahun sebelumnya. Pinjaman sejumlah RM108.92 juta yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan telah diambil kira ke Akaun ini sebelum dipindahkan kesemuanya ke Kumpulan Wang Pembangunan. Daripada jumlah pinjaman tersebut, sejumlah RM50.40 juta dipinjamkan semula kepada Badan Berkanun Negeri manakala sejumlah RM58.52 juta adalah bagi membiayai projek yang diurus sendiri oleh Kerajaan Negeri. Peningkatan jumlah pinjaman yang diterima pada tahun 2007 berbanding tahun 2006 mengikut jenis pinjaman adalah seperti di **Jadual 19**.

**Jadual 19**  
**Jumlah Pinjaman Diterima Mengikut Jenis Bagi Tahun 2007**  
**Berbanding Tahun 2006**

Jenis Pinjaman	Tahun		Peningkatan	
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Bekalan Air	44.12	87.70	43.58	98.8
Projek Ladang	10.50	21.22	10.72	102.1
<b>Jumlah</b>	<b>54.62</b>	<b>108.92</b>	<b>54.30</b>	<b>99.4</b>

*Sumber : Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Sarawak*

**4.5.2** Pada tahun 2007, Kerajaan Negeri telah menerima sepuluh pinjaman untuk projek baru berkaitan dengan bekalan air sejumlah RM65.96 juta. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 20**.

**Jadual 20**  
**Pinjaman Baru Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2007**

Jenis Pinjaman	Jumlah Pinjaman (RM Juta)
Projek Bina Loji Dan Paip Utama Kuching Sarawak	5.25
Projek Bekalan Air Nibong Tada Sarawak	6.42
Projek Pembinaaan Loji Salim Fasa II Sarawak	9.33
Projek Kajian Bekalan Air Wilayah Belaga Sarawak	1.29
Program Kebangsaan Gis Untuk Negeri Sarawak	0.43
Projek Pembinaan Empangan Geruju Sarikei Sarawak	4.33
Projek Bekalan Air Wilayah Trusan Sarawak	0.83
Projek Bekalan Air Pakan Fasa II Sarawak	0.92
Program Mengurangkan Kadar Kehilangan Air Tak Terhasil Sarawak	36.81
Projek Naik Taraf Loji/Kolam Takungan Paip Utama Sri Aman	0.35
<b>Jumlah</b>	<b>65.96</b>

Sumber : Rekod Perbendaharaan Negeri Sarawak

Kesemua pinjaman baru telah diagihkan mengikut tujuan pinjaman dibuat. Kerajaan Negeri juga tidak mempunyai tunggakan ansuran.

#### **4.6 AKAUN AMANAH DISATUKAN**

Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam Dan Deposit dan Akaun Kena Bayar. Pada 31 Disember 2007, baki Kumpulan Wang ini sejumlah RM3,973.26 juta iaitu meningkat sejumlah RM817.59 juta atau 25.9% daripada baki pada akhir tahun 2006 sejumlah RM3,155.67 juta.

##### **4.6.1 Kumpulan Wang Pembangunan**

Kumpulan Wang Pembangunan ditubuhkan mengikut Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 (Akta 70). Terimaan Kumpulan Wang ini terdiri daripada caruman dari Akaun Hasil, terimaan pemberian dan pinjaman dari Kerajaan Persekutuan bagi maksud pembangunan dan juga terimaan bayaran balik pinjaman dari Agensi Kerajaan. Kumpulan Wang ini hanya boleh dibelanjakan untuk maksud seperti yang ditentukan dalam Akta tersebut.

- a) Pada 31 Disember 2007, Kumpulan Wang Pembangunan telah mencatat surplus sejumlah RM186.84 juta. Surplus ini berpunca daripada penerimaan sejumlah RM2,387.16 juta berbanding perbelanjaan sejumlah RM2,200.32 juta. Penerimaan yang ketara adalah caruman dari Akaun Hasil sejumlah RM2,100 juta. Oleh itu, baki terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan pada akhir tahun 2007 bertambah menjadi sejumlah RM1,977.49 juta berbanding sejumlah RM1,790.65 juta pada tahun 2006.
- b) Peruntukan sejumlah RM2,417.94 juta telah diagihkan kepada 9 Kementerian/Jabatan pada tahun 2007 untuk maksud pembangunan. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM2,200.32 juta atau 91% telah dibelanjakan. Sebanyak

2 Kementerian telah membuat perbelanjaan melebihi peruntukan yang diluluskan sejumlah RM15.69 juta dibiayai melalui peruntukan dana luar jangka. Butiran prestasi perbelanjaan pembangunan bagi 9 Kementerian/Jabatan tersebut adalah seperti di **Jadual 21**.

**Jadual 21**  
**Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Bagi Tahun 2007**

Kementerian/Jabatan	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	(Lebihan)/Kurangan Belanja (RM Juta)	Peratus Perbelanjaan (%)
Kementerian Kewangan	1,760.83	1,627.98	132.85	92.4
Kementerian Kemudahan Awam	156.84	107.35	49.49	68.4
Kementerian Pembangunan Bandar Dan Pelancongan	50.30	25.35	24.95	50.4
Kementerian Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan	276.40	262.12	14.28	94.8
Kementerian Pembangunan Luar Bandar	13.40	10.67	2.73	79.6
Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi	6.57	6.29	0.28	95.7
Kementerian Pemodenan Pertanian	43.72	34.99	8.73	80.0
Kementerian Perancangan Dan Pengurusan Sumber	106.00	117.20	(11.20)	(110.6)
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	3.88	8.37	(4.49)	(215.7)
<b>Jumlah</b>	<b>2,417.94</b>	<b>2,200.32</b>	<b>217.62</b>	<b>91.0</b>

Sumber : Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Sarawak

Semakan Audit seterusnya mendapati sejumlah RM27.79 juta yang melibatkan 21 projek di bawah 5 Kementerian/Jabatan telah membuat perbelanjaan melebihi peruntukan yang diluluskan dan dibiayai melalui peruntukan dana luar jangka. Peruntukan tambahan tersebut dibentangkan di Dewan Undangan Negeri dan hanya diluluskan pada bulan Mei 2008, selaras dengan Seksyen 4(2) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 22**.

**Jadual 22**  
**Projek Pembangunan Yang Melebihi Peruntukan Bagi Tahun 2007**

Kementerian/Jabatan	Bilangan Projek	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Lebih Belanja (RM Juta)	(%)
Kementerian Kewangan	4	0.23	5.68	5.45	2,369.6
Kementerian Pembangunan Bandar Dan Pelancongan	9	0.55	1.79	1.24	225.4
Kementerian Pemodenan Pertanian	2	0.52	1.29	0.77	148.1
Kementerian Perancangan Dan Pengurusan Sumber	2	37.00	52.17	15.17	41.0
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	4	0.10	5.26	5.16	5,160.0
<b>Jumlah</b>	<b>21</b>	<b>38.40</b>	<b>66.19</b>	<b>27.79</b>	<b>72.4</b>

Sumber : Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Sarawak

**c) Analisis Peningkatan Dan Penurunan Perbelanjaan Pembangunan**

Analisis Audit mendapati antara peningkatan dan penurunan perbelanjaan pembangunan yang ketara bagi tahun 2007 berbanding tahun 2006 adalah melibatkan pelaksanaan projek seperti di **Jadual 23** dan **Jadual 24**.

**Jadual 23**  
**Peningkatan Perbelanjaan Pembangunan Yang Ketara**  
**Tahun 2007 Berbanding Tahun 2006**

Nama Projek	Perbelanjaan Tahun		Peningkatan		Punca Peningkatan
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
Kota Samarahan Industrial Estate (Extension)	0.03	9.71	9.68	32,266.7	Pelaksanaan pada tahun 2006 adalah <i>soil investigation works</i> dan kerja survei yang merupakan peruntukan Kerajaan Negeri. Manakala pelaksanaan projek sebenar bermula pada bulan Ogos 2007.
Kelulit Drainage Scheme	1.46	2.48	1.02	69.9	Terdapat kelewatan dalam kerja kontrak pada tahun 2006. Kerja kontrak telah disiapkan sepenuhnya pada tahun 2007.
Taman Negara Gunung Mulu	2.76	4.78	2.02	73.2	Perbelanjaan pada tahun 2007 melibatkan kerja infrastruktur berbanding kerja operasi pada tahun 2006.
<b>Jumlah</b>	<b>4.25</b>	<b>16.97</b>	<b>12.72</b>	<b>299.3</b>	

Sumber : Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Sarawak, Rekod Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri dan Jabatan Berkaitan

**Jadual 24**  
**Penurunan Perbelanjaan Pembangunan Yang Ketara**  
**Tahun 2007 Berbanding Tahun 2006**

Nama Projek	Perbelanjaan Tahun		Penurunan		Punca Penurunan
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
Jalan Tatau Sangan Bintulu	43.66	0.55	43.11	98.7	Kerja kontrak telah siap pada tahun 2006 dan kebanyakan pembayaran telah dibuat pada tahun yang sama. Perbelanjaan bagi tahun 2007 adalah untuk membayar kerja penyenggaraan dan sebahagian daripada pembayaran kontrak.
Jalan Kampung Staang Mambong	2.76	0.10	2.66	96.4	Kerja kontrak telah siap pada tahun 2006 dan kebanyakan pembayaran telah dibuat pada tahun yang sama. Perbelanjaan bagi tahun 2007 adalah untuk membayar sebahagian daripada pembayaran kontrak.
State Central Store Kuching	10.79	1.60	9.19	85.2	Kebanyakan pembayaran kerja kontrak dibuat pada tahun 2006 dan perbelanjaan bagi tahun 2007 hanya bagi pembayaran akhir. Projek siap pada bulan Mac 2007.
<b>Jumlah</b>	<b>57.21</b>	<b>2.25</b>	<b>54.96</b>	<b>96.1</b>	

Sumber: Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Sarawak, Rekod Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri dan Jabatan Berkaitan

**d) Peruntukan Tambahan Dan Pindah Peruntukan**

Pada tahun 2007, sejumlah RM123.76 juta peruntukan tambahan bagi membiayai perbelanjaan pembangunan telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri pada bulan Mei 2007. Manakala bagi pindah peruntukan, sejumlah RM71.20 juta telah dibuat pada tahun 2007 dan telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri pada bulan Mei 2008.

**4.6.2 Kumpulan Wang Amanah Kerajaan**

Kumpulan Wang ini ditubuhkan di bawah Seksyen 10, Akta Acara Kewangan 1957 melalui resolusi Dewan Undangan Negeri dan hanya boleh digunakan bagi maksud ianya ditubuhkan. Kumpulan Wang ini terdiri daripada Akaun Penyelesaian Kerajaan, Akaun Perniagaan, Akaun Pinjaman, Akaun Dana Kontingensi dan Akaun Amanah Pelbagai. Baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada akhir tahun 2007 adalah sejumlah RM1,225.03 juta meningkat sejumlah RM504.82 juta atau 70.1% berbanding tahun 2006 dengan sejumlah RM720.21 juta. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh penerimaan sejumlah RM1,166.98 juta dari Kumpulan Wang Pembangunan untuk maksud *Government Contribution Towards Approved Agencies Trust Fund*.

**a) Akaun Loji Premix**

Akaun ini ditubuhkan di bawah Seksyen 9 (3), *The Financial Procedure Act, 1957* bertujuan untuk pembayaran bagi operasi jentera premix seperti membayar gaji, kerja lebih masa, elaun pekerja, kumpulan wang simpanan pekerja harian, pembelian bahan api dan pasir, caj kenderaan, penyenggaraan mesin, jentera dan peralatan tetap, pembelian kelengkapan, alat tukang dan bahan ganti dan perbelanjaan overhead. Pegawai Pengawal untuk akaun ini ialah Pengarah Jabatan Kerja Raya. Pada tahun 2007, baki akaun ini bertambah sejumlah RM0.14 juta menjadi sejumlah RM0.34 juta berbanding sejumlah RM0.20 juta pada tahun 2006.

Mengikut peraturan, Penyata Akaun Tahunan Loji Premix hendaklah dikemukakan untuk diaudit pada atau selewat-lewatnya pada 30 April tahun berikutnya. Pengarah Jabatan Kerja Raya sebagai Pegawai Pengawal telah mengemukakan Penyata Akaun tersebut bagi 10 tahun iaitu bagi akaun tahun berakhir 31 Disember 1997 hingga 31 Disember 2006 pada bulan Ogos 2007, kelewatan antara 3 bulan hingga 10 tahun. Semakan Audit mendapat verifikasi stok tahunan bagi 10 tahun tersebut tidak dijalankan dan 10 sijil verifikasi stok yang telah dikemukakan bersama dengan Penyata Akaun ditandatangani pada satu tarikh yang sama iaitu 26 Julai 2007. Ketepatan baki stok yang berjumlah antara RM1.35 juta pada akhir tahun 1997 dan RM0.91 juta pada akhir tahun 2006 tidak dapat disahkan. Semakan Audit juga mendapat persembahan transaksi dalam Penyata Akaun tidak memberi gambaran yang benar kerana terdapat transaksi jualan sedangkan stok tidak mencukupi dan tiada sebarang pembelian dibuat pada masa tersebut untuk membolehkan jualan dilaksanakan.

**b) Akaun Perniagaan Kuari**

Akaun ini ditubuhkan di bawah Seksyen 9 (3), *The Financial Procedure Act, 1957* bertujuan untuk pembayaran bagi operasi kuari selain daripada kuari di tapak projek seperti membayar gaji, kerja lebih masa, elauan pekerja, kumpulan wang simpanan pekerja harian, pembelian bahan mentah dan stor, caj kenderaan, penyenggaraan dan operasi mesin, bangunan dan persekitaran kuari, jentera dan peralatan tetap, pembelian kelengkapan, alat tukang dan bahan ganti dan perbelanjaan overhead. Pegawai Pengawal untuk akaun ini ialah Pengarah Jabatan Kerja Raya. Pada tahun 2007, baki akaun ini bertambah sejumlah RM0.01 juta menjadi sejumlah RM0.51 juta pada tahun 2007 berbanding sejumlah RM0.50 juta pada tahun 2006.

Mengikut peraturan, Penyata Akaun Tahunan Perniagaan Kuari hendaklah dikemukakan untuk diaudit pada atau selewat-lewatnya pada 30 April tahun berikutnya. Pengarah Jabatan Kerja Raya sebagai Pengawai Pengawal telah mengemukakan Penyata Akaun tersebut bagi 10 tahun iaitu bagi akaun tahun berakhir 31 Disember 1997 hingga 31 Disember 2006 pada bulan Januari 2008, kelewatan antara 8 bulan hingga 10 tahun. Semakan Audit juga mendapati persembahan transaksi dalam Penyata Akaun tidak memberi gambaran yang benar kerana terdapat transaksi jualan sedangkan stok tidak mencukupi dan tiada sebarang pembelian dibuat pada masa tersebut untuk membolehkan jualan dilaksanakan. Mengikut rekod pejabat, sebahagian daripada jualan tersebut merupakan kutipan bagi bil yang tertunggak pada tahun semasa.

**c) Akaun Perniagaan Am**

Akaun ini ditubuhkan di bawah Seksyen 9 (3), *The Financial Procedure Act, 1957* bertujuan untuk operasi perniagaan am bagi membayar gaji, kerja lebih masa, elauan pekerja, kumpulan wang simpanan pekerja harian, bahan mentah dan stok dari stor pusat Jabatan Kerja Raya, caj kenderaan, perkhidmatan bengkel dan buruh kontrak. Pegawai Pengawal untuk akaun ini ialah Pengarah Jabatan Kerja Raya. Pada akhir tahun 2007, baki akaun amanah ini ialah sejumlah RM0.40 juta berbanding sejumlah RM0.51 juta pada akhir tahun 2006.

Semakan Audit terhadap penyata penyesuaian tahun 2006 mendapati Jabatan Kerja Raya telah membuat pelarasan sejumlah RM209,727 untuk menghapus kira bil tertunggak. Bil dan dokumen sokongan terhadap jumlah tersebut tidak dapat dikemukakan untuk diaudit. Dengan demikian, pihak Audit tidak dapat mengesahkan jumlah tersebut dan pelarasan sejumlah RM209,727 adalah tidak tepat kerana kelulusan daripada Pihak Berkuasa Kewangan Sarawak belum diperolehi untuk membolehkan bil tertunggak dihapus kira.

**d) Tabung Penyenggaraan Jalan Negeri**

Tabung Penyenggaraan Jalan Negeri ditubuhkan di bawah Seksyen 4 (3) *Financial Procedure (Contingencies and Trust Funds) Ordinance*, 1963 bertujuan untuk membiayai kos penyenggaraan dan membaik pulih jalan raya negeri yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya dan Pihak Berkuasa Tempatan. Pegawai Pengawal untuk akaun ini ialah Setiausaha Kewangan Negeri. Pada akhir tahun 2007, baki akaun ini adalah sejumlah RM104.63 juta berbanding sejumlah RM44.60 juta pada tahun 2006. Peningkatan sejumlah RM60.03 juta atau 134.6% disebabkan oleh Kerajaan Negeri menerima sejumlah RM246.97 juta sebagai pemberian jalan raya manakala perbelanjaan kerja penyenggaraan jalan raya adalah sejumlah RM171.76 juta sahaja bagi tahun 2007. Kedudukan akaun dan terimaan daripada Kerajaan Persekutuan bagi tempoh 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 25**.

**Jadual 25**  
**Tabung Penyenggaraan Jalan Negeri Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007**

Butiran	Tahun				
	2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
Baki Akaun Bagi Tahun Berakhir 31 Disember	22.95	16.54	13.16	44.60	104.63
Terimaan	87.96	89.73	89.73	210.00	245.56
<b>Jumlah</b>	<b>110.91</b>	<b>106.27</b>	<b>102.89</b>	<b>254.60</b>	<b>350.19</b>

Sumber: Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Sarawak

**e) Tabung Perayaan Negeri**

Akaun Amanah ini telah ditubuhkan pada tahun 1982 di bawah Seksyen 9, Akta Acara Kewangan 1957 (*Revised 1972*). Antara tujuan Akaun Amanah ini ialah untuk menganjur majlis dan lain-lain keraian seperti Hari Keputeraan Yang Di-Pertuan Agung, Hari Jadi Yang Di-Pertua Negeri, Hari Kebangsaan dan Perayaan Minggu Belia. Tabung ini menerima dana dari Kerajaan, derma, sumbangan orang awam dan faedah dari pelaburan. Pegawai Pengawal untuk akaun ini ialah Setiausaha Kerajaan Negeri. Pada akhir tahun 2007, baki akaun amanah ini meningkat sejumlah RM0.13 juta atau 4% menjadi sejumlah RM3.34 juta berbanding sejumlah RM3.21 juta pada akhir tahun 2006. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh sumbangan Kerajaan Pusat sejumlah RM4.15 juta.

**f) Kumpulan Wang Luar Jangka**

Kumpulan Wang Luar Jangka ditubuhkan selaras dengan Perkara 103 Perlembagaan Persekutuan. Kumpulan Wang ini ditubuhkan bagi maksud memenuhi keperluan perbelanjaan yang segera dan luar jangka seperti bencana alam. Pegawai Pengawal untuk akaun ini ialah Setiausaha Kewangan Negeri. Pada tahun 2007, baki Kumpulan Wang ini adalah sejumlah RM75 juta berbanding baki sejumlah RM43 juta pada tahun 2006. Ini menunjukkan peningkatan sejumlah RM32

juta atau 74.4% yang disebabkan oleh pertambahan dalam dana yang diperuntukan. Tiada perbelanjaan yang tidak sepatutnya dicajkan ke akaun ini.

#### **g) Penyerahan Penyata Terimaan Dan Bayaran Tahunan**

Penyata Terimaan Dan Bayaran untuk Kumpulan Wang Amanah Kerajaan bagi setiap tahun kewangan hendaklah diserahkan kepada Jabatan Audit Negara untuk diaudit selaras dengan Arahan Amanah. Semakan Audit mendapati 2 daripada 23 Kumpulan Wang Amanah Kerajaan lewat atau tidak dikemukakan untuk diaudit pada 31 Mei 2008. Butiran Kumpulan Wang terlibat adalah seperti di **Jadual 26**.

**Jadual 26**  
**Kedudukan Penyerahan Penyata Terimaan Dan Bayaran**  
**Tahun 2007 Pada 26 Jun 2008**

Nama Kumpulan Wang	Baki Pada 31.12.2007 (Debit)/Kredit (RM Juta)	Tarikh Penyerahan Mengikut Arahan Amanah	Tarikh Terima	Kelewatan (Hari)
Tabung Penyenggaraan Jalan Negeri	104.63	31 Mei	12 Jun	12
Tabung Skim Insuran Perlindungan Kemalangan Peribadi Secara Berkelompok	0.58	30 April	17 Jun	48

*Sumber: Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Sarawak dan Laporan Jabatan*

#### **4.6.3 Kumpulan Wang Amanah Awam**

Kumpulan Wang ini ditubuhkan di bawah Seksyen 9 Akta Acara Kewangan 1957 untuk mengakaunkan sumbangan wang daripada orang perseorangan dan organisasi kepada Kerajaan Negeri bagi tujuan tertentu. Baki Kumpulan Wang Amanah Awam pada akhir tahun 2007 adalah sejumlah RM229.99 juta berbanding sejumlah RM221.83 juta pada akhir tahun 2006 iaitu peningkatan sejumlah RM8.16 juta atau 3.7%. Antara Kumpulan Wang Amanah Awam adalah seperti berikut:

#### **a) Dana Lembaga Pengurusan Penyu**

Akaun Amanah Dana Lembaga Pengurusan Penyu ditubuhkan di bawah Seksyen 9 Ordinan Amanah Penyu Tahun 1957. Pegawai Pengawal dana ini ialah Pengarah Muzium. Lembaga Pengurusan Penyu ditugaskan untuk mengendalikan urusan menjaga penyu dan telur penyu di Pulau Talang-Talang Besar, Pulau Talang-Talang Kecil dan Pulau Satang Besar. Hasil utama dana ini adalah kutipan daripada penjualan telur penyu, kutipan permit dan faedah dari simpanan tetap. Pada tahun 2007, baki dana ini meningkat sejumlah RM0.05 juta atau 5.7% menjadi sejumlah RM0.93 juta berbanding sejumlah RM0.88 juta pada akhir tahun 2006.

**b) Dana Amanah Penyu**

Dana Amanah Penyu ditubuhkan di bawah Seksyen 4 Ordinan Amanah Penyu Tahun 1957. Pegawai Pengawal dana ini ialah Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak. Akaun ini diwujudkan sebagai khairat untuk faedah mana-mana kaum Melayu di Sarawak bagi menyokong, mengekalkan dan mengembang-majukan Agama Islam di kalangan orang Melayu di Sarawak. Hasil utama adalah keuntungan dari faedah simpanan tetap dan sumbangan dari Lembaga Pengurusan Penyu. Pada akhir tahun 2007, baki dana ini meningkat sejumlah RM0.01 juta atau 5.9% menjadi sejumlah RM0.18 juta berbanding sejumlah RM0.17 juta pada akhir tahun 2006.

**c) Penyerahan Penyata Terimaan Dan Bayaran Tahunan**

Penyata Terimaan Dan Bayaran untuk Kumpulan Wang Amanah Awam bagi setiap tahun kewangan hendaklah diserahkan kepada Jabatan Audit Negara untuk diaudit selaras dengan peraturan. Sehingga 30 April 2008, sebanyak 1 daripada 8 Kumpulan Wang Amanah Awam lewat dikemukakan untuk diaudit. Bagaimanapun perlanjutan tarikh penyerahan penyata telah dimohon sehingga 24 Jun 2008.

**4.6.4 Deposit**

Deposit adalah wang yang disimpan bagi tujuan tertentu dan perlu dikembalikan atau diselaraskan selepas tujuannya telah dicapai. Pada akhir tahun 2007, deposit yang dipegang oleh Kerajaan Negeri meningkat sejumlah RM154.26 juta atau 142.3% berbanding dengan baki akhir tahun 2006. Peningkatan ini disebabkan penerimaan deposit sejumlah RM94.51 juta bagi tujuan kerja survei dan ukur tanah yang dibangunkan. Kedudukan deposit bagi tahun 2006 dan 2007 adalah seperti di **Jadual 27**.

**Jadual 27**  
**Kedudukan Deposit Bagi Tahun 2007 Berbanding Tahun 2006**

Jenis Deposit	Baki Mengikut Tahun		Peningkatan	
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Deposit Am	38.06	54.33	16.27	42.7
Deposit Khas	70.34	208.33	137.99	196.2
<b>Jumlah</b>	<b>108.40</b>	<b>262.66</b>	<b>154.26</b>	<b>142.3</b>

Sumber : Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Sarawak

Trend baki deposit bagi tempoh 2003 hingga 2007 menunjukkan penurunan antara 3.7% hingga 15% manakala pada tahun 2006 dan 2007, baki deposit meningkat sebanyak 142.3%. Kedudukan baki deposit bagi tempoh 5 tahun adalah seperti di **Jadual 28**.

**Jadual 28**  
**Baki Deposit Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007**

Jenis Deposit	Baki Deposit Mengikut Tahun				
	2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
Deposit Am	19.73	23.34	16.16	38.06	54.33
Deposit Khas	105.54	97.33	86.43	70.34	208.32
<b>Jumlah</b>	<b>125.27</b>	<b>120.67</b>	<b>102.59</b>	<b>108.40</b>	<b>262.66</b>

Sumber : Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Sarawak

Analisis Audit mendapati baki deposit dalam Penyata Akaun Awam pada akhir tahun tidak bersamaan dengan senarai baki individu yang dikemukakan oleh Jabatan Tanah dan Survei, Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Perhutanan. Perbezaan antara kedua-dua rekod adalah sejumlah RM12.57 juta. Di samping itu, senarai baki individu yang diselenggarakan oleh Jabatan Tanah Dan Survei adalah tidak lengkap, tidak kemas kini dan maklumat mengenai usia deposit tidak dapat ditentukan.

Analisis seterusnya mendapati penyesuaian antara baki di Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri pada akhir tahun 2007 dan baki disenaraikan Jabatan Perhutanan tidak dapat dikemukakan. Selain itu Majlis Islam Sarawak juga tidak dapat menyediakan penyesuaian kerana rekod subsidiari semenjak tahun 1995 hingga sekarang tidak dapat dikesan. Perbezaan antara senarai baki individu dengan baki di Penyata Akaun Awam pada akhir tahun 2007 adalah seperti di **Jadual 29**.

**Jadual 29**  
**Perbezaan Antara Baki Di Penyata Akaun Awam**  
**Dan Senarai Individu Pada Akhir Tahun 2007**

Jenis Deposit	Baki Pada 31.12.2007 Mengikut		Perbezaan (RM)
	Penyata Akaun Awam (RM)	Senarai Individu (RM)	
<b>Deposit Am:</b>			
Tender	1,011,686	1,051,076	(39,390)
<b>Jumlah Deposit Am</b>	<b>1,011,686</b>	<b>1,051,076</b>	<b>(39,390)</b>
<b>Deposit Khas:</b>			
Jabatan Tanah dan Survei	189,707,666	179,612,541	10,095,125
Jabatan Kerja Raya	6,364,046	4,149,052	2,214,994
Majlis Islam Sarawak	(20,097)	*	+
Jabatan Perhutanan	9,249,630	8,946,939	302,691
<b>Jumlah Deposit Khas</b>	<b>205,301,245</b>	<b>192,708,532</b>	<b>12,612,810</b>
<b>Jumlah Besar</b>	<b>206,312,931</b>	<b>193,759,608</b>	<b>12,573,420</b>

Sumber: Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Sarawak dan Laporan Jabatan Berkenaan.

Nota : \* Rekod Subsidiari tidak diterima  
+ Tidak dapat ditentukan

#### 4.6.5 Akaun Kena Bayar

Akaun Kena Bayar diwujudkan bagi menyelesaikan tanggungan Kerajaan Negeri terhadap pelbagai bekalan dan perkhidmatan pada akhir tahun semasa yang perlu dijelaskan pada awal tahun berikutnya. Pada tahun 2007, baki Akaun Kena Bayar

menunjukkan penurunan sejumlah RM36.48 juta atau 11.6% berbanding tahun 2006. Penurunan tersebut adalah disebabkan oleh pembayaran perbelanjaan pembangunan tahun 2007 sempat dilakukan sebelum Akaun Kena Bayar. Semua perbelanjaan dalam Akaun Kena Bayar telah dijelaskan dalam bulan Januari 2008. Kedudukan perbelanjaan Akaun Kena Bayar pada tahun 2006 dan 2007 adalah seperti di **Jadual 30**.

**Jadual 30**  
**Akaun Kena Bayar Mengikut Kementerian/Jabatan**  
**Bagi Tahun 2007 Berbanding Tahun 2006**

Kementerian/Jabatan	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Kementerian Kewangan	51.11	96.48	45.37	88.8
Kementerian Kemudahan Awam	15.22	42.34	27.19	178.6
Kementerian Pembangunan Bandar Dan Pelancongan	2.21	5.80	3.59	162.4
Kementerian Pembangunan Luar Bandar	5.90	7.98	2.08	35.2
Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi	6.58	3.12	(3.46)	(52.6)
Kementerian Pemodenan Pertanian	14.06	7.56	(6.5)	(46.2)
Kementerian Perumahan	0.07	0.10	0.03	42.8
Kementerian Alam Sekitar Dan Kesihatan Awam	0.58	0.70	0.12	20.9
Kementerian Pembangunan Tanah	0.26	0.30	0.04	15.4
Kementerian Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan	168.52	61.28	(107.24)	(63.6)
Kementerian Pembangunan Perindustrian	0.46	0.19	(0.27)	(58.7)
Kementerian Perancangan Dan Pengurusan Sumber	27.25	18.10	(9.15)	(33.6)
Jabatan Ketua Menteri	21.10	32.61	11.51	54.5
Jabatan Undang-Undang Negeri	0.28	0.30	0.02	7.1
Pelbagai Jabatan	0.98	1.24	0.26	26.5
<b>Jumlah</b>	<b>314.58</b>	<b>278.10</b>	<b>(36.48)</b>	<b>(11.6)</b>

Sumber : Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Sarawak

Semakan Audit mendapati sebanyak 6 Kementerian/Jabatan telah membuat perbelanjaan terbesar iaitu sejumlah RM240.07 juta pada tempoh Akaun Kena Bayar seperti di **Jadual 31**.

**Jadual 31**  
**Kementerian/Jabatan Yang Mempunyai Perbelanjaan**  
**Terbesar Pada Tempoh Akaun Kena Bayar Bagi Tahun 2007**

Kementerian/Jabatan	Perbelanjaan		
	Pembangunan (RM Juta)	Mengurus (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)
Kementerian Kewangan	90.13	0.00	90.13
Kementerian Kemudahan Awam	42.15	0.19	42.34
Kementerian Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan	40.07	0.29	40.36
Kementerian Perancangan Dan Pengurusan Sumber	15.49	0.78	16.27
Jabatan Ketua Menteri	5.67	24.39	30.06
Jabatan Kerja Raya	0.00	20.91	20.91
<b>Jumlah</b>	<b>193.51</b>	<b>46.56</b>	<b>240.07</b>

Sumber : Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Sarawak

#### **4.7 AKAUN MEMORANDUM**

Penyata Akaun Memorandum ialah penyata yang menunjukkan aset dan tanggungan Kerajaan Negeri di mana jumlah aset dan tanggungan tersebut tidak dilaporkan dalam Lembaran Imbangan. Aset terdiri dari pelaburan saham dalam syarikat awam dan syarikat tidak tersenarai, ekuiti dalam syarikat serta pinjaman kepada Agensi yang boleh dituntut manakala tanggungan terdiri dari hutang awam. Jumlah aset yang diakaunkan dalam Akaun Memorandum pada akhir tahun 2007 adalah sejumlah RM4,862.62 juta iaitu meningkat sejumlah RM85.19 juta atau 1.8% berbanding tahun sebelumnya. Tanggungan Kerajaan Negeri yang merupakan hutang kepada Kerajaan Persekutuan menunjukkan peningkatan sejumlah RM57.24 juta atau 4.2% berbanding tahun 2006 dan baki tanggungan pada akhir tahun 2007 adalah sejumlah RM1,422.01 juta.

##### **4.7.1 Pinjaman Boleh Dituntut**

Kerajaan Negeri memberi pinjaman kepada Agensi Negeri, syarikat dan pihak berkenaan untuk membiayai projek dan aktiviti pembangunan yang berdaya maju. Baki Pinjaman Boleh Dituntut meningkat sejumlah RM54.62 juta atau 2.4% daripada sejumlah RM2,261.28 juta pada tahun 2006 menjadi sejumlah RM2,315.90 juta pada tahun 2007. Peningkatan ini berlaku kerana pinjaman baru yang diberi adalah sejumlah RM156.84 juta manakala bayaran balik adalah sejumlah RM102.21 juta. Kedudukan bayaran balik pinjaman kepada Kerajaan Negeri pada tahun 2007 dan bayaran dibuat setakat 31 Mac 2008 adalah seperti di **Jadual 32**.

**Jadual 32**  
**Kedudukan Bayaran Balik Pinjaman Agensi Negeri**  
**Kepada Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2007**

Agenzi/Syarikat	Jumlah Sepatut Dibayar Balik (RM Juta)	Jumlah Dibayar (RM Juta)	Tunggakan Tahun 2007 (RM Juta)	Bayaran Setakat 31 Mac 2008 (RM Juta)
Perbadanan Pembangunan Perumahan	130.03	49.70	80.33	13.33
Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak	38.15	33.60	4.55	-
Lembaga Kemajuan Bintulu	8.81	7.44	1.37	1.37
Lembaga Penyatuan Dan Pemulihian Tanah Sarawak	64.72	21.45	43.27	-
Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah Sarawak	44.68	0.00	44.68	4.13
Perbadanan Urusan Kejuruteraan Dan Limbungan Brooke	21.30	0.00	21.30	-
Lembaga Pelabuhan Miri	37.77	7.42	30.35	-
Lembaga Pelabuhan Kuching	2.33	2.33	0.00	-
Lembaga Air Kuching	11.34	11.34	0.00	-
Lembaga Air Sibu	6.43	3.44	2.99	2.99
Sarawak Timber Industry Development Corporation	24.22	0.00	24.22	-
Pemodalran Assar Sdn. Bhd.	34.60	0.00	34.60	-
Sarawak Medical Centre Sdn. Bhd.	41.27	0.00	41.27	-
Sarawak MediChem Pharmaceuticals Inc.	60.43	0.00	60.43	-
Majlis Bandaraya Kuching Selatan	6.16	3.12	3.04	3.04
Majlis Perbandaran Padawan	2.86	0.00	2.86	-
<b>Jumlah</b>	<b>535.10</b>	<b>139.84</b>	<b>395.26</b>	<b>24.86</b>

Sumber : Rekod Perbendaharaan Negeri Sarawak

Analisis Audit seterusnya mendapati tunggakan bayaran balik pinjaman pada akhir tahun 2007 adalah sejumlah RM395.26 juta yang melibatkan ansuran tertunggak antara 1 hingga 20 tahun. Kedudukan tunggakan bayaran balik pinjaman adalah seperti di **Jadual 33**.


**Jadual 33**  
**Kedudukan Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Bagi Tahun 2007**

Peminjam	Tunggakan Mengikut Tempoh Tahun			Jumlah (RM Juta)
	1	2-5	6 ke atas	
Perbadanan Pembangunan Perumahan	62.43	17.90	-	80.33
Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak	0.86	3.69	-	4.55
Lembaga Kemajuan Bintulu	1.37	-	-	1.37
Lembaga Penyatuan Dan Pemulihian Tanah Sarawak	0.77	9.72	32.78	43.27
Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah Sarawak	11.61	31.62	1.45	44.68
Perbadanan Urusan Kejuruteraan Dan Limbungan Brooke	2.55	12.76	5.99	21.30
Lembaga Pelabuhan Miri	18.89	11.46	-	30.35
Lembaga Air Sibu	2.99	-	-	2.99
Sarawak Timber Industry Development Corporation	12.11	12.11	-	24.22
Pemodalran Assar Sdn. Bhd.	7.40	26.00	1.20	34.60
Sarawak Medical Centre Sdn. Bhd.	8.65	32.62	-	41.27
Sarawak MediChem Pharmaceuticals Inc.	-	60.43	-	60.43
Majlis Bandaraya Kuching Selatan	3.04	-	-	3.04
Majlis Perbandaran Padawan	1.43	1.43	-	2.86
<b>Jumlah</b>	<b>134.10</b>	<b>219.74</b>	<b>41.42</b>	<b>395.26</b>

Sumber : Rekod Perbendaharaan Negeri Sarawak

Analisis Audit juga mendapati jumlah pinjaman boleh dituntut pada tahun 2007 telah menurun sebanyak 3.5% berbanding tahun 2003. Baki pinjaman boleh dituntut bagi tempoh 5 tahun adalah seperti di **Carta 6**.

**Carta 6**  
**Pinjaman Boleh Dituntut Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007**



Sumber : Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Sarawak

#### 4.7.2 Pelaburan

Pada keseluruhannya, pelaburan Kerajaan Negeri mengikut nilai buku sehingga 31 Disember 2007 adalah sejumlah RM3,538.95 juta berbanding sejumlah RM3,609.65 juta pada tahun 2006 iaitu menurun sejumlah RM70.70 juta atau 1.9%. Penurunan ini disebabkan oleh pelarasan terhadap caruman bagi penyertaan ekuiti. Daripada sejumlah RM3,538.95 juta nilai buku pelaburan Kerajaan Negeri, sejumlah RM3,270.37 juta telah dilaburkan dalam 10 syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia dan 24 syarikat tidak tersenarai. Adalah didapati pada tahun 2007, pelaburan saham dalam syarikat telah meningkat dengan ketara. Antara peningkatan tersebut ialah pelaburan dalam Syarikat Sistem Peneranganan Malaysia Berhad, Sarawak Specialist Hospital & Medical Centre Sdn. Bhd. dan SI Capital Sdn. Bhd. dengan sejumlah RM122.31 juta.

Analisis Audit mendapati pada akhir tahun 2007, nilai pasaran saham bagi syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia adalah sejumlah RM4,247.19 juta berbanding dengan nilai buku sejumlah RM2,557.02 juta. Pulangan dividen daripada pelaburan saham dalam 20 syarikat telah meningkat semenjak tahun 2003 menjadi sejumlah RM676.36 juta pada tahun 2007. Daripada 20 syarikat tersebut, sebanyak 10 syarikat adalah syarikat awam yang menyumbang pulangan terbesar terhadap pelaburan saham Kerajaan Negeri. Kedudukan pelaburan bagi tempoh 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 34** dan **Carta 7**.


**Jadual 34**  
**Pelaburan Kerajaan Negeri Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007**

Jenis Pelaburan	Pelaburan Mengikut Nilai Buku Dan Tahun				
	2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
Pelaburan Dalam Badan Berkanun	250.00	250.00	*	*	*
Pelaburan Dalam Syarikat Awam	1,671.10	1,671.10	2,491.96	2,498.79	2,557.02
Pelaburan Dalam Syarikat Tidak Tersenarai	649.44	705.38	1,154.09	661.89	713.35
Caruman Bagi Penyertaan Ekuiti	342.38	278.38	406.92	448.97	268.58
<b>Jumlah</b>	<b>2,912.92</b>	<b>2,904.86</b>	<b>4,052.97</b>	<b>3,609.65</b>	<b>3,538.95</b>

Sumber : Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Sarawak

Nota : \* Mulai tahun 2005, Pelaburan Dalam Badan Berkanun telah ditukar ke Pelaburan Dalam Syarikat Tidak Tersenarai

**Carta 7**  
**Pelaburan Kerajaan Negeri Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007**



Sumber : Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Sarawak

#### 4.7.3 Hutang Awam

Kerajaan Negeri mempunyai baki hutang kepada Kerajaan Persekutuan pada 31 Disember 2007 sejumlah RM1,422.01 juta berbanding sejumlah RM1,364.77 juta pada tahun 2006. Peningkatan sejumlah RM57.24 juta atau 4.2% adalah kerana pinjaman baru yang diterima sejumlah RM108.92 juta. Pada tahun 2007 pembayaran balik pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan adalah sejumlah RM51.68 juta. Seperti tahun sebelumnya, semua pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan dipindahkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan sebelum ianya dibelanjakan. Kedudukan hutang awam Kerajaan Negeri pada tahun 2006 dan 2007 adalah seperti di **Jadual 35**.


**Jadual 35**  
**Hutang Awam Bagi Tahun 2007 Berbanding Tahun 2006**

Tujuan Pinjaman	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Perumahan	750.14	720.31	(29.83)	(4.0)
Pertanian	219.63	233.06	13.43	6.1
Bekalan Air	359.87	436.13	76.26	21.2
Perindustrian	10.57	10.57	0.00	0.0
Institusi Pelaburan	20.00	20.00	0.00	0.0
Pembetungan Najis Dan Perparitan	4.10	1.54	(2.56)	(62.4)
Pelabuhan	0.46	0.40	(0.06)	(13.0)
<b>Jumlah</b>	<b>1,364.77</b>	<b>1,422.01</b>	<b>57.24</b>	<b>4.2</b>

Sumber : Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Sarawak

Trend hutang awam Kerajaan Negeri bagi tempoh 5 tahun adalah seperti di **Carta 8**.

**Carta 8**  
**Hutang Awam Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007**



Sumber : Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Sarawak

#### 4.7.4 Tunggakan Hasil

Pada tahun 2007, tunggakan hasil Kerajaan Negeri meningkat sejumlah RM381.50 juta atau 430.5% menjadi sejumlah RM470.11 juta daripada sejumlah RM88.61 juta pada tahun 2006. Jumlah ini tidak termasuk tunggakan bayaran balik pinjaman daripada Badan Berkanun Negeri dan syarikat Kerajaan Negeri sejumlah RM395.26 juta. Analisis Audit mendapati antara Jabatan yang menunjukkan peningkatan tunggakan yang ketara ialah Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri iaitu tuntutan bayaran balik cukai pendapatan (dividen) daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri sejumlah RM369.43

juta. Jumlah tersebut adalah merupakan tunggakan hasil bagi tahun 2005 dan 2006. Sejumlah RM189.40 juta telah diterima pada penghujung bulan April 2008 dan bakinya belum diterima daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri. Jumlah tunggakan hasil bagi tahun 2006 dan 2007 adalah seperti di **Jadual 36**.

**Jadual 36**  
**Tunggakan Hasil Bagi Tahun 2007 Berbanding Tahun 2006**

Jenis Tunggakan Hasil	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Dividen	0.00	369.43	369.43	369.4
Pampasan Dan Gantian Cukai Eksais	18.53	0.00	(18.53)	(100.0)
Premium Tanah	27.60	34.18	6.58	23.8
Jualan Stor Dan Air	18.25	20.89	2.64	14.5
Royalti Dan Permit	2.13	2.18	0.05	2.3
Pelbagai	22.10	43.43	21.33	96.5
<b>Jumlah</b>	<b>88.61</b>	<b>470.11</b>	<b>381.50</b>	<b>430.5</b>

Sumber: Penyata Akaun Belum Terima


Analisis Audit seterusnya mendapati lima jenis tunggakan hasil telah meningkat pada tahun 2007 berbanding tahun 2006. Manakala perbandingan tunggakan hasil bagi tahun 2003 dengan tahun 2007 mendapati 3 jenis tunggakan hasil meningkat iaitu Dividen, Jualan Stor dan Air serta Pelbagai dan dua jenis tunggakan hasil menurun iaitu Premium Tanah dan Royalti dan Permit. Kedudukan trend tunggakan hasil bagi tempoh 5 tahun ditunjukkan di **Jadual 37** dan **Carta 9**.

**Jadual 37**  
**Tunggakan Hasil Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007**

Jenis Tunggakan Hasil	Tahun				
	2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
Dividen	0.00	0.00	0.00	0.00	369.43
Pampasan Dan Gantian Cukai Eksais	34.95	45.81	98.70	18.53	0.00
Pemberian Hasil Pertumbuhan	4.43	0.00	0.00	0.00	0.00
Royalti Dari MediChem	0.00	0.01	0.00	0.00	0.00
Pemberian Persekutuan	0.00	1.85	0.00	0.00	0.00
Jualan Stor Dan Air	11.64	12.82	10.29	18.25	20.89
Pelbagai	17.13	31.14	28.56	22.10	43.43
Premium Tanah	118.05	59.91	21.84	27.60	34.18
Royalti Dan Permit	2.73	2.09	2.06	2.13	2.18
<b>Jumlah</b>	<b>188.93</b>	<b>153.63</b>	<b>161.45</b>	<b>88.61</b>	<b>470.11</b>

Sumber: Rekod Perpendaharaan Negeri

**Carta 9**  
**Tunggakan Hasil Kerajaan Negeri Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007**



Sumber: Rekod Perbendaharaan Negeri

## 5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, pihak Audit berpendapat kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Sarawak adalah stabil dan bertambah kukuh. Baki Akaun Hasil Disatukan pada 31 Disember 2007 telah bertambah dengan lebihan dalam Akaun sejumlah RM807.22 juta atau 20.8% menjadi sejumlah RM4,677.44 juta berbanding baki pada akhir tahun 2006 sejumlah RM3,870.22 juta. Kedudukan aset mengikut Penyata Akaun Memorandum sejumlah RM4,862.62 juta pada tahun 2007 berbanding RM4,777.42 juta pada tahun 2006. Bagi memperkuatkukuhkan lagi kedudukan kewangan, Kerajaan Negeri hendaklah berusaha mengutip tunggakan hasil berjumlah RM470.11 juta dan tunggakan pinjaman kepada Agensi dan Syarikat yang masih tinggi berjumlah RM2,315.90 juta. Di samping itu, Kerajaan Negeri juga perlu meneruskan amalan perbelanjaan berhemat tanpa menjelaskan mutu perkhidmatan dan sumbangan kepada rakyat.

## BAHAGIAN III

### RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI

#### **6. KEMAJUAN PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN**

**6.1** Pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9) digubal untuk memenuhi dasar dan strategi pembangunan negara bagi tempoh 5 tahun (2006-2010). Melalui pelaksanaan projek baru dan sambungan daripada Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8), RMK9 adalah seiring sebagai penggerak pembangunan Negeri Sarawak. Sistem pemantauan yang cekap dan berkesan terhadap projek pembangunan ini adalah penting untuk menjamin pelaksanaan yang lancar dan dijalankan secara konsisten di semua peringkat. Penyelesaian yang cekap dan berkesan perlu ada bagi memastikan semua program dan projek yang dilaksanakan mencapai objektif yang ditetapkan.

**6.2** Bagi menjayakan pelaksanaan projek pembangunan, Kerajaan Negeri Sarawak telah meluluskan sejumlah RM2,417.94 juta untuk melaksanakan 655 projek pembangunan meliputi pembinaan jambatan, jalan, bangunan dan dermaga serta 1,070 projek bukan fizikal seperti pelaburan, sumbangan dan geran di bawah RMK9 bagi tahun 2007. Jumlah peruntukan untuk RMK9 secara keseluruhannya adalah sejumlah RM10 bilion.

**6.3** Peruntukan yang diluluskan untuk pelaksanaan projek dalam tempoh RMK9 bagi tahun 2007 adalah sejumlah RM2,417.94 juta. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM2,200.32 juta atau 91% telah dibelanjakan setakat akhir tahun 2007. Antara projek yang telah siap dilaksanakan pada tahun 2007 adalah merupakan projek infrastruktur seperti pembinaan jambatan, jalan, bangunan dan dermaga. Pembinaan projek seperti ini secara langsung telah memberi kesan positif kepada masyarakat luar bandar dengan adanya kemudahan pengangkutan serta peningkatan pembangunan infrastruktur sedia ada. Prestasi perbelanjaan projek pembangunan RMK9 mengikut Kementerian/Jabatan adalah seperti di **Jadual 38**.

**Jadual 38**  
**Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Di Bawah RMK9**

Bil.	Kementerian/Jabatan	Peruntukan Diluluskan RMK9 Tahun 2007 (RM Juta)	Perbelanjaan Sehingga 31.12.2007 (RM Juta)	Peratusan Pencapaian (%)
1.	Kementerian Pembangunan Luar Bandar	13.40	10.67	79.6
2.	Kementerian Pemodenan Pertanian	43.72	34.99	80.0
3.	Kementerian Perancangan Dan Pengurusan Sumber	106.00	117.20	110.6
4.	Kementerian Pembangunan Bandar Dan Pelancongan	50.30	25.35	50.4
5.	Kementerian Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan	276.40	262.12	94.8
6.	Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi	6.57	6.29	95.7
7.	Kementerian Kemudahan Awam	156.84	107.35	68.4
8.	Kementerian Kewangan	1,760.83	1,627.98	92.5
9.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	3.88	8.37	215.7
<b>Jumlah</b>		<b>2,417.94</b>	<b>2,200.32</b>	<b>91.0</b>

Sumber: Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Sarawak

Analisis Audit mendapati pada tahun 2007, prestasi perbelanjaan bagi 2 Kementerian adalah kurang memuaskan kerana sejumlah RM15.69 juta telah terlebih dibelanjakan daripada sejumlah RM109.88 juta peruntukan yang diluluskan. Lebihan belanja tersebut dibayar daripada peruntukan kontingensi yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri hanya pada bulan Mei 2008. Antara projek besar yang terlibat ialah *Establishment Of Plantations* di bawah Kementerian Perancangan Dan Pengurusan Sumber dan *Development And Enhancement Of Land And Survey Information System (LASIS)* di bawah Jabatan Ketua Menteri.

**6.4** Bagi tujuan pemantauan pelaksanaan projek oleh Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri (SIMU), Kerajaan Negeri Sarawak telah menggariskan definisi kemajuan projek seperti berikut:

- a) Projek Belum Mula bermaksud projek yang diluluskan untuk dilaksanakan tetapi belum mula.
- b) Projek Dalam Perancangan bermaksud projek masih dalam perancangan.
- c) Projek Siap bermaksud projek telah siap mengikut skop kerja dan diserah kepada pelanggan.

Projek Sedang Dilaksanakan meliputi Projek Lewat Jadual, Projek Ikut Jadual, Projek Dahului Jadual dan Projek Tenat.

**6.5** Pada tahun 2007, sebanyak 199 atau 30.4% daripada 655 projek adalah projek lanjutan dari RMK8. Adalah didapati kos sebenar untuk projek tersebut tidak dapat ditentukan kerana menurut SIMU maklumat perbelanjaan daripada Kementerian/Jabatan/Agenzi pelaksana kurang tepat. Rekod yang disediakan oleh SIMU juga

menunjukkan 385 atau 58.8% daripada 655 projek fizikal yang diluluskan telah siap dilaksanakan. Sebanyak 94 daripada 385 projek yang siap adalah projek RMK8 yang dilanjutkan ke RMK9. Status pelaksanaan projek mengikut Kementerian adalah seperti di **Jadual 39**.

**Jadual 39**  
**Status Pelaksanaan Projek RMK9 Setakat 31 Disember 2007**

Kementerian/Jabatan	Bilangan Projek				
	Jumlah Projek	Belum Mula	Dalam Perancangan	Siap Sebenar	Sedang Dilaksana
Kementerian Pembangunan Luar Bandar	37	2	6	21	8
Kementerian Pemodenan Pertanian	0	0	0	0	0
Kementerian Perancangan Dan Pengurusan Sumber	44	0	0	43	1
Kementerian Pembangunan Bandar Dan Pelancongan	23	0	12	4	7
Kementerian Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan	188	15	36	107	30
Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi	17	0	0	17	0
Kementerian Kewangan	226	15	61	121	29
Kementerian Kemudahan Awam	117	0	33	70	14
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	3	0	0	2	1
<b>Jumlah</b>	<b>655</b>	<b>32</b>	<b>148</b>	<b>385</b>	<b>90</b>

Sumber: Rekod Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri

Kedudukan 90 projek yang sedang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- 22 projek ikut jadual
- 39 projek dahulu jadual
- 22 projek lewat jadual
- 7 projek tenat

Adalah didapati antara projek lewat jadual ialah Estet Perindustrian Kota Samarahan, Jalanraya Masjid Baru (Lawas) dan Naik Taraf Jalan Tun Abang Hj. Openg (Sibu). Sementara itu, bagi projek belum mula yang tiada peruntukan pada tahun 2007 ialah projek Mengganti Jambatan Sementara Pihak Berkuasa Tempatan, Dinding Sungai Di Bangunan Dewan Undangan Negeri Baru dan Jalan Pengkalan Tebang, Bau. Manakala 7 projek tenat ialah projek Jalan Kampung Briwan, Log Tengua, Lawas, Menaiktaraf Sistem Perparitan Di Jalan Sekambal, Lundu, Imrovement To Jalan Kong Phin And Jalan Kampung Sudat Road, Drainage System And Street Lighting, 2 projek RGC Sundar Awat-Awat, Limbang, Drainage Improvement (MMC), Miri Dan Proposed Extension To Pusat Pembangunan Kemahiran, Kuching, Sarawak.

**Pada pendapat Audit, pelaksanaan projek adalah memuaskan di mana 446 projek atau 68.1% daripada 655 projek telah siap atau mengikut jadual pelaksanaan.**

## BAHAGIAN IV

### PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI KERAJAAN NEGERI

#### 7. PELAKSANAAN INDEKS AKAUNTABILITI

**7.1** Seksyen 15(A) Akta Acara Kewangan, 1957 dan Arahan Perbendaharaan telah menetapkan tugas dan tanggungjawab Pegawai Pengawal di sesebuah Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri bagi menjamin wujudnya akauntabiliti pengurusan kewangan Kerajaan. Antara lain, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk menentukan bahawa peruntukan kewangan dan sumber lain yang secukupnya diperoleh, diguna dan diperakaunkan mengikut peraturan kewangan. Manakala Bahagian IV, Ordinan Badan-badan Berkanun (Prosedur Kewangan Dan Perakaunan) 1995, Bahagian V dan VI, Ordinan Pihak Berkuasa Tempatan, 1996, Bahagian II, Peraturan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan, 1997 dan Bahagian IX, Ordinan Majlis Islam Sarawak, 2001 telah menetapkan tugas Ahli Lembaga Pengarah/Pengarah/Setiausaha Majlis di sesebuah Agensi Kerajaan Negeri bagi menjamin wujudnya akauntabiliti dan kawalan dalam pengurusan kewangan.

**7.2** Selaras dengan perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan serta Akta Audit 1957, setiap tahun Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan serta aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri dan mengemukakan laporan mengenainya untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri.

**7.3** Selain itu, Jabatan Audit Negara juga menjalankan pengauditan terhadap pengurusan kewangan di Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri untuk menentukan tahap pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkaitan. Berdasarkan kepada pengauditan tersebut, Jabatan Audit Negara mendapati bahawa masih ada Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri yang tidak serius dalam meningkatkan prestasi pengurusan kewangan walaupun telah diberi teguran berulang kali. Ini dapat digambarkan daripada kelemahan-kelemahan yang dibangkitkan setiap tahun yang mana ia adalah mengenai isu-isu yang sama.

**7.4** Sebagai satu usaha untuk meningkatkan tahap motivasi Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri agar lebih gigih memperbaiki, mempertingkat dan memperkasakan prestasi pengurusan kewangan masing-masing pada masa akan datang, Jabatan Audit Negara telah memutuskan untuk **melaksanakan sistem penarafan berdasarkan indeks akauntabiliti**. Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri yang diberi tahap penarafan cemerlang boleh dijadikan sebagai tanda aras/*role model* kepada Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri lain.

**7.5** Melalui pelaksanaan sistem penarafan ini, setiap pematuhan terhadap peraturan kewangan bagi 6 aspek kawalan utama diberikan markah. Aspek tersebut ialah kawalan pengurusan, kawalan bajet, kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan, pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah dan Deposit serta pengurusan aset, inventori dan stor. Bagi Agensi Kerajaan Negeri pula kawalan tambahan iaitu terhadap pengurusan pelaburan, pengurusan pinjaman dan penyata kewangan turut dinilai. Secara umumnya, sesuatu Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri diberi tahap prestasi pengurusan kewangan berdasarkan markah keseluruhan seperti di **Jadual 40**.

**Jadual 40**  
**Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan**

Markah Keseluruhan	Tahap	Penarafan
90 - 100	Cemerlang (Sangat Baik)	
70 - 89	Baik	
50 - 69	Memuaskan	
49 ke bawah	Tidak Memuaskan	

## 8. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Bagi membolehkan penarafan diberi kepada tahap pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri, pengauditan telah dijalankan untuk menentukan sama ada:

- i. Wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan.
- ii. Wujudnya sistem kawalan dalaman yang berkesan terhadap pungutan hasil, perbelanjaan, pengurusan akaun amanah dan deposit, aset dan inventori, pelaburan serta pinjaman.
- iii. Pengurusan kewangan mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.
- iv. Rekod-rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

## 9. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

**9.1** Pengauditan telah dijalankan di 8 Kementerian, 3 Badan Berkanun Negeri, 6 Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam iaitu Kementerian Perancangan Dan Pengurusan Sumber, Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi, Kementerian Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan, Kementerian Pembangunan Bandar Dan Pelancongan, Kementerian Perumahan, Kementerian Kemajuan Tanah, Kementerian Pemodenan Pertanian, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Perbadanan

Pembangunan Ekonomi Sarawak, Pusat Kepelbagaian Biologi Sarawak, Lembaga Air Kuching, Dewan Bandaraya Kuching Utara, Majlis Bandaraya Kuching Selatan, Majlis Perbandaran Padawan, Majlis Daerah Bau, Majlis Daerah Kapit, Majlis Daerah Samarahan dan Majlis Islam Sarawak.

**9.2** Pengauditan telah dijalankan dengan memberi tumpuan terhadap 6 aspek kawalan utama iaitu kawalan pengurusan, kawalan bajet, kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan, pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah dan Deposit serta pengurusan aset, inventori dan stor. Bagi Agensi Kerajaan Negeri pula kawalan tambahan iaitu terhadap pengurusan pelaburan, pengurusan pinjaman dan penyata kewangan turut dinilai.

**9.3** Bagi menilai tahap kawalan yang telah diwujudkan untuk setiap aspek kawalan utama yang tersebut di atas, pengauditan telah dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan bagi tahun 2007 di peringkat Kementerian/Agensi Kerajaan Negeri. Selain itu, semakan juga dibuat terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2007 dan Penyata Kewangan Agensi Kerajaan Negeri Tahun 2006/2007 bagi menentukan prestasi pengurusan kewangan Kementerian/Agensi Kerajaan Negeri secara menyeluruh.

## **10. PENEMUAN AUDIT**

Pelaksanaan sistem penarafan bagi 18 Kementerian/Agensi Kerajaan Negeri adalah berdasarkan pengauditan terhadap tahap prestasi kewangan mengikut jenis kawalan. Bagaimanapun, bagi tujuan penggabungan laporan hanya kriteria utama sahaja yang dibincangkan. Justeru itu, tahap prestasi setiap jenis kawalan adalah berdasarkan keseluruhan kriteria masing-masing seperti berikut:

### **10.1 KAWALAN PENGURUSAN**

Bagi menentukan sama ada struktur pengurusan kewangan yang berkesan diwujudkan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek utama kawalan pengurusan iaitu struktur organisasi, sistem dan prosedur, keberkesanan Unit Audit Dalam dan jawatankuasa yang diwujudkan serta pengurusan sumber manusia seperti berikut:

#### **a) Struktur Organisasi**

Bagi mewujudkan suatu struktur organisasi yang berkesan, Kementerian/Agensi Kerajaan Negeri hendaklah memastikan pematuhan terhadap peraturan seperti berikut atau peraturan yang telah ditetapkan oleh Agensi Kerajaan Negeri.

- i) Carta organisasi disediakan dengan lengkap dan kemas kini seperti mana yang ditetapkan dalam Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 8 Tahun 1991.
- ii) Surat penurunan kuasa disediakan dengan lengkap dan dikemaskinikan. Had-had kuasa dan tugas-tugas pegawai yang menjalankan tanggungjawab juga perlu

dinyatakan dengan jelas seperti kehendak Seksyen 15A(2) Akta Acara Kewangan, Arahan Perbendaharaan (AP) 11, AP 69 dan AP 101.

- iii) Kehendak Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 8 Tahun 1991 juga perlu dipatuhi. Pekeliling tersebut menetapkan Senarai Tugas bagi setiap pegawai perlu disediakan dengan lengkap dan jelas menunjukkan hubung kait antara penyelia dengan pegawai bawahan serta rakan sejawat dalam organisasi yang sama. Senarai tugas ini juga perlu sentiasa dikemaskinikan.
- iv) Kehendak Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2007 juga perlu dipatuhi. Selaras dengan pekeliling tersebut, perancangan dan pelaksanaan pusingan kerja mengikut tempoh yang sesuai dalam pelbagai bidang tugas hendaklah dilaksanakan oleh Kementerian/Agenzi Kerajaan Negeri bagi membangunkan sumber manusia yang berpotensi serta berupaya menyumbang kepada kecemerlangan organisasi.

**b) Sistem Dan Prosedur**

Bagi memastikan sistem dan prosedur yang teratur diwujudkan, Kementerian/Agenzi Kerajaan Negeri hendaklah memastikan:

- i) Manual Prosedur Kerja disediakan dengan lengkap, kemas kini dan dikaji semula secara berterusan seperti kehendak Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 8 Tahun 1991. Adalah didapati Manual Prosedur Kerja bagi 4 Kementerian dan 2 Badan Berkanun Negeri telah disediakan dengan lengkap, kemas kini dan dikaji semula secara berterusan seperti kehendak Pekeliling di atas.
- ii) Fail Meja bagi setiap jawatan disediakan dengan lengkap, kemas kini dan memiliki kesemua 14 ciri-ciri asas Fail Meja yang ditetapkan dalam Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 8 Tahun 1991.
- iii) Pemeriksaan mengejut selaras dengan kehendak Arahan Perbendaharaan 309 dijalankan secara berkala iaitu tidak kurang dari sekali dalam tempoh 6 bulan terhadap peti besi, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain yang diguna untuk menyimpan wang, setem atau barang-barang lain yang berharga. Hasil pemeriksaan itu hendaklah direkodkan dengan lengkap untuk memudahkan rujukan dibuat.
- iv) Garis Panduan Pengurusan Kewangan Dan Akaun dan Dokumen Kualiti yang disediakan oleh Agenzi Kerajaan Negeri adalah lengkap dan kemas kini.

**c) Keberkesanan Jawatankuasa Yang Diwujudkan Dan Unit Audit Dalam**

Kerajaan menetapkan pelbagai jawatankuasa berkaitan hal kewangan ditubuhkan di peringkat Kementerian/Agensi Kerajaan Negeri. Fungsi dan tanggungjawab jawatankuasa tersebut telah ditetapkan melalui surat pekeliling, arahan dan garis panduan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Bagi memastikan jawatankuasa-jawatankuasa yang telah diwujudkan berfungsi dengan berkesan, Kerajaan juga telah mengeluarkan Panduan Pengurusan Mesyuarat Dan Urusan Jawatankuasa-jawatankuasa Kerajaan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 1991. Panduan ini menetapkan dengan jelas peranan Pengerusi dan Urus setia dalam sesuatu mesyuarat bagi memastikan keberkesanan jawatankuasa yang telah diwujudkan. Antara jawatankuasa/unit yang perlu diwujudkan bagi memantapkan tahap pengurusan kewangan adalah seperti berikut:

**i) Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun**

Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) ditubuhkan di setiap pusat tanggungjawab supaya dapat memantapkan lagi pengurusan kewangan dan akaun Agensi-agensi Kerajaan. Seperti mana yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 2004, Kementerian/Agensi Kerajaan Negeri hendaklah memastikan seorang Pengerusi dan ahli-ahli jawatankuasa dilantik, bermesyuarat setiap 3 bulan, membincangkan perkara yang telah ditetapkan dan mengemukakan Laporan Suku Tahun dengan lengkap kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

**ii) Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan**

Selaras dengan Arahan YAB Perdana Menteri Nombor 1 Tahun 1998 dan Siri 2 Nombor 1 Tahun 2000 serta Surat Pekeliling Bersama Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak dan Setiausaha Persekutuan Sarawak Bilangan 10 Tahun 1998, Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan (JKP) hendaklah ditubuhkan di peringkat Kementerian/Agensi Kerajaan Negeri bagi tujuan mewujudkan pentadbiran Kementerian/Agensi Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam yang cekap, berdisiplin serta berintegriti. Antara lainnya, Setiausaha Tetap Kementerian/Ketua Agensi hendaklah melantik ahli-ahli jawatankuasa dan mempengerusikan mesyuarat berkenaan, bermesyuarat setiap 3 bulan, membincangkan perkara yang telah ditetapkan dan menyediakan Laporan Suku Tahun dengan lengkap untuk dikemukakan kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

**iii) Unit Audit Dalam**

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 2004 yang juga diguna pakai oleh Kerajaan Negeri menghendaki Unit Audit Dalam (UAD) ditubuhkan di Kementerian/Agensi Kerajaan Negeri untuk membantu Ketua Jabatan/Agensi memantapkan prestasi pengurusan dan memastikan pencapaian objektif organisasi secara cekap dan berhemat. Bagi melaksanakan fungsinya, UAD adalah bertanggungjawab menyediakan Rancangan Tahunan Audit Dalam,

mengemukakan Rancangan Tahunan Audit Dalam kepada Setiausaha Tetap Kementerian/Jawatankuasa Audit untuk kelulusan, membentangkan Laporan Audit Dalam di Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun dan mengemukakan Laporan Tahunan Audit Dalam yang telah diluluskan oleh Setiausaha Tetap Kementerian/Ketua Agensi kepada Setiausaha Kerajaan Negeri/Lembaga Pengarah/Mesyuarat Penuh Majlis. Manakala tanggungjawab Ketua Jabatan/Agensi adalah memastikan tindakan susulan diambil terhadap pemerhatian/Laporan Audit Dalam dan memastikan anggota UAD mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan tanggungjawab mereka secara berkesan.

**d) Pengurusan Sumber Manusia**

Bagi memastikan pengurusan kewangan dikendalikan dengan baik, setiap Kementerian/Agensi Kerajaan Negeri hendaklah menguruskan sumber manusanya dengan cekap seperti menentukan bilangan jawatan dan gred yang sesuai, jawatan diisi sepenuhnya dan latihan dalam bidang kewangan diberi kepada mereka yang terlibat. Kementerian/Agensi Kerajaan Negeri juga dikehendaki melaksanakan pusingan kerja, menyediakan pelan peralihan tugas, memberi pengiktirafan kepada kakitangannya yang cemerlang dan mengambil tindakan tatatertib/surc妖 terhadap mereka yang didapati gagal/cuai melaksanakan tanggungjawab yang telah ditetapkan.

## **10.2 KAWALAN BAJET**

Bagi menentukan sama ada Kementerian/Agensi Kerajaan Negeri telah menguruskan bajet dan peruntukannya dengan cekap, berhemat dan mengikut peraturan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan bajet iaitu penyediaan bajet, pengagihan peruntukan, kelulusan pindah/tambah peruntukan, pemantauan kemajuan/prestasi bajet dan pelaporan mengenainya seperti berikut:

**a) Penyediaan Bajet**

Peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet oleh setiap Kementerian dikeluarkan melalui Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bilangan 1 Tahun 2007 (Sarawak Guidelines On The Preparation And Submission Revenue And Expenditure Estimates 2008-2009). Manakala bagi Agensi Kerajaan Negeri pula peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet adalah melalui Ordinan tubuh masing-masing, Ordinan Badan-badan Berkanun (Prosedur Kewangan Dan Perakaunan), 1995 (pindaan 2004) dan Peraturan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan, 1997 serta dikemukakan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri melalui Kementerian masing-masing untuk Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan. Sebaliknya bajet bagi Majlis Islam Sarawak pula dikemukakan kepada Lembaga Pengarah melalui Lembaga Baitulmal Dan Wakaf untuk kelulusan. Selain itu, Arahan Perbendaharaan 29 hingga 46 juga menetapkan peraturan penyediaan anggaran hasil dan perbelanjaan. Antara lainnya, peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet menetapkan perkara-perkara

mengenai justifikasi setiap anggaran yang disediakan, ketepatan anggaran yang disediakan, prosedur kelulusan bajet di peringkat Kementerian/Agenzi Kerajaan Negeri serta pematuhan tempoh yang ditetapkan untuk mengemukakan bajet dan Perjanjian Program kepada Pegawai Kewangan Negeri/Lembaga Pengarah.

**b) Pengagihan Peruntukan**

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 1 Tahun 2007 antara lainnya menetapkan bahawa Pegawai Pengawal perlu mengagihkan peruntukan kepada pemegang-pemegang waran tertentu sebaik sahaja Waran Am diterima. Mengikut AP 94 pula, pemegang waran peruntukan tersebut boleh mengagihkan waran peruntukan/waran peruntukan kecil kepada pegawai yang berkenaan di mana perlu. Manakala bagi Badan Berkanun Negeri dan Majlis Islam Sarawak, pengagihan peruntukan dibuat mengikut peraturan kewangan masing-masing. Peraturan kewangan mengenai pengagihan peruntukan juga telah ditetapkan bagi Pihak Berkuasa Tempatan dalam Ordinan Pihak Berkuasa Tempatan, 1996 dan Peraturan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan, 1997 di mana Pegawai Pengawal hendaklah memastikan perbelanjaan awam dibuat dengan cermat dan berhemat serta pelaksanaan sesuatu program/aktiviti/projek hendaklah selaras dengan jumlah peruntukan yang diluluskan. Pengagihan waran/peruntukan ini perlu direkodkan dengan lengkap dan kemas kini.

**c) Kelulusan Pindah/Tambahan Peruntukan**

Peraturan kewangan mengenai pindah/tambah peruntukan antaranya menetapkan Waran Pindah Peruntukan hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Pengawal sendiri atau bagi pihaknya oleh mana-mana pegawai bawahannya yang diberi kuasa secara bertulis selaras dengan kehendak Seksyen 15A(2) Akta Acara Kewangan, 1957. Seksyen 3(c), Ordinan Badan-badan Berkanun (Prosedur Kewangan Dan Perakaunan), 1995 (Pindaan 2004) dan peraturan 11, Peraturan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan, 1997 membenarkan Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan membuat pindah peruntukan dengan kelulusan Menteri berpandukan garis panduan yang dikeluarkan oleh Setiausaha Kewangan Negeri. Semua pindah peruntukan hendaklah dibuat dalam tahun kewangan berkenaan atau tahun berikutnya mengikut peraturan kewangan dan Ordinan tubuh masing-masing. Semua Waran Pindah Peruntukan yang dikeluarkan hendaklah disampaikan kepada Akauntan Negeri sebelum atau pada 31 Januari 2008 bagi tahun kewangan berkenaan untuk Kementerian. Manakala bagi Agenzi Kerajaan Negeri pindah peruntukan dibuat di peringkat masing-masing. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlulah sentiasa mengawasi dan mengemas kini akaun serta memastikan pindah peruntukan dikemaskinikan dalam Buku Vot supaya kawalan perbelanjaan dapat diuruskan dengan berkesan. Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Nombor 3 Tahun 2002 juga menetapkan pindahan kepada butiran yang telah dikurangkan melalui pindah peruntukan atau pengurangan kepada butiran yang telah ditambah melalui pindah peruntukan adalah tidak dibenarkan kecuali mendapat kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

**d) Pemantauan Kemajuan/Prestasi Bajet**

Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Projek Pembangunan RMK9 di peringkat Kementerian telah diadakan sekurang-kurangnya sekali pada tahun 2007 tetapi ia tidak mematuhi kehendak Memorandum Setiausaha Kerajaan Negeri Bilangan 1 Tahun 2006 yang menetapkan bahawa mesyuarat perlu diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam sebulan. Penyediaan Laporan Suku Tahunan Prestasi Pelaksanaan Projek Pembangunan RMK9 oleh Kementerian telah dikemukakan kepada Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri (SIMU) di Jabatan Ketua Menteri sebelum atau pada 15 hari bulan pada bulan berikutnya seperti kehendak Surat Pekeliling Setiausaha Kerajaan Sarawak Nombor 23/2007 dan Memorandum Setiausaha Kerajaan Negeri Bilangan 1 Tahun 2006. Manakala Agensi Kerajaan Negeri pula telah mematuhi Arahan Nombor 1 Tahun 2004 Majlis Tindakan Negara dan Pekeliling Am Bilangan 5 Tahun 2004 mengenai Garis Panduan RMK9 yang menjelaskan bahawa Agensi Kerajaan Negeri hendaklah memastikan data mengenai peruntukan dan perbelanjaan projek Persekutuan setiap tahun diisi untuk dikemaskinikan ke dalam Sistem Pemantauan Projek II atau kaedah lain yang diterima pakai. Pegawai Pengawal/Ketua Agensi juga telah memantau pelaksanaan projek pembangunan dengan rapi bagi memastikan ia dilaksanakan mengikut jadual, impak setiap aktiviti dinilai sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 5 tahun dan memastikan perbelanjaan tidak melebihi peruntukan yang telah diluluskan.

**e) Pelaporan**

Pegawai Pengawal/Ketua Agensi hendaklah memastikan Laporan Suku Tahunan Jabatan/Agensi Pelaksana dikemukakan kepada Kementerian masing-masing. Selain itu, Laporan Suku Tahunan Prestasi Pelaksanaan Projek-projek Pembangunan RMK9 bagi peruntukan Negeri dan Persekutuan dikemukakan kepada Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri seperti kehendak Surat Pekeliling Setiausaha Kerajaan Sarawak Nombor 23/2006. Manakala Laporan Anggaran Bajet Tahunan telah disediakan dan dikemukakan oleh Badan Berkanun Negeri kepada Lembaga Pengarah dan Menteri yang bertanggungjawab. Pihak Berkuasa Tempatan pula mengemukakan Laporan Perbelanjaan Dan Tanggungan, Laporan Pengecualian Tahunan, Laporan Prestasi Perbelanjaan dan Laporan Keperluan Aliran Wang Tunai pada setiap bulan dan mananya laporan apabila diminta oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Setiausaha Kewangan Negeri. Bagi Ketua Jabatan yang bukan Pegawai Pengawal, laporan-laporan berkenaan akan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal berkenaan untuk disatukan.

### **10.3 KAWALAN TERIMAAN**

Bagi menentukan sama ada segala terimaan telah dikendalikan mengikut peraturan dan diakaunkan dengan sempurna, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan terimaan yang meliputi kawalan borang hasil, penerimaan wang, kemasukan pungutan ke bank, kawalan perakaunan terimaan/hasil dan penyediaan Akaun Belum Terima seperti berikut:

**a) Kawalan Borang Hasil**

Kawalan terhadap borang-borang hasil seperti buku resit adalah penting untuk memastikan ia tidak disalahgunakan.

**b) Penerimaan Wang**

Setiap Kementerian/Agensi Kerajaan Negeri perlu memastikan pegawaiannya yang dipertanggungjawabkan dengan urusan penerimaan wang mematuhi peraturan kewangan yang berkaitan. Semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek kawalan dalam yang ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan bagi penerimaan wang iaitu dari segi kebenaran/kelulusan menerima wang, ciri-ciri keselamatan semasa menerima kutipan, kawalan penerimaan melalui mel dan penerimaan wang di kaunter.

**c) Kemasukan Pungutan Ke Bank**

Arahan Perbendaharaan telah menetapkan peraturan mengenai kemasukan wang pungutan ke bank bagi memastikan ketepatan dan keselamatan wang berkenaan. Antaranya adalah mengenai penetapan tempoh memasukkan wang ke bank, kawalan keselamatan penghantaran wang dan penyelenggaraan rekod mengenainya, semakan oleh pegawai bertanggungjawab terhadap slip kemasukan wang ke bank dan keselamatan wang yang tidak dimasukkan ke bank.

**d) Kawalan Perakaunan Terimaan/Hasil**

Bagi memastikan peraturan mengenai perakaunan terimaan/hasil yang ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan dipatuhi, semakan Audit telah dijalankan terhadap penyerahan Akaun Tunai Bulanan kepada Perbendaharaan Negeri bagi Kementerian, ketepatan penyediaan Penyata Penyesuaian Hasil Bulanan dan ketepatan Buku Tunai bagi Kementerian/Agensi Kerajaan Negeri.

**e) Akaun Belum Terima**

Dasar dan tatacara bagi menyelenggarakan dan melaporkan Akaun Belum Terima (ABT) ditetapkan oleh Kerajaan melalui Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 7 Tahun 1986 dan beberapa Arahan Perbendaharaan. Antara peraturan yang ditetapkan mengenai pengurusan ABT adalah penyediaan Penyata Tunggakan Hasil atau Penyata Akaun Belum Terima yang lengkap dan kemas kini, penyerahan Penyata Akaun Belum Terima kepada Perbendaharaan Negeri dalam tempoh ditetapkan dan tindakan susulan diambil terhadap jumlah terimaan/hasil yang tertunggak. Peraturan 81, Peraturan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan pula menjelaskan bahawa Penyata Akaun Belum Terima/Tunggakan Hasil perlu disediakan pada 31 Disember setiap tahun.

## **10.4 KAWALAN PERBELANJAAN**

Bagi menentukan sama ada semua perbelanjaan mengurus dan pembangunan telah dilaksanakan mengikut peraturan yang ditetapkan dan diperakaunkan dengan tepat,

semakan Audit telah dijalankan terhadap 3 aspek utama kawalan perbelanjaan iaitu perakaunan, pengurusan perolehan dan pengurusan bayaran seperti berikut:

**a) Perakaunan**

Semakan Audit telah dibuat untuk menentukan sejauh mana Buku Vot dan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan diselenggarakan oleh Kementerian/Agenzi Kerajaan Negeri mengikut peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling dan Arahan Perbendaharaan yang berkaitan.

**b) Pengurusan Perolehan**

Setiap tahun, Kementerian/Agenzi Kerajaan Negeri membelanjakan jutaan ringgit untuk tujuan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja. Bagi menentukan sejauh mana pengurusan perolehan Kementerian/Agenzi Kerajaan Negeri telah mematuhi peraturan yang berkaitan, semakan Audit telah dibuat terhadap pengurusan pembelian terus, sebut harga, tender, kontrak dan kontrak pusat.

**c) Pengurusan Bayaran**

Semakan Audit telah dijalankan terhadap kawalan dalaman bagi proses bayaran, kesempurnaan bayaran yang memerlukan kelulusan khas, penyediaan dan penyimpanan daftar/rekod pembayaran dan Daftar Bil, bayaran pukal serta panjar wang runcit.

## **10.5 PENGURUSAN KUMPULAN WANG AMANAH/AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT**

Pengurusan dan kawalan terhadap Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah dan Deposit adalah penting untuk menentukan ia diurus dengan teratur, mengikut pekeliling dan arahan amanah yang ditetapkan serta diakaunkan dengan betul dan kemas kini. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah dan Deposit seperti berikut:

**a) Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah**

Tatacara pengurusan akaun amanah ditetapkan melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 18 Tahun 2001. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengendalian Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah di Kementerian/Agenzi Kerajaan Negeri dari segi penyediaan dan penyerahan Penyata Tahunan untuk diaudit serta kesempurnaan rekod perakaunan/penyata penyesuaian akaun/transaksi akaun.

**b) Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman**

Kementerian/Agenzi Kerajaan Negeri perlu menguruskan Kumpulan Wang Pinjaman dan pendahuluan diri/pelbagai mengikut Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan seperti berikut:

- i) Pinjaman kenderaan hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 7 dan 8 Tahun 1993.
- ii) Pinjaman komputer hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 1992.
- iii) Pendahuluan diri hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1993.
- iv) Pendahuluan pelbagai hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 13 Tahun 1990.

**c) Pengurusan Akaun Deposit**

Tatacara dan pengurusan akaun deposit ditetapkan melalui Arahan Perbendaharaan 156 iaitu Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab terhadap penyelenggaraan akaun deposit di bawah jagaannya. Manakala Arahan Perbendaharaan 162 pula menjelaskan bahawa deposit yang tidak diperlukan lagi dan tidak dituntut selepas tempoh 12 bulan dari tarikh deposit boleh dikembalikan kepada pendeposit. Kementerian/Agensi Kerajaan Negeri hendaklah mewartakan deposit berkenaan dan sekiranya masih tidak dituntut dalam tempoh 3 bulan selepas pemberitahuan itu, deposit tersebut hendaklah dikreditkan kepada hasil Kerajaan.

**10.6 PENGURUSAN ASET, INVENTORI DAN STOR**

Aset dan inventori yang diperoleh untuk kegunaan pejabat perlu direkodkan, dikawal dan dipantau dengan sempurna bagi mengelakkan dari berlakunya pembaziran dan penyalahgunaannya. Kerajaan Negeri telah menggalakkan semua Pegawai Pengawal/Ketua Agensi untuk menerima pakai Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1991 mengenai pengurusan aset, inventori dan stor. Sehubungan ini, semakan Audit telah dijalankan untuk menilai tahap pematuhan Kementerian/Agensi Kerajaan Negeri terhadap peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkenaan dan Tatacara Pengurusan Stor berhubung dengan perkara-perkara berikut:

**a) Penerimaan**

Seorang Pegawai Penerima hendaklah diberi kuasa untuk menerima dan mengesahkan aset yang diperoleh. Antara lainnya, tanggungjawab seorang Pegawai Penerima adalah memastikan aset/bekalan pejabat diterima menepati spesifikasi, kualiti dan kuantiti yang telah ditetapkan sebelum pengesahan penerimaannya. Bagi membolehkan Pegawai Penerima membuat rujukan, sesalinan dokumen kontrak hendaklah disimpan oleh pegawai ini. Bagi penerimaan bekalan pejabat pula, Borang Terima Barang perlu disahkan dan direkodkan dalam Kad Kawalan Stok dan Kad Petak. Borang Laporan Penerimaan Aset Alih Kerajaan hendaklah disediakan, disahkan dan dihantar dengan serta merta kepada agen penghantaran atau syarikat pembekal. Aset hendaklah diterima berserta Surat Jaminan dan manual penggunaan/penyenggaraannya.

**b) Pendaftaran**

Aset perlu didaftarkan sebaik sahaja pengesahan telah dibuat oleh Pegawai Penerima. Aset tersebut juga perlu dilabelkan dengan tanda Hak Kerajaan dan diberi nombor siri pendaftaran.

**c) Penggunaan, Penyimpanan Dan Pemeriksaan Aset**

Bagi memastikan penggunaan, penyimpanan dan pemeriksaan aset diurus dengan baik, setiap Kementerian/Agensi Kerajaan Negeri hendaklah memastikan peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan berkenaan dipatuhi seperti berikut:

- i) Aset digunakan hanya bagi tujuan rasmi sahaja dan mengikut tujuan asal perolehannya. Setiap aset hendaklah dikendalikan oleh pegawai yang mahir dan berkelayakan, pengeluaran/penggunaannya direkodkan dengan teratur serta kerosakan aset dilaporkan dengan menggunakan borang yang ditetapkan. Aset juga perlu disimpan di tempat yang selamat dan sesuai serta sentiasa di bawah kawalan pegawai yang bertanggungjawab.
- ii) Pekeliling tersebut juga menghendaki sekurang-kurangnya 2 Pegawai Pemeriksa/Lembaga Verifikasi Stok dilantik secara bertulis. Pemeriksaan aset dilaksanakan sekurang-kurangnya 1 kali setahun manakala verifikasi stok dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan. Laporan Pemeriksaan Harta Modal dan Laporan Pemeriksaan Inventori disediakan dengan lengkap dan dikemukakan kepada Ketua Jabatan dan seterusnya kepada Perbendaharaan Negeri di mana berkenaan.
- iii) Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1980 menetapkan penggunaan kenderaan Jabatan dikawal dengan melantik seorang Pegawai Pengangkutan yang bertanggungjawab meluluskan penggunaan kenderaan dan menyediakan fail sejarah bagi setiap kenderaan, menyelenggarakan Buku Log dengan lengkap dan kemas kini serta menyediakan Cerakinan Bulanan Penggunaan Bahan Api setiap bulan bagi mengawal penggunaan bahan api.
- iv) Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1996 pula menetapkan penggunaan kenderaan pegawai Gred JUSA dikawal dengan teratur di mana pembelian minyak setahun tidak melebihi had yang ditetapkan/diluluskan.
- v) Selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 6 Tahun 1999, Kad Inden Minyak perlu dikawal dengan teratur melalui penyelenggaraan Buku Rekod Pergerakan Kad Inden yang lengkap dan kemas kini. Penyata Pembelian atau Penyata Kad perlu disemak sebelum bayaran dilakukan.

vi) Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 1999 menetapkan kad elektronik bagi pembayaran tol dikawal dengan teratur dan rekod berhubung dengan penggunaannya diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

**d) Penyenggaraan Aset**

Bagi memastikan aset disenggarakan dengan baik, setiap Kementerian/Agensi Kerajaan Negeri hendaklah memastikan:

- i) Senarai aset yang memerlukan penyenggaraan disediakan dengan lengkap dan kemas kini, jadual penyenggaraan disediakan dan dilaksanakan seperti dirancang, penyenggaraan direkodkan dengan betul dan lengkap, program penyenggaraan dinilai dan penyenggaraan aset oleh pihak swasta diselia serta dipantau bagi memastikan syarat-syarat yang ditetapkan dalam perjanjian dipatuhi.
- ii) Kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1980 dipatuhi. Pekeliling ini menetapkan kenderaan perlu disenggarakan secara berjadual manakala kos penyenggaraan dan pemberian perlu direkodkan dalam Fail Kenderaan dan Daftar Harta Modal. Kenderaan juga hendaklah disimpan dengan selamat.

**e) Pelupusan**

Bagi memastikan pelupusan aset diuruskan dengan teratur, setiap Kementerian/Agensi Kerajaan Negeri hendaklah memastikan:

- i) Lembaga Pemeriksa dilantik untuk tempoh tidak melebihi 2 tahun. Lembaga Pemeriksa perlu menyediakan jadual pemeriksaan dan ia perlu dilaksanakan dalam tempoh satu bulan dari tarikh arahan dikeluarkan. Laporan Lembaga Pemeriksa hendaklah disediakan dan disahkan dengan menurunkan tandatangan. Lembaga Pemeriksa juga perlu mengesyorkan kaedah pelupusan yang sesuai.
- ii) Perakuan pelupusan aset mekanikal, teknikal, elektrik dan elektronik disediakan oleh Jabatan/Pegawai Teknikal berkaitan. Manakala perakuan pelupusan aset itu disahkan oleh 2 pegawai yang mempunyai 3 tahun pengalaman dan tidak terlibat dengan pengurusan aset berkenaan.
- iii) Kaedah pelupusan aset dibuat dengan teratur dan ia dilaksanakan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh surat kelulusan dikeluarkan. Sijil Penyaksian Pemusnahan Aset Alih Kerajaan dan Sijil Pelupusan Aset disediakan dan dikemukakan kepada pihak yang meluluskannya. Seterusnya, rekod aset yang telah diluluskan pelupusan itu perlu dikemaskinikan.

**f) Kehilangan Dan Hapus Kira**

Bagi memastikan kehilangan dan hapus kira aset diuruskan dengan teratur, setiap Kementerian/Agensi Kerajaan Negeri hendaklah memastikan:

- i) Kehilangan aset dilaporkan kepada Ketua Jabatan/Agenzi dengan serta merta dan laporan polis dibuat dalam tempoh 24 jam dari waktu kehilangan. Ketua Jabatan/Agenzi menyedia Laporan Awal dan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal dan Pegawai Kewangan Negeri dalam tempoh 2 hari bekerja. Sesalinan Laporan Awal dikemukakan kepada Pegawai Pengawal, Pegawai Kewangan Negeri dan Ketua Audit Negara atau wakil tempatan Ketua Audit Negara.
- ii) Jawatankuasa Penyiasat dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal dalam tempoh 2 minggu dari tarikh Laporan Awal disediakan. Laporan Akhir disediakan dalam tempoh 2 bulan dari tarikh lantikan Jawatankuasa tersebut walaupun Laporan Hasil Penyiasatan Polis belum diperoleh. Laporan Akhir yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada pihak yang menerima Laporan Awal. Laporan ini perlu dikemukakan dalam tempoh 4 bulan dari tarikh Laporan Awal dihantar.

## **10.7 PENGURUSAN PELABURAN**

Pelaburan merupakan tindakan melabur dana bagi satu tempoh untuk memperoleh kadar pulangan yang dikehendaki dengan menyedari sepenuhnya risiko terbabit. Pelaburan yang dibuat hendaklah mengikut peraturan berkaitan. Rekod perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini bagi memudahkan kawalan dan pemantauan. Antara elemen kawalan yang perlu diwujudkan adalah penubuhan Jawatankuasa Pelaburan yang berfungsi menguruskan pelaburan Agensi. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa melabur, had pelaburan, sasaran pelaburan dan pemantauan pelaburan. Adalah didapati Kementerian tidak membuat sebarang pelaburan. Manakala Agensi Kerajaan Negeri yang terlibat dengan pelaburan telah menubuhkan Jawatankuasa Pelaburan dan Garis Panduan/Polisi Pelaburan bagi tujuan rujukan.

## **10.8 PENGURUSAN PINJAMAN**

Pinjaman dibuat bagi membiayai pelbagai projek untuk pembangunan ekonomi negeri, menampung perbelanjaan dan meningkatkan taraf pembangunan serta kemajuan penduduk. Pinjaman tersebut hendaklah digunakan mengikut maksud pinjaman dimohon. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa untuk meminjam, penyelenggaraan rekod pinjaman yang lengkap dan kemas kini, perjanjian pinjaman disediakan dan mekanisme kawalan serta pemantauan pinjaman. Adalah didapati Kementerian tidak membuat sebarang pinjaman. Manakala Agensi Kerajaan Negeri telah diberi kuasa untuk membuat pinjaman mengikut Ordinan tubuh masing-masing. Kesemua Agensi Kerajaan Negeri yang terlibat telah menyelenggarakan rekod pinjaman dengan lengkap dan kemas kini.


## **10.9 PENYATA KEWANGAN**

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 4 Tahun 2007 menghendaki Agensi Kerajaan Negeri mengemukakan Penyata Kewangan kepada Ketua Audit Negara tidak lewat dari 30 April setiap tahun. Ini membolehkan penyata kewangan dan laporan tahunan Agensi Kerajaan Negeri dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada tahun yang sama dan tidak lewat dari 31 Disember setiap tahun. Pekeliling ini bertujuan untuk meningkatkan akauntabiliti dan tadbir urus yang baik di semua Agensi Kerajaan Negeri. Di samping itu, pembentangan awal membolehkan *stakeholders* menilai prestasi Agensi Kerajaan Negeri yang lebih jelas, lengkap dan relevan. Adalah didapati 8 Badan Berkanun Negeri belum menyerahkan Penyata Kewangan tahun 2007 kepada Ketua Audit Negara setakat 30 Jun 2008. Antara sebab Badan Berkanun Negeri lewat mengemukakan penyata kewangan mereka kerana syarikat subsidiari dan bersekutunya lewat menyerahkan penyata akaun bagi tujuan penyatuan dan pelantikan Akauntan baru. Bagaimanapun, semua Penyata Kewangan Agensi Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2006 telah disahkan pada tahun berikutnya kecuali 4 Badan Berkanun Negeri dan 1 Pihak Berkuasa Tempatan disahkan pada tahun 2008. Kelulusan lanjutan tempoh penyerahan penyata kewangan daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri selaras dengan Seksyen 5 (1) Ordinan Badan-badan Berkanun (Prosedur Kewangan Dan Perakaunan) 1995 telah diperoleh.

## **11. TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN**

Hasil daripada pengauditan yang telah dijalankan mendapati prestasi pengurusan kewangan di 5 Kementerian, 3 Badan Berkanun Negeri, 2 Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Islam Sarawak adalah pada tahap baik. Manakala prestasi pengurusan kewangan bagi 3 Kementerian dan 4 Pihak Berkuasa Tempatan adalah pada tahap memuaskan. Tahap prestasi pengurusan kewangan Kementerian/Agenis Kerajaan Negeri adalah seperti di **Carta 10**.

**Carta 10**  
**Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Kementerian/Agenzi Kerajaan Negeri  
Pada Tahun 2007**



Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara Cawangan Negeri Sarawak

## 12. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara umumnya, prestasi pengurusan kewangan di 18 Kementerian/Agenzi Kerajaan Negeri yang diaudit adalah baik. Bagaimanapun, prestasinya masih boleh dipertingkatkan lagi sekiranya Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan bukan sahaja mengambil tindakan memperbetul kelemahan yang telah dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara, bahkan juga mengambil tindakan *preventive* bagi memastikan kelemahan yang sama tidak

berulang. Bagi memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan, pertimbangan perlu diberi kepada perkara berikut:

- a) Di peringkat Kementerian/Agensi Kerajaan Negeri, Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) atau Jawatankuasa lain yang ditubuhkan bagi menggantikan JPKA hendaklah membincangkan isu-isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 2004.
- b) Sistem dan prosedur bagi membantu Kementerian/Agensi Kerajaan Negeri hendaklah disediakan dengan lengkap dan kemas kini terutamanya Manual Prosedur Kerja/Manual Kualiti, Fail Meja dan Peraturan Kewangan masing-masing.
- c) Memastikan peraturan kewangan dipatuhi terutama bagi pengurusan perolehan dan pembayaran.
- d) Pengurusan Akaun Amanah, Kumpulan Wang Pinjaman dan Deposit hendaklah mematuhi peraturan kewangan yang telah ditetapkan terutama dari segi ketepatan baki pada akhir setiap tahun dan memastikan penyelenggaraan rekod/daftar tersebut lengkap dan kemas kini.
- e) Bagi memperbaiki tahap pengurusan kewangan, penglibatan Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan/Agensi perlu dipertingkatkan. Mereka perlu terlibat secara *hands on* dalam urusan tersebut.
- f) Kementerian/Agensi Kerajaan Negeri perlu memberi perhatian serius terhadap pengurusan aset, inventori dan stor masing-masing bagi mengelakkan berlakunya pembaziran.

## BAHAGIAN V

### PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI KERAJAAN/AGENSI NEGERI

#### **SYARIKAT LAKU MANAGEMENT SDN. BHD.**

##### **13. PENDAHULUAN**

Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957, memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada separuh modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan. Suatu perintah yang dinamakan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2004 telah diwartakan pada 29 Januari 2004 bagi membolehkan Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap syarikat tersebut. Syarikat LAKU Management Sdn. Bhd. adalah salah sebuah syarikat yang disenaraikan dalam warta tersebut.

##### **14. LATAR BELAKANG**

**14.1** LAKU Management Sdn. Bhd. (LAKU) ditubuhkan pada 7 Jun 1995 bagi mengeluar dan membekal air untuk kawasan utara Sarawak iaitu Miri, Bintulu dan Limbang. Objektif penubuhan LAKU adalah sebagai pentadbir sumber bekalan air untuk kawasan utara Sarawak. Untuk mencapai objektifnya, LAKU telah menyusun strategi berdasarkan perspektif yang meliputi kewangan, pelanggan, proses dalaman dari segi menyediakan pembekalan air tanpa gangguan, *respond* kepada pelanggan dalaman dan mematuhi manual dan peraturan yang disediakan serta pembangunan modal insan.

**14.2** Aktiviti utama LAKU adalah untuk mengurus, mengeluar dan mengedar air bersih kepada pengguna di kawasan tersebut. Kerajaan Negeri melalui *State Financial Secretary Incorporation* memiliki ekuiti 100% dalam LAKU dengan modal saham berbayar berjumlah RM9 juta (saham biasa pada kadar RM1.00 sesaham).

**14.3** LAKU telah dilesenkan oleh Pihak Berkuasa Air untuk membekal dan mengagihkan air bagi kawasan Bintulu, Miri dan Limbang seperti yang dinyatakan dalam G. N. 424/80, G. N. 152/92 dan Swk. L. N. 18/82 masing-masingnya. Tempoh lesen berkenaan ialah selama 25 tahun mulai 1 Januari 1996 hingga 31 Disember 2021. Kadar air yang dikenakan adalah seperti yang dinyatakan di *Section B Part II* dan *Part III, Fourth Schedule The Water Supply Regulations 1995*.

## **15. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan ini dijalankan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan LAKU telah dilaksanakan dengan berhemah, cekap dan berkesan serta selaras dengan objektif penubuhannya.

## **16. SKOP DAN KADEAH PENGAUDITAN**

Skop pengauditan meliputi tahun 2005 hingga 2007 dan di mana perlu tempoh akan diperluaskan bagi tahun-tahun sebelumnya untuk menentukan yang ianya diurus dengan ekonomik, cekap dan berkesan. Perbandingan juga dibuat dengan Lembaga Air Kuching dan Lembaga Air Sibu dari segi perkhidmatan, kemudahan dan operasi.

## **17. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan pada bulan November 2007 terhadap aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan LAKU mendapati perkara berikut:

### **17.1 PERJANJIAN KONSESI**

Perjanjian Konsesi di antara Kerajaan Negeri Sarawak yang diwakili oleh Setiausaha Kewangan Negeri dengan LAKU Management Sdn. Bhd. telah ditandatangani pada 20 Julai 1996. Melalui perjanjian berkenaan, Kerajaan Negeri bersetuju untuk memajak loji, peralatan dan kemudahan yang dimiliki oleh Lembaga Air yang berkenaan seperti yang terkandung dalam Daftar Loji Air yang disimpan oleh Pihak Berkuasa Air Negeri kepada LAKU. Manakala LAKU dikehendaki untuk membekal dan mengagihkan air bersih ke kawasan yang ditetapkan dalam konsesi serta membina loji baru dan mengawal serta menyenggara semua loji dalam kawasan tersebut. Tempoh pajakan adalah 25 tahun pada kadar berikut:

Tahun	Kadar Setahun (RM Juta)
1996 – 2000	2.00
2001 – 2005	4.00
2006 – 2010	8.00
2011 – 2015	12.00
2016 – 2020	14.00

Pada tahun 2003, Pihak Berkuasa Air telah memajak kawasan tambahan bekalan air iaitu di Kampong Bakam *Pipeline* dan *Miri Water Supply Third Expansion Scheme* kepada LAKU untuk tempoh 10 tahun mulai daripada 1 Januari 2000 hingga 31 Disember 2009 pada kadar RM12 juta setahun iaitu tambahan kepada pajakan yang terdahulu. Perjanjian tambahan telah ditandatangani pada 14 Mac 2003.

## **17.2 STRUKTUR PENGURUSAN**

Sebagai sebuah Syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri, LAKU adalah tertakluk kepada Akta Syarikat 1965, peraturan yang dikeluarkan oleh Setiausaha Kewangan Negeri dan juga pekeliling berkaitan pengurusan syarikat kerajaan yang telah dipersetujui di Persidangan Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri. Akta Syarikat 1965 menetapkan tentang keperluan melantik Lembaga Pengarah dan Setiausaha Syarikat. Kaedah pelantikan Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif ditetapkan dalam Perjanjian Konsesi dan juga dalam *Article of Association*. Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 1998 menetapkan supaya Ketua Pegawai Eksekutif menujuhkan Unit Audit Dalam dengan kelulusan Lembaga Pengarah. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

**17.2.1** Lembaga Pengarah LAKU hendaklah dianggotai oleh 2 orang dan tidak lebih daripada 11 orang ahli yang mana lantikannya telah diluluskan oleh Y. B. Menteri Kemudahan Awam. Pengurus Lembaga Pengarah LAKU ialah Datu Hubert Thian Chong Hui iaitu Pengarah Jabatan Kerja Raya Sarawak. Lembaga Pengarah LAKU berperanan menetapkan dasar dan polisi serta memastikan pengurusannya mengikut peraturan yang ditetapkan. Lembaga Pengarah juga membuat penilaian terhadap prestasi kewangan syarikat melalui mesyuarat yang diadakan setiap tahun, melantik Ketua Pegawai Eksekutif, meluluskan bajet LAKU, melantik ahli Jawatankuasa di peringkat Lembaga iaitu Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan, Jawatankuasa Kewangan dan Tender, Jawatankuasa Sumber Manusia dan Jawatankuasa Audit. Peranan lain Lembaga Pengarah ialah mengambil tindakan disiplin ke atas kakitangan LAKU, meluluskan tender diluar kuasa Ketua Pegawai Esekutif dan pembayaran bonus kepada kakitangan LAKU.

### **17.2.2 Jawatankuasa Yang Diwujudkan**

LAKU telah menujuhkan jawatankuasa peringkat Lembaga Pengarah seperti berikut:

#### **a) Jawatankuasa Pembangunan dan Perancangan**

Jawatankuasa ini dianggotai oleh 5 orang ahli Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif bertindak sebagai setiausaha. Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menyedia pelan perniagaan strategik dan bersepada, menyediakan rancangan jangka panjang berdasarkan sumber yang ada, mengkaji semula anggaran dan unjuran program pembangunan jangka panjang dan menilai teknologi dan pendekatan baru dalam industri. Jawatankuasa ini bermesyuarat hanya sekali sahaja sejak dari tahun 2005 hingga ke tarikh pengauditan iaitu pada akhir bulan November 2007.

**b) Jawatankuasa Kewangan Dan Tender**

Jawatankuasa Kewangan Dan Tender dianggotai oleh 4 orang ahli Lembaga Pengarah dan Setiausaha Syarikat bertindak sebagai setiausaha. Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menilai dan meluluskan tender mengikut had kelulusan, mengkaji semula bajet tahunan, memantau prestasi kewangan dan operasi syarikat, memberi cadangan/syor berkenaan sistem dan tatacara kewangan dan perakaunan dan memberi nasihat kepada Lembaga Pengarah berkenaan keperluan kewangan termasuk keperluan untuk mendapat pembiayaan. Pada tahun 2007, Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak sekali, dua kali pada tahun 2006 dan 2 kali pada tahun 2005. Antara perkara yang dibincangkan ialah berkenaan bajet dan anggaran tahunan, Penyata Kewangan Tahunan, menilai dan melulus tender dan projek pembangunan.

**c) Jawatankuasa Sumber Manusia**

Jawatankuasa ini dianggotai oleh 6 orang iaitu 4 orang daripada Lembaga Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengurus Kanan Bahagian Sumber Manusia sebagai Setiausaha. Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk membangun polisi, strategi dan amalan sumber manusia, pengambilan kakitangan, menyedia syarat dan peraturan perkhidmatan, kemajuan kerjaya kakitangan, bertindak sebagai penghubung di antara kesatuan buruh dan agensi kerajaan dan menyedia Pelan Peralihan. Semakan Audit mendapati jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak 2 kali pada tahun 2007, sekali pada tahun 2006 dan 3 kali pada tahun 2005.


**17.2.3** LAKU telah menujuhkan Unit Audit Dalam (UAD) pada tahun 2003 dan dianggotai oleh seorang pegawai sahaja. Rancangan Tahunan Audit Dalaman bagi tahun 2006 dan 2007 telah disediakan manakala rancangan tahun 2005 tidak disediakan. Semakan Audit mendapati tidak semua pengauditan yang dirancang dapat dilaksanakan. Ini disebabkan oleh keperluan untuk menjalankan pengauditan lain yang lebih mendesak dan juga UAD hanya dianggotai oleh seorang kakitangan sahaja. Bagi tahun 2005 hingga 2007, sebanyak 3 laporan telah dibentangkan di Jawatankuasa Audit.

**17.2.4** Jawatankuasa Audit dianggotai oleh 4 orang ahli iaitu 3 orang ahli Lembaga Pengarah dan Juruaudit Dalam sebagai Setiausaha. Jawatankuasa Audit Lembaga bertanggungjawab sepenuhnya kepada Lembaga Pengarah. Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sekali pada tahun 2007, tidak ada mesyuarat pada tahun 2006 dan sekali pada tahun 2005. Pihak LAKU menyatakan bahawa tidak ada mesyuarat dijalankan pada tahun 2006 adalah disebabkan Juruaudit Dalam (Setiausaha) telah meletak jawatan pada bulan November 2005 dan jawatan berkenaan hanya diisi pada bulan September 2006. Kekerapan mesyuarat adalah tidak seperti yang dinyatakan dalam *Term Of Reference* untuk Jawatankuasa Audit iaitu 4 kali setahun. **Pada pendapat Audit, Unit Audit Dalam perlu diperkuatkan dengan menambah**

**bilangan anggotanya untuk membolehkan Jawatankuasa ini berfungsi dengan lebih berkesan.**


**17.2.5** Struktur organisasi sesebuah syarikat adalah amat penting bagi menentukan setiap aktivitiya disusun dengan teratur untuk mencapai matlamat dan objektif syarikat. Struktur organisasi LAKU diketuai oleh seorang Ketua Pegawai Eksekutif dan dibahagikan kepada 4 bahagian iaitu Bahagian Kejuruteraan Dan Perancangan, Bahagian Kewangan, Teknologi Maklumat Dan Perhubungan dan Bahagian Pentadbiran Dan Sumber Manusia. LAKU juga mempunyai 3 pejabat kawasan iaitu Pejabat Kawasan Miri, Pejabat Kawasan Bintulu dan Pejabat Kawasan Limbang. Setiap pejabat kawasan dibahagikan kepada 6 bahagian iaitu Pengeluaran, Pengagihan, Perkhidmatan Pelanggan, Kewangan, Pentadbiran dan Kejuruteraan Dan Perancangan. Struktur Organisasi LAKU dan Struktur Organisasi Pejabat Kawasan Miri, Bintulu dan Limbang setakat 31 Disember 2007 adalah seperti di **Carta 11** dan **Carta 12**.

**Carta 11**  
**Struktur Organisasi Syarikat LAKU Management Sdn. Bhd.**



Sumber: LAKU Management Sdn Bhd

**Carta 12**  
**Struktur Organisasi Pejabat Kawasan LAKU Management Sdn. Bhd.**



Sumber: LAKU Management Sdn. Bhd.

### 17.3 PERANCANGAN STRATEGIK

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1993 menetapkan setiap syarikat perlu menyediakan atau mengemas kini strategi dan rancangan korporat masing-masing sebagai wawasan syarikat untuk mencapai matlamat bagi tempoh jangka pendek dan jangka panjang serta diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Ianya juga hendaklah selaras dengan objektif penubuhan sesebuah syarikat. Rancangan korporat ini penting bagi merangka strategi pelaksanaannya selain membentuk objektif dan matlamat yang lebih realistik selaras dengan misi dan keupayaan organisasi. Perancangan strategik juga boleh membantu syarikat bagi memastikan penggunaan sumber yang lebih efektif serta mewujudkan hubungan baik antara kakitangan dan pengurusan. Perancangan strategik memberi tumpuan kepada keseluruhan organisasi manakala pelan perniagaan memberi lebih fokus kepada produk dan perkhidmatan yang disediakan. Jenis perancangan strategik yang dibentuk adalah bergantung kepada keadaan kepimpinan organisasi, budaya organisasi, saiz dan persekitaran organisasi yang kompleks serta kepakaran perancangan. Semakan Audit mendapati LAKU telah menyediakan satu rancangan strategik bagi tempoh 2008 hingga 2011 yang mengandungi visi, misi, nilai utama korporat, objektif, strategi korporat, pelan bertindak dan hala tuju serta penunjuk prestasi utamanya.

**Pada pendapat Audit, LAKU telah menyediakan perancangan starategik dengan lengkap dan padat dengan mengambil perhatian kepada hala tuju dan petunjuk prestasi utama.**

### **17.3.1 Garis Panduan Dan Prosedur**

Bagi memastikan wujudnya kawalan dalaman yang mantap terhadap pengurusan operasi syarikat, LAKU telah menetapkan polisi dan menggariskan beberapa peraturan untuk dipatuhi seperti berikut:

#### **a) Akta Dan Peraturan**

Operasi LAKU adalah tertakluk kepada *The Water Ordinance 1994*, *The Water Supply Regulations 1995*, Perjanjian Konsesi, *Memorandum and Article of Associations*. Kesemua ordinan, peraturan, perjanjian, memorandum dan artikel ini menetapkan garis panduan dan bidang kuasa LAKU dalam menjalankan aktiviti utamanya iaitu membekalkan air bersih kepada pengguna di kawasan Miri, Bintulu dan Limbang. Adalah didapati LAKU telah mematuhi semua undang-undang yang ditetapkan.

#### **b) Manual Operasi**

Manual Operasi LAKU merupakan dokumen rujukan rasmi yang mengandungi gambaran menyeluruh mengenai syarikat, pengkorporatan syarikat, aktiviti utama dan kawalan dalaman yang diguna pakai. Manual Operasi LAKU adalah ISO 9001:2000 yang digunakan mulai daripada 13 Januari 2001. Penggunaannya adalah ke semua pejabat LAKU iaitu Pejabat Korporat, Pejabat Kawasan Miri, Bintulu dan Limbang. Semakan Audit mendapati liputan ISO LAKU merangkumi pengurusan atasan, sistem pengurusan, skop pendaftaran, sistem pengurusan kualiti, pengurusan sumber, *product realisation and measurement, analysis and improvement*.

Adalah didapati LAKU telah mengambil kira perkara yang penting dalam memastikan operasinya dijalankan dengan teratur dan tersusun. Semakan perlu dibuat ke atas sistem yang diamalkan supaya ia sentiasa relevan dengan peredaran masa.

## **17.4 PENGURUSAN SUMBER MANUSIA**

Pengurusan sumber manusia LAKU adalah berdasarkan *Employee Handbook* yang mengandungi visi, misi dan nilai syarikat, terma dan syarat perkhidmatan, gaji, cuti, elaun, tuntutan dan *benefits*, pengurusan prestasi dan latihan, *code of conduct* dan *disciplinary action and grievance handling*. Perkara utama dalam pengurusan sumber manusia adalah berkaitan pemilihan dan pengambilan kakitangan, kursus dan latihan, upah, pembangunan kerjaya dan Buku Rekod Perkhidmatan.

### **17.4.1 Pemilihan Dan Pengambilan Kakitangan**

Adalah menjadi polisi LAKU untuk mengambil kakitangan yang paling sesuai bagi memenuhi keperluan tenaga kerjanya iaitu berdasarkan kelayakan pendidikan, pengetahuan, pengalaman, kepakaran, sikap dan komitmen tanpa mengambil kira jantina, bangsa dan agama. Semakan Audit mendapati pemilihan dan pengambilan

kakitangan LAKU adalah berdasarkan keperluan dari semasa ke semasa. Setiap kekosongan jawatan tidak diisi dengan segera sebaliknya kajian semula dibuat untuk menilai keperluan pengisian semula jawatan berkenaan. Selain itu, LAKU juga menggunakan khidmat kakitangan Jabatan Kerja Raya yang berpengalaman dalam kerja yang berkaitan dengan pengeluaran air. Setakat bulan Disember 2007, sebanyak 341 jawatan telah diisi seperti di **Jadual 41**.

**Jadual 41**  
**Perjawatan Mengikut Cawangan**

Pejabat	LAKU	JKR	Jumlah
Ibu Pejabat (Korporat)	39	-	39
Miri	147	2	149
Bintulu	100	-	100
Limbang	53	-	53
<b>JUMLAH</b>	<b>339</b>	<b>2</b>	<b>341</b>

Sumber: LAKU Management Sdn. Bhd.

#### 17.4.2 Kursus dan Latihan

Kursus dan latihan berterusan adalah penting untuk menyedia, mengenal perkara baru dalam industri berkenaan dan motivasi untuk kakitangan. Semakan Audit mendapati LAKU ada menyediakan dan menghantar kakitangan untuk menghadiri latihan dan kursus yang berkaitan dengan industri air seperti *water sampling and protocol training*, pengendalian klorin, pengendalian kecemasan kebocoran klorin, keselamatan dan kesihatan di tempat kerja (OSHA) dan lain-lain kursus yang berkaitan dengan air. Selain itu, kakitangan LAKU juga menghadiri kursus yang tidak bersangkutan dengan kerja seperti *total wellness, aligning mind, body & spirit* dan kursus yang berkaitan dengan pentadbiran, kewangan dan keceriaan pejabat seperti analisis keperluan latihan, 5S, motivasi dan prestasi, perakaunan, tatacara pengisian borang cukai, audit kualiti dan penyediaan bajet. LAKU juga mengadakan program perkongsian maklumat iaitu pegawai yang balik dari mengikuti kursus dikehendaki berkongsi pengetahuan dengan kakitangan lain yang tidak berkesempatan untuk mengikuti kursus berkenaan.

#### 17.4.3 Pelan Sumber Manusia

Pelan sumber manusia disediakan oleh syarikat untuk pelan peralihan dan kemajuan kerjaya seseorang kakitangan dalam sesebuah organisasi. Syarikat LAKU ada menyediakan Pelan Sumber Manusia bagi tempoh 2007 hingga 2010. Pelan berkenaan disediakan untuk memastikan ada kesinambungan kerja, kekurangan pemantauan kualiti air dan pengurusan *Non-Revenue Water* (NRW). Semakan Audit seterusnya ke atas pelan berkenaan mendapati ia telah mengambil kira keperluan kakitangan bagi tempoh 2007 hingga 2010 dan juga cadangan carta organisasi bagi pejabat korporat, pejabat kawasan Miri, Bintulu dan Limbang. Selain itu, senarai tugas bagi jawatan baru yang akan diisi juga telah disediakan.

#### **17.4.4 Pelan Peralihan**

Sesebuah syarikat perlu menyediakan pelan peralihan iaitu pelan yang disediakan untuk mengenal pasti pegawai yang layak untuk mengganti pegawai yang akan bersara terutama bagi jawatan yang penting dalam syarikat berkenaan. Tujuan pelan berkenaan adalah untuk mengenal pasti pegawai yang layak untuk menggantikan pegawai yang akan bersara dan mendedahkan pegawai berkenaan dengan tugas dan harapan (*expectation*) pengurusan terhadap jawatan berkenaan. Semakan Audit mendapati LAKU ada menyedia pelan peralihan bagi menggantikan 9 orang pegawai yang akan bersara dalam tempoh 5 hingga 6 tahun yang akan datang. Pegawai yang dikenal pasti sedang dipantau dan diberi tanggungjawab yang lebih untuk menilai kebolehan pegawai berkenaan. Namun begitu, pelan berkenaan tidaklah mengikat LAKU untuk melantik pegawai yang dikenal pasti sekiranya didapati pegawai berkenaan tidak layak untuk memegang jawatan yang lebih tinggi.

#### **17.4.5 Rekod Perkhidmatan**

Kenyataan perkhidmatan pegawai seperti tarikh lantikan, pengesahan dalam jawatan, cuti, kursus/latihan, pergerakan gaji, pinjaman yang diambil, kenaikan pangkat, dan anugerah hendaklah disimpan dalam fail peribadi bagi tujuan rujukan dan penilaian oleh Lembaga Pengarah. Semakan Audit mendapati LAKU ada menyelenggara rekod perkhidmatan pegawai secara manual dan rekod cuti direkod secara berasingan dalam fail cuti. Pihak Audit dimaklumkan bahawa LAKU sedang membangunkan sistem rekod perkhidmatan berkomputer yang dipanggil *Human Resource Management System*. Sistem ini dijangka siap sepenuhnya pada bulan Februari 2008.

**Pada pendapat Audit, LAKU telah mengurus sumber manusia dengan baik kerana ia telah mengambil kira keperluan kakitangan, latihan/kursus, pelan sumber manusia dan pelan peralihan. Pengurusan rekod kakitangan juga dipertingkatkan dengan membangunkan sistem rekod perkhidmatan berkomputer.**

### **17.5 PRESTASI KEWANGAN**

#### **17.5.1 Bajet**

LAKU telah menyediakan belanjawan tahunan dengan menetapkan anggaran pendapatan dan perbelanjaan bagi setiap aktivitinya serta jangkaan keuntungan yang akan diperolehnya. Bajet ini dibentangkan antara bulan Oktober dan Disember semasa Mesyuarat Lembaga Pengarah untuk kelulusan. Kedudukan anggaran pendapatan dan perbelanjaan bagi tempoh 2005 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 42**.

**Jadual 42**  
**Bajet Tahunan LAKU Bagi Tempoh 2005 Hingga 2007**

Butiran	Tahun		
	2005 (RM)	2006 (RM)	2007 (RM)
<b>Pendapatan</b>			
Hasil Air	48,578,723	52,971,471	53,244,569
Pendapatan Lain	3,395,210	3,735,410	5,794,546
<b>Jumlah Pendapatan</b>	<b>51,973,933</b>	<b>56,706,881</b>	<b>59,039,115</b>
<b>Perbelanjaan</b>			
Kos Pengeluaran	14,573,340	15,817,100	16,425,700
Kos Pengagihan	9,005,540	7,025,920	6,523,240
Kos Pentadbiran	25,017,920	29,478,930	30,230,536
<b>Jumlah Perbelanjaan</b>	<b>48,596,800</b>	<b>52,321,950</b>	<b>53,179,476</b>
Untung/(Rugi)	3,377,133	4,384,932	5,859,639
Cukai Syarikat	-	978,600	709,860
<b>Untung/(Rugi) Selepas Cukai</b>	<b>3,377,133</b>	<b>3,406,332</b>	<b>5,149,779</b>

Sumber: Bajet Tahunan LAKU

#### **17.5.2 Kedudukan Pendapatan Dan Perbelanjaan**

Analisis kewangan telah dibuat berdasarkan Penyata Kewangan LAKU Management Sdn. Bhd. yang telah diaudit bagi tahun 2006 berbanding tahun 2005.

#### **17.5.3 Analisis Terhadap Item Signifikan**

Analisis terhadap item signifikan telah dibuat bagi Penyata Kewangan LAKU tahun 2005 dan 2006. Analisis Audit mendapati peningkatan perbelanjaan pada tahun 2006 adalah disebabkan oleh perubahan polisi susutnilai terhadap paip agihan dan pertambahan *lease rental*. Pada tahun sebelumnya, paip agihan tidak diambil kira dalam pengiraan susutnilai disebabkan ianya sentiasa ditingkatkan. Pada tahun 2006, dengan mengambil kira pematuhan terhadap *Financial Reporting Standard*, LAKU telah mengenakan susutnilai sebanyak 3% setahun ke atas aset tersebut. Kesan mengambil kira susutnilai terhadap aset tersebut telah menambah perbelanjaan susutnilai sejumlah RM644,095 setahun dan pengiktirafan liabiliti cukai tertangguh sejumlah RM3.32 juta. Tahun 2006 juga menyaksikan pertambahan sewa pajakan sejumlah RM4 juta disebabkan pertambahan aset yang disewa oleh LAKU. Kesan daripada pertambahan tersebut telah menyebabkan perbelanjaan LAKU meningkat kepada RM54.46 juta pada tahun 2006 berbanding RM45.84 juta pada tahun 2005. Bagaimanapun, pendapatan LAKU juga meningkat kepada RM55.13 juta pada tahun 2006 berbanding RM53.40 juta pada tahun 2005. Peningkatan tersebut adalah disebabkan pertambahan penggunaan air sebanyak 1,428,881m<sup>3</sup> berbanding tahun 2005.

#### **17.5.4 Analisis Trend**

Analisis terhadap penyata kewangan LAKU pada tahun 2005 dan 2006 mendapati berlaku penurunan keuntungan selepas cukai iaitu sejumlah RM6.89 juta atau 91.2% di mana keuntungan diperolehi pada tahun 2006 adalah sejumlah RM663,528 berbanding

sejumlah RM7.55 juta pada tahun 2005. Penurunan keuntungan ini berpunca daripada peningkatan perbelanjaan yang dibuat seperti yang ditunjukkan di **Jadual 43**.


**Jadual 43**  
**Pendapatan Dan Perbelanjaan Bagi Tahun 2005 Dan 2006**

Butiran	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	Peningkatan/ (Pengurangan) (RM Juta)	Peratusan (%)
Jumlah Pendapatan	53.39	55.12	1.73	3.2
Jumlah Perbelanjaan	45.84	54.46	8.62	18.8
<b>Keuntungan/(Kerugian)</b>	<b>7.55</b>	<b>0.66</b>	<b>(6.89)</b>	<b>(91.2)</b>

Sumber : Penyata Kewangan LAKU

Analisis trend bagi tempoh 2002 hingga 2006 mendapati jumlah pendapatan telah meningkat daripada RM46.68 juta pada tahun 2002 menjadi RM49.54 juta pada tahun 2003, RM51.92 juta pada tahun 2004, RM53.39 juta pada tahun 2005 dan RM55.12 juta pada tahun 2006. Bagaimanapun, jumlah perbelanjaan LAKU juga meningkat pada setiap tahun disebabkan oleh peningkatan kos pengeluaran yang seiring dengan peningkatan pengeluaran air. Pada tahun 2002, LAKU telah membelanjakan sejumlah RM41.86 juta, tahun 2003 sejumlah RM43.38 juta, tahun 2004 sejumlah RM45.29 juta, tahun 2005 sejumlah RM45.84 juta dan pada tahun 2006 sejumlah RM54.46 juta. Adalah didapati keuntungan selepas cukai menurun secara drastik pada tahun 2006 iaitu sejumlah RM6.89 juta atau 91.2% berbanding tahun sebelumnya. Jumlah keuntungan selepas cukai ditunjukkan seperti **Carta 13** dan kedudukan pendapatan dan perbelanjaan LAKU adalah seperti di **Jadual 44**.

**Carta 13**  
**Keuntungan Selepas Cukai Bagi Tempoh 2002 Hingga 2006**



Sumber: Penyata Kewangan LAKU

**Jadual 44**  
**Kedudukan Penyata Pendapatan LAKU Bagi Tahun Kewangan**  
**Berakhir 31 Disember 2002 Hingga 2006**

Butiran	Tahun				
	2002 (RM Juta)	2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)
Hasil	45.32	47.86	50.40	52.03	53.79
Kos Jualan	(33.38)	(34.25)	(36.26)	(36.32)	(42.06)
<b>Untung Kasar</b>	<b>11.94</b>	<b>13.61</b>	<b>14.14</b>	<b>15.71</b>	<b>11.73</b>
Pendapatan Lain	1.36	1.67	1.52	1.37	1.33
Perbelanjaan Operasi Lain	(0.06)	(0.54)	(0.00)	(0.04)	(0.02)
Perbelanjaan Pentadbiran	(6.85)	(7.11)	(7.51)	(7.63)	(7.77)
<b>Untung Sebelum Cukai</b>	<b>6.39</b>	<b>7.63</b>	<b>8.15</b>	<b>9.41</b>	<b>5.27</b>
Cukai	(1.57)	(1.47)	(1.52)	(1.85)	(4.61)
<b>Untung Bersih</b>	<b>4.82</b>	<b>6.16</b>	<b>6.63</b>	<b>7.55</b>	<b>0.66</b>


Sumber: Penyata Kewangan LAKU

Penurunan untung bersih yang ketara pada tahun 2006 adalah disebabkan pengiktirafan cukai tertunggak yang dikenakan setelah mengambil kira susutnilai bagi jaluran paip agihan. Sebelum tahun 2006, polisi LAKU adalah untuk tidak mengenakan susutnilai terhadap aset jaluran paip agihan. Bagaimanapun, pada tahun 2006 polisi tersebut telah berubah selaras dengan kehendak *Financial Reporting Standard*. Perubahan polisi terhadap perakaunan tersebut telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

#### 17.5.5 Analisis Aliran Tunai

Analisis Audit terhadap Penyata Aliran Tunai LAKU bagi tempoh 2002 hingga 2006 mendapati pada tahun 2002 tunai bersih yang dijanakan daripada operasi adalah sejumlah RM10.80 juta. Bagaimanapun, aliran tunai yang dijanakan daripada operasi menunjukkan trend menurun pada tahun 2003 iaitu sejumlah RM4.57 juta tetapi pada tahun 2004 hingga 2006 aliran tunai meningkat kepada sejumlah RM8.14 juta, RM10.14 juta dan RM11.27 juta masing-masingnya. Analisis Audit mendapati aliran tunai LAKU adalah positif sepanjang tempoh 2002 hingga 2006 menandakan LAKU berupaya menjanakan tunai yang diperlukan. Trend aliran tunai yang dijanakan daripada operasi ditunjukkan seperti di **Carta 14**.

**Carta 14**  
**Analisis Trend Aliran Tunai Yang Dijanakan Daripada Operasi**  
**Bagi Tahun 2002 Hingga 2006**



Sumber: Penyata Kewangan LAKU

Selain itu, analisis Audit juga mendapati tunai bersih yang digunakan bagi aktiviti pelaburan menunjukkan aliran tunai keluar sejumlah RM7.86 juta pada tahun 2006. Bagi tempoh 2002 hingga 2003 pula menunjukkan trend tunai keluar yang menurun iaitu sejumlah RM6.71 juta dan RM4.76 juta masing-masing. Manakala bagi tempoh 2004 hingga 2005 pula menunjukkan trend aliran keluar menaik iaitu sejumlah RM11.96 juta dan RM13.57 juta masing-masing. Bagaimanapun, pada tahun 2006 tunai bersih digunakan untuk aktiviti pelaburan telah menurun kepada RM7.86 juta disebabkan penurunan modal kerja dalam kemajuan. Pada tahun 2002 dan 2003, pertambahan bersih dalam tunai dan setara tunai LAKU adalah sejumlah RM7.75 juta dan RM1.26 juta masing-masing tetapi menunjukkan trend yang menurun pada tahun 2004 kepada sejumlah kurang daripada RM1.28 juta. Pada tahun 2005, jumlah bersih tunai dan setara tunai meningkat kepada RM7.45 juta. Pada tahun 2006, jumlah bersih tunai kembali menurun kepada sejumlah kurang daripada RM7.81 juta. Secara keseluruhannya, adalah didapati perbandingan antara tunai masuk yang dijanakan dengan tunai keluar yang digunakan menunjukkan tunai adalah mencukupi bagi menampung urusan perniagaan LAKU secara berterusan walaupun trend tunai yang dijanakan adalah menurun. Butiran yang berkaitan adalah seperti di **Jadual 45**.

**Jadual 45**  
**Penyata Aliran Tunai Tahunan LAKU Bagi**  
**Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2002 Hingga 2006**

Butiran Penyata	Tahun				
	2002 (RM Juta)	2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)
Tunai bersih daripada aktiviti operasi	10.80	4.57	8.14	10.14	11.27
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan	(6.71)	(4.76)	(11.96)	(13.57)	(7.86)
Tunai bersih (digunakan)/diperolehi daripada aktiviti pembiayaan	3.67	1.44	2.54	10.90	(11.21)
Peningkatan/Penurunan bersih dalam tunai dan setara tunai	7.75	1.26	(1.28)	7.45	(7.81)
Tunai dan setara tunai pada awal tahun	37.84	45.60	46.85	45.57	53.02
Tunai dan setara tunai pada akhir tahun	45.60	46.85	45.57	53.02	45.21
Analisis perolehan harta tanah, loji dan peralatan secara tunai	(3.33)	(1.21)	(2.63)	(2.87)	(3.25)

Sumber: Penyata Kewangan LAKU

#### 17.5.6 Analisis Nisbah Ekuiti

Analisis ekuiti merupakan nisbah yang digunakan untuk mengukur leveraj kewangan atau menunjukkan peratusan saham ekuiti dalam Lembaran Imbangan bagi sesebuah syarikat. Nisbah yang boleh digunakan untuk tujuan ini adalah hutang atas nisbah ekuiti dan aset atas nisbah ekuiti. Berikut adalah hasil analisis yang telah dijalankan.

##### a) Hutang Atas Nisbah Ekuiti

Hutang Atas Nisbah Ekuiti adalah untuk mengukur leveraj kewangan syarikat iaitu semakin tinggi nisbah, semakin tinggi risiko untuk melabur dalam syarikat tersebut. Analisis Audit bagi tahun kewangan 2002 hingga 2006 mendapati nisbah adalah antara 1.04 hingga 0.82. Berdasarkan kepada nisbah ini, pada umumnya dapat dirumuskan bahawa kedudukan leveraj kewangan LAKU adalah berisiko rendah di mana kebanyakan aset adalah dibiayai oleh ekuiti. Kedudukan hutang atas nisbah ekuiti adalah seperti di **Jadual 46**.

**Jadual 46**  
**Nisbah Hutang Berbanding Ekuiti LAKU Bagi Tahun Kewangan**  
**Berakhir 31 Disember 2002 Hingga 2006**

Butiran	Tahun				
	2002 (RM Juta)	2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)
Jumlah Liabiliti	44.71	42.31	46.46	58.31	52.23
Jumlah Ekuiti	43.05	49.21	55.84	63.39	64.05
<b>Nisbah</b>	<b>1.04</b>	<b>0.86</b>	<b>0.83</b>	<b>0.92</b>	<b>0.82</b>

Sumber : Penyata Kewangan LAKU

##### b) Aset Atas Nisbah Ekuiti

Aset Atas Nisbah Ekuiti adalah untuk mengukur leveraj kewangan dan kemampuan bayar syarikat dalam jangka panjang. Nisbah melebihi 2 menunjukkan syarikat menggunakan lebih hutang berbanding ekuiti untuk membiayai asetnya manakala nisbah kurang daripada 2 menunjukkan syarikat menggunakan kurang hutang

untuk membiayai asetnya. Analisis Audit bagi tahun kewangan 2002 hingga 2006 mendapati nisbah adalah antara 2.05 hingga 1.92. Berdasarkan nisbah ini, menunjukkan kemampuan LAKU untuk membiayai aset dengan menggunakan ekuiti. Kedudukan aset atas nisbah ekuiti adalah seperti di **Jadual 47**.

**Jadual 47**  
**Aset Berbanding Nisbah Ekuiti LAKU Bagi Tahun Kewangan**  
**Berakhir 31 Disember 2002 Hingga 2006**

Butiran	Tahun				
	2002 (RM Juta)	2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)
Jumlah Aset	88.27	92.07	102.94	123.90	122.71
Jumlah Ekuiti	43.05	49.21	55.84	63.39	64.05
<b>Nisbah</b>	<b>2.05</b>	<b>1.87</b>	<b>1.84</b>	<b>1.95</b>	<b>1.92</b>

Sumber : Penyata Kewangan LAKU

#### 17.5.7 Analisis Nisbah Kewangan

Sebagai tambahan kepada analisis ekuiti, analisis nisbah kewangan merangkumi nisbah kecairan, nisbah kecekapan, nisbah keberuntungan dan nisbah kestabilan telah dibuat terhadap butiran pada Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan LAKU yang telah diaudit bagi tahun kewangan 2002 hingga 2006.

##### a) Nisbah Kecairan

Nisbah Kecairan atau nisbah semasa digunakan untuk mengukur kecairan syarikat iaitu sejauh mana aset semasa yang ada dapat menampung tanggungan semasa syarikat bagi sesuatu tahun. Analisis Audit bagi nisbah semasa LAKU bagi tahun kewangan 2002 hingga 2006 adalah antara 1.31 hingga 1.06. Berdasarkan nisbah ini, pada umumnya dapat dirumuskan bahawa LAKU mempunyai keupayaan untuk menampung keseluruhan tanggungan semasanya. Kedudukan aset semasa, tanggungan semasa dan nisbah antara keduanya adalah seperti di **Jadual 48**.

**Jadual 48**  
**Aset Semasa Berbanding Tanggungan Semasa LAKU**  
**Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2002 Hingga 2006**

Butiran	Tahun				
	2002 (RM Juta)	2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)
Jumlah Aset Semasa	58.40	57.52	56.12	63.45	55.27
Jumlah Tanggungan Semasa	44.71	42.31	46.46	58.31	52.23
<b>Nisbah</b>	<b>1.31</b>	<b>1.36</b>	<b>1.21</b>	<b>1.09</b>	<b>1.06</b>

Sumber: Penyata Kewangan LAKU

##### b) Nisbah Kecekapan

Nisbah Kecekapan digunakan untuk menilai kecekapan pengurusan syarikat dan menunjukkan kedudukan modal kerja serta tempoh syarikat membuat kutipan dan menjelaskan hutangnya. Untuk tujuan tersebut Nisbah Pusing Ganti Akaun Belum Terima telah dipilih sebagai pendekatan bagi menilai kecekapan pengurusan syarikat. Semakin tinggi pusingan ganti, semakin baik dan cepat syarikat

memperoleh kutipan dan menjelaskan hutangnya. Analisis Audit mendapati nisbah pusing ganti Akaun Belum Terima LAKU meningkat pada tahun 2002 hingga tahun 2004 ialah 7.47 kali, 7.72 kali dan 8.97 kali masing-masing. Bagaimanapun, pada tahun 2005 ianya menurun kepada 8.92 kali dan seterusnya kepada 7.99 kali pada tahun 2006. Ini menunjukkan keupayaan mengutip hutangnya telah menurun. Kedudukan jualan, Akaun Belum Terima dan nisbah antara keduanya adalah seperti di **Jadual 49**.

**Jadual 49**  
**Jualan Berbanding Akaun Belum Terima LAKU Bagi**  
**Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2002 Hingga 2006**

Butiran	Tahun				
	2002 (RM Juta)	2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)
Jualan	45.32	47.86	50.40	52.03	53.80
Akaun Belum Terima	6.07	6.20	5.62	5.83	6.73
<b>Nisbah</b>	<b>7.47</b>	<b>7.72</b>	<b>8.97</b>	<b>8.92</b>	<b>7.99</b>

Sumber: Penyata Kewangan LAKU

Kelewatan pembayaran bil air yang dibuat oleh agensi kerajaan seperti Jabatan Kerja Raya, sekolah dan kem tentera merupakan antara penyumbang kepada penurunan prestasi kutipan LAKU.

### c) Nisbah Keberuntungan

Nisbah Keberuntungan adalah pendekatan yang lazim digunakan bagi mengukur peratusan keuntungan yang diperoleh daripada setiap ringgit hasil jualan yang dipungut. Peningkatan nisbah ini menunjukkan meningkatnya kecekapan syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan hasil ia memberi nilai tambah terhadap peningkatan kadar keuntungan syarikat. Analisis Audit terhadap Nisbah Pulangan Atas Jualan LAKU bagi tahun 2006 mendapati margin keuntungan menurun dengan drastik kepada 10 sen berbanding dengan margin keuntungan berjumlah 18 sen pada tahun 2005, sejumlah 16 sen pada tahun 2004 dan 2003 dan 14 sen pada tahun 2002. Penurunan nisbah ini pada tahun 2006 adalah disebabkan penurunan keuntungan sebelum cukai kerana pembayaran pajakan tambahan sejumlah RM4 juta yang dibuat oleh LAKU. Trend nisbah ini adalah seperti di **Jadual 50**.

**Jadual 50**  
**Keuntungan Berbanding Jualan LAKU Bagi Tahun Kewangan**  
**Berakhir 31 Disember 2002 Hingga 2005**

Butiran	Tahun				
	2002 (RM Juta)	2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)
Keuntungan Sebelum Cukai	6.40	7.63	8.15	9.41	5.27
Jualan	45.32	47.86	50.40	52.03	53.80
<b>Nisbah</b>	<b>0.14</b>	<b>0.16</b>	<b>0.16</b>	<b>0.18</b>	<b>0.10</b>

Sumber: Penyata Kewangan LAKU

**d) Nisbah Kestabilan**

Nisbah Kestabilan digunakan bagi menilai kestabilan syarikat dan perhubungan jumlah aset dengan hutang yang ditanggung. Nisbah 0.5 meletakkan syarikat dalam kedudukan yang munasabah. Bagi maksud ini Nisbah Hutang telah dipilih untuk menunjukkan perhubungan jumlah aset dengan hutang yang ditanggung oleh LAKU. Analisis Audit mendapati Nisbah Hutang LAKU bagi tahun 2002 hingga 2006 adalah antara 0.51 kali dan 0.43 kali dan ini menunjukkan kedudukan LAKU adalah munasabah dan mampu melangsaihan hutangnya dengan jumlah aset yang ada. Kedudukan jumlah hutang, jumlah aset dan nisbah antara keduanya adalah seperti di **Jadual 51**.

**Jadual 51**  
**Kedudukan Jumlah Hutang, Jumlah Aset LAKU Dan Nisbah Antaranya**  
**Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2002 Hingga 2005**

Butiran	Tahun				
	2002 (RM Juta)	2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)
Jumlah Hutang	44.71	42.31	46.46	58.31	52.23
Jumlah Aset	88.27	92.07	102.94	123.90	122.71
<b>Nisbah</b>	<b>0.51</b>	<b>0.46</b>	<b>0.45</b>	<b>0.47</b>	<b>0.43</b>

*Sumber: Penyata Kewangan LAKU*

Pada pendapat Audit, kedudukan kewangan LAKU setakat ini agak kukuh. Jumlah pendapatan LAKU telah meningkat pada setiap tahun daripada RM45.32 juta pada tahun 2002 kepada RM53.80 juta pada tahun 2006. Bagaimanapun, selaras dengan peningkatan pendapatan, perbelanjaan LAKU juga meningkat disebabkan peningkatan kos pengeluaran air dan bayaran pajakan loji dan peralatan. Pada tahun 2002, jumlah perbelanjaan LAKU tidak termasuk cukai adalah sejumlah RM41.86 juta kepada RM54.46 juta pada tahun 2006. Sekiranya LAKU masih mengekalkan kadar caj air semasa, berkemungkinan pada masa hadapan LAKU akan menghadapi masalah terhadap prestasi kewangannya disebabkan peningkatan kos pengeluaran dan belanja pentadbiran yang lain.

## 17.6 PENGURUSAN KEWANGAN

LAKU telah menyediakan peraturan kewangan untuk dipatuhi dan diguna pakai dalam mengurus perkara yang berkaitan dengan kewangan. Tahap pematuhannya adalah seperti berikut:

### 17.6.1 Kawalan Terimaan

Hasil utama LAKU terdiri daripada jualan air yang telah dirawat dan caj perkhidmatan yang dikenakan kepada pengguna di had kawasan bekalannya di Bahagian Bintulu, Miri dan Limbang. Pada tahun 2006, pendapatan operasi LAKU daripada jualan air adalah berjumlah RM53.79 juta. Semakan Audit terhadap kawalan terimaan mendapati secara keseluruhannya ia telah dilaksanakan mengikut peraturan yang telah ditetapkan

di dalam Manual Prosedur Kualiti. Kuasa menerima kutipan telah dibuat berpandukan had kuasa yang ditetapkan dalam Manual Prosedur Kualiti mengenai tanggungjawab dan kuasa jawatan yang disandang. Namun begitu, adalah didapati slip masuk bank dan penyata penyesuaian bank tidak ditandatangani oleh pegawai yang menyemak bagi mengesahkan bahawa semakan telah dibuat terhadap slip bank berkenaan. Penyata Penyesuaian telah dibuat dengan betul dan tepat.

Untuk meningkatkan lagi kawalan dalaman terhadap pengurusan kutipan hasil LAKU, pihak Audit mencadangkan supaya pemeriksaan mengejut terhadap wang tunai, cek dan barang berharga dijalankan oleh pegawai atasan yang tidak terlibat dengan urusan kutipan hasil. Selain itu, penyeragaman maklumat contohnya carta aliran terimaan hasil dalam Manual Prosedur Kualiti bagi urusan kutipan hasil hendaklah dibuat bagi ketiga-tiga kawasan iaitu Bintulu, Miri dan Limbang.

**Pada pendapat Audit, LAKU telah menyediakan prosedur kutipan yang memuaskan.**

#### **17.6.2 Tuggakan Hasil**

Jumlah tuggakan hasil yang tinggi boleh menjelaskan aliran tunai dan juga dalam jangka panjang boleh menjelaskan operasi sesebuah syarikat. Semakan Audit ke atas tuggakan hasil LAKU mendapati LAKU ada memantau tuggakan hasil dan juga penghutangnya. Laporan mengenai tuggakan hasil ada disediakan dalam Laporan Bulanan dan Laporan Suku Tahun. Analisis *ageing* digunakan untuk menganalisis tempoh dan amaun tertunggak. Semakan Audit mendapati amaun tuggakan hasil ini menunjukkan trend yang menaik iaitu pada tahun 2005, amaun tertunggak melebihi 90 hari ialah RM836,572, pada tahun 2006 berjumlah RM1,068,996 dan sehingga bulan September 2007 sejumlah RM1,680,557. Jabatan Kerajaan merupakan pelanggan LAKU yang mempunyai hutang tertunggak melebihi 90 hari. Namun begitu, LAKU telah berusaha untuk menurunkan kadar hutang tertunggak dengan mengkaji kemungkinan untuk menyertai sistem bayaran pukal yang mana melalui sistem ini bayaran ke atas bil yang dikeluarkan dibuat di peringkat Jabatan Akauntan Negara dan Perbendaharaan Negeri.

#### **17.6.3 Kawalan Perbelanjaan**

Perbelanjaan sebenar bagi LAKU Management Sdn. Bhd. untuk tahun 2005 dan 2006 masing-masing berjumlah RM45.84 juta dan RM54.46 juta. Semakan Audit terhadap kawalan perbelanjaan LAKU mendapati perkara berikut:

##### **a) Kuasa Meluluskan Pembayaran**

Kuasa untuk meluluskan bayaran dinyatakan dalam *Manual of Authority* dan juga dalam penyata *Responsibility and Authority* mengikut amaun pembayaran yang hendak dibuat. Kuasa yang diberi adalah berasaskan kepada jawatan yang dipegang oleh pegawai berkenaan. Semakan terhadap baucar bayaran di Pejabat

Korporat, Pejabat Kawasan Bintulu dan Miri mendapati urusan pembayaran dilaksanakan dengan teratur dan kuasa meluluskan pembayaran adalah dipatuhi.

**b) Kuasa Menandatangani Cek**

Semakan Audit mendapati kuasa untuk menandatangani cek terhad kepada beberapa orang pegawai sahaja seperti yang dinyatakan dalam *Manual of Authority* dan *Responsibility and Authority* pegawai tertentu. Sehubungan dengan itu, pihak Audit mendapati seramai 2 orang pegawai masing-masingnya di pejabat Korporat, pejabat kawasan Miri, Bintulu dan Limbang telah diberi kuasa untuk menandatangani cek mengikut had yang dibenarkan. Surat makluman berkenaan contoh tandatangan pegawai yang dibenarkan menandatangani cek serta had jumlah yang dibenarkan juga telah dikeluarkan kepada bank berkaitan.

Semakan Audit ke atas Daftar Cek mendapati daftar cek dicampur dengan daftar lain seperti Daftar Stok Hadiah Pesara dan disimpan di tempat yang berkunci. Adalah disarankan supaya Daftar Cek direkod secara berasingan. Format yang digunakan adalah seperti yang disyorkan oleh Audit Dalam.

**Pada pendapat Audit, LAKU telah menyediakan prosedur perbelanjaan yang baik.**

**17.6.4 Kawalan Perolehan**

LAKU membuat perolehan barang dan perkhidmatan secara pembelian terus, sebut harga dan tender. Peraturan kewangan dan prosedur terhadap perolehan dinyatakan dalam Manual Kualiti dan had kuasa untuk meluluskan perolehan juga dinyatakan dalam Manual Kualiti dan *Manual Of Authority*. LAKU telah menujuhkan Jawatankuasa Sebut harga dan Tender untuk mengurus perolehannya. Penemuan Audit terhadap kawalan perolehan adalah seperti berikut:

**a) Pengurusan Pembelian Terus**

Prosedur Perolehan menetapkan bahawa permintaan untuk pembelian barang dan perkhidmatan boleh dimulakan oleh Pegawai Kanan (Penyelia dan ke atas) dengan mengemukakan *Procurement Requisition Form* dengan menyatakan barang atau perkhidmatan yang diperlukan berserta dengan anggaran kos dan kenapa diperlukan. Had perbelanjaan bagi pembelian terus ialah tidak melebihi RM20,000 di mana kelulusan untuk perbelanjaan tidak melebihi RM5,000 memerlukan kelulusan Pengurus Kawasan dan perbelanjaan lebih dari RM5,000 dan tidak melebihi RM20,000 memerlukan kelulusan Ketua Pegawai Eksekutif. Semakan Audit mendapati perolehan secara pembelian terus dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan.

**b) Pengurusan Sebut Harga**

Prosedur Sebut Harga LAKU menetapkan perolehan yang melebihi RM5,000 hingga RM50,000 hendaklah diperolehi melalui sebut harga. Cadangan untuk mempelawa sebut harga hendaklah dimulakan oleh Ketua Jabatan/Seksyen dengan menyediakan dokumen sebut harga untuk ditandatangani oleh Pengurus Kawasan sebelum dikemukakan kepada Ketua Pegawai Eksekutif untuk kelulusan. Urusan untuk menilai dan memilih sebut harga yang berpatutan dibuat oleh Jawatankuasa Sebut Harga dan Tender. Semakan Audit ke atas 5 sebut harga yang dikeluarkan pada tahun 2007 di Bintulu dan 9 sebut harga di Miri mendapati proses sebut harga telah diurus mengikut prosedur yang ditetapkan.

**c) Pengurusan Tender**

Pelawaan tender LAKU adalah terdiri daripada perolehan yang melebihi RM50,000 yang mana kelulusanya adalah mengikut had yang ditetapkan dalam Prosedur Kualiti dan *Manual of Authority*. Had kuasa untuk meluluskan tender terletak di bawah Jawatankuasa Tender peringkat Pejabat Kawasan, Pejabat Korporat dan Lembaga Pengarah mengikut had kuasa untuk melulus masing-masing. Semakan Audit ke atas 14 tender yang dipelawa pada tahun 2007 di pejabat LAKU Kawasan Bintulu dan Miri mendapati pengurusan tender telah dibuat mengikut prosedur yang ditetapkan dalam Prosedur Kualiti Pengurusan Tender. Tender berkenaan telah didaftar dalam komputer dan semua dokumen yang berkaitan telah difaiklan dengan kemas kini. Pemantauan ke atas prestasi projek telah dibuat dengan menyediakan laporan yang dibentangkan dalam mesyuarat pengurusan dan mesyuarat Lembaga Pengarah.

**Pada pendapat Audit, LAKU telah menyediakan prosedur perolehan dengan baik dan teratur.**

**17.6.5 Pengurusan Pelaburan**

Pada tahun 2007 (setakat bulan Oktober 2007), LAKU telah melabur sejumlah RM4.92 juta dalam unit amanah di Amanah Saham Sarawak Berhad. LAKU juga melabur sejumlah RM41.96 juta dalam simpanan tetap di 15 buah bank berlesen. LAKU tidak melabur dalam syarikat subsidiari atau bersekutu. Prosedur dan tatacara pelaburan adalah mekanisme yang penting bagi mengurus pelaburan yang berkesan dan teratur bagi sesebuah syarikat. Prosedur dan tatacara tersebut merangkumi penubuhan Jawatankuasa Pelaburan, penyediaan garis panduan pelaburan dan peringkat kelulusan pelaburan perlu dinyatakan dengan jelas. Semakan Audit terhadap pengurusan pelaburan mendapati LAKU belum menubuhkan Jawatankuasa Pelaburan dan belum menyediakan Garis Panduan Pelaburan. Semua pelaburan dalam unit amanah dan simpanan tetap telah mendapat kelulusan daripada Ahli Lembaga Pengarah LAKU. Maklumat dan prosedur serta rekod pelaburan unit amanah dan simpanan tetap ada disediakan.

Pada pendapat Audit, pengurusan pelaburan LAKU buat masa ini adalah memuaskan di mana semua pelaburan telah mendapat kelulusan Lembaga Pengarah LAKU.

#### 17.6.6 Pengurusan Aset Dan Inventori

Pengurusan aset dan inventori merangkumi perolehan, penggunaan, penyenggaraan, penyimpanan dan pelupusan aset dan inventori. Pengurusan terhadap aset dan inventori berkenaan hendaklah dibuat dengan cekap, berhemat dan selaras dengan prosedur pengurusan aset yang telah ditetapkan. Antara jenis aset yang dimiliki oleh LAKU ialah ubahsuai pejabat, tanah dan bangunan, *plant and machinery*, kenderaan, perabot dan peralatan, pejabat dan peralatan teknikal dan *distribution pipes*. Butiran aset yang dimiliki oleh LAKU bagi tahun 2005 dan 2006 adalah seperti di **Jadual 52**.

**Jadual 52**  
**Butiran Aset Yang Dimiliki Oleh LAKU Bagi Tahun 2005 Dan 2006**

Bil.	Jenis Aset	Jumlah (RM)	
		2006	2005
1.	Ubah suai pejabat, tanah dan bangunan	5,121,259	5,343,888
2.	<i>Plant and machinery</i>	16,355,249	16,849,956
3.	Pejabat dan peralatan teknikal	1,768,468	1,873,946
4.	Perabot dan kelengkapan	300,534	259,223
5.	Kenderaan	396,909	776,678
6.	<i>Distribution pipes</i>	20,311,212	17,133,147
<b>JUMLAH</b>		<b>44,253,631</b>	<b>42,236,838</b>

Sumber: Penyata Kewangan LAKU Management Sdn. Bhd.

#### a) Daftar Aset Dan Inventori

LAKU ada menyelenggara Daftar Aset Dan Inventori yang disimpan oleh Seksyen Kewangan Dan Teknologi Maklumat. Daftar ini mengandungi maklumat mengenai aset seperti kadar, tarikh diperoleh, harga pada akhir tahun, tambahan, pelupusan, harga pada awal tahun berikutnya, nombor rujukan aset, lokasi dan catatan. Semakan Audit mendapati daftar aset ada diselenggarakan tetapi belum siap sepenuhnya. Pihak Audit dimaklumkan bahawa urusan mengemas kini aset sedang dijalankan dan dijangka siap pada awal tahun 2008. Satu taklimat mengenai cara yang betul untuk mendaftar, memberi nombor rujukan dan menandakan aset telah diadakan pada bulan November 2006.

Pihak Audit mengesyorkan supaya menambah maklumat berikut di Daftar Aset iaitu harga diperolehi, nombor siri aset, nama pembekal dan rekod pembaikan dan juga ruangan untuk pemeriksaan aset. Selain itu, adalah disyorkan juga supaya aset berkenaan diperiksa sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 2 tahun untuk memastikan kedudukan sebenar aset dan juga untuk mengetahui keadaan aset berkenaan sama ada digunakan sepenuhnya atau terbiar sahaja dan juga bagi tujuan pelupusan.

**b) Tanda Hak Milik**

Pemeriksaan Audit terhadap beberapa aset yang terpilih mendapati aset LAKU telah dicap dengan ‘Hak Milik LAKU’. Namun begitu tidak semua aset telah dicap dengan ‘Hak Milik LAKU’. Pihak Audit dimaklumkan bahawa pihak LAKU sedang dalam proses menanda semua aset miliknya dan proses ini dijangkakan siap sepenuhnya pada awal tahun 2008.

**c) Pengurusan Kenderaan**

**i) Penyelenggaraan Rekod Perjalanan**

Rekod Perjalanan Bulanan adalah untuk mencatat jumlah bahan api, jarak perjalanan, kos pembaikan dan penyenggaraan kenderaan berkenaan bagi sesuatu bulan. Rekod ini juga boleh memudahkan LAKU membuat analisis penggunaan bahan api, memantau kekerapan kenderaan diperbaiki dan juga sebagai dokumen rujukan dan sokongan apabila kenderaan berkenaan disyorkan untuk diambil tindakan pelupusan. Semakan Audit mendapati tidak ada sebarang rekod mengenai perjalanan bulanan diselenggarakan untuk memantau penggunaan kenderaan. Namun begitu pengawalan penggunaan minyak dibuat melalui penetapan had kredit penggunaan minyak bagi setiap kenderaan dan setiap urusan untuk pembaikan dan servis kenderaan diluluskan oleh pegawai yang diberi kuasa. Selain itu, rekod untuk penyelenggaraan kenderaan dan segala perbelanjaan yang berkaitan seperti insuran, cukai jalan, kos servis, alat ganti dan mencuci kereta ada dicatat di bawah Kos Perjalanan Kenderaan (*vehicle running cost*).

**ii) Pembelian Minyak Untuk Kenderaan LAKU**

LAKU menggunakan Kad Shell untuk pembelian minyak bagi kenderaan syarikat. Kad Shell disimpan dengan selamat oleh pegawai yang diberi tanggungjawab untuk menyimpan kad berkenaan. Kad Shell bagi pegawai yang disediakan kenderaan syarikat dibenarkan untuk menyimpan kad berkenaan. Semakan Audit ke atas penggunaan minyak kenderaan syarikat mendapati purata penggunaan minyak adalah dalam had kredit yang ditetapkan.

**d) Pelupusan**

LAKU ada menubuh Jawatankuasa Pelupusan Aset yang ditugaskan untuk mengkaji dan menilai semula senarai aset yang hendak dilupuskan seperti yang disyorkan oleh pemegang/pengguna aset berkenaan. Semakan Audit mendapati ada beberapa aset yang terbiar seperti kerusi di dalam stor pejabat LAKU Bintulu, penghawa dingin di LAKU Bintulu dan mesin fotostat dalam stor di Loji Rawatan Air Lambir tidak digunakan. Butiran lanjut adalah seperti di **Foto 1** hingga **Foto 4**. Adalah disyorkan supaya pihak LAKU membuat pemeriksaan ke atas aset berkenaan dan mengambil tindakan sewajarnya.

**Foto 1**  
**Kerusi Yang Terbiar**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 8.11.2007  
Lokasi : Dalam Stor Di LAKU Bintulu

**Foto 2**  
**Penghawa Dingin Dan Kerusi Yang Tidak Digunakan**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 8.11.2007  
Lokasi : Luar Stor LAKU Bintulu

**Foto 3**  
**Peti Tender Dan Mesin Fotostat Yang Terbiar Dan Tidak Digunakan**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 27.11.2007  
Lokasi : Loji Rawatan Air Lambir

**Foto 4**  
**Mesin Taip Terbiar**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 27.11.2007  
Lokasi : Loji Rawatan Air Lambir

### e) Stor LAKU

Pemeriksaan Audit ke atas stor LAKU di Bintulu mendapati barang yang disimpan adalah dalam keadaan yang tidak teratur iaitu kerusi, besi untuk rak dan alat ganti paip disimpan seperti yang ditunjukkan di **Foto 1** hingga **Foto 5**. **Foto 6** pula menunjukkan keadaan penyimpanan paip di Bintulu yang tidak teratur dan terdedah yang boleh menjurus kepada pembaziran. Keadaan ini berbeza dengan stor LAKU di Miri di mana semua alat ganti paip, meter air, paip disimpan dengan teratur dan dilabel untuk memudahkan kerja mengesan alat berkenaan apabila diperlukan seperti yang ditunjukkan di **Foto 7** dan **Foto 8**.

**Foto 5**  
**Keadaan Dalam Stor Di Bintulu Yang Tidak Teratur**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 8.11.2007  
Lokasi : Stor LAKU Bintulu

**Foto 6**  
**Keadaan Di Stock Yard Bintulu**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 8.11.2007  
Lokasi : Stock Yard Bintulu

**Foto 7**  
**Keadaan Di Lapangan Penyimpanan Alat Ganti Yang Teratur**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 27.11.2007  
Lokasi : Stock Yard Miri

**Foto 8**  
**Keadaan Stor Di Miri Yang Teratur Dan Kemas**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 27.11.2007  
Lokasi : Stor LAKU Miri

#### f) Stok Bahan Kimia

Pemeriksaan Audit ke atas stok bahan kimia di Loji Rawatan Air Lambir Miri mendapati stok bahan kimia *sodium aluminate* berjumlah 1000 kilogram tidak bergerak sejak tahun 2005. Pihak LAKU memaklumkan bahawa bahan kimia berkenaan digunakan untuk merawat air dari kawasan *intake* Bakong. Dalam masa yang sama proses merawat air berkenaan dengan cara lain yang lebih murah dan berkesan diperolehi dan perkara ini telah mengakibatkan bahan kimia berkenaan tidak digunakan. Pihak LAKU memaklumkan bahawa bahan kimia berkenaan disimpan dan akan digunakan apabila perlu. **Foto 9** dan **Foto 10** menunjukkan

sodium aluminate yang disimpan dalam stor di Loji Rawatan Air Lambir. **Foto 11** pula menunjukkan bahan yang diguna untuk merawat air yang disimpan dan disusun rapi dalam stor di Loji Rawatan Air, Lambir.

**Foto 9**

**Bahan Kimia Sodium Aluminate Yang Tidak Digunakan Sejak Tahun 2005**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh: 11.6.2008

Lokasi : Stor Bahan Kimia, Loji Rawatan Air, Lambir

**Foto 10**

**Bahan Kimia Sodium Aluminate Yang Disimpan Dengan Kemas Dan Teratur**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh: 11.6.2008

Lokasi : Stor Bahan Kimia, Loji Rawatan Air, Lambir

**Foto 11**

**Keadaan Bahan Kimia Dalam Stor Yang Disusun Rapi**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh: 11.6.2008

Lokasi : Stor Bahan Kimia, Loji Rawatan Air, Lambir

Pada pendapat Audit, pengurusan aset LAKU adalah memuaskan. Tindakan perlu diambil terhadap aset yang terbiar di Stor LAKU Bintulu dan keadaan dalam stor hendaklah disusun untuk memudahkan pengesanan barang.

## **17.7 PRESTASI AKTIVITI**

Terma dalam perjanjian konsesi menyatakan bahawa LAKU mengambil alih tugas dan tanggungjawab *Miri Water Supply Authority*, *Bintulu Water Supply Authority* dan *Limbang Water Supply Authority* untuk mengurus, membekal dan mengagih air yang terletak dalam kawasan yang dilesenkan dalam G. N. 424/80, G. N. 152/92 dan G. N. 18/82. Kerajaan memajakkan loji air yang meliputi waduk, empangan, terusan, sesalur, paip, meter, air pancut, loji perawatan, menara air dan semua struktur atau perkakasan lain yang diguna atau dibina bagi mengumpul, menyimpan, menghantar, mengagih, membekal, menyukat atau mengawal selia air dan perjanjian berkenaan menjelaskan bahawa LAKU bertanggungjawab untuk menyelenggara perkara di atas. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

### **17.7.1 Kawasan Tadahan Air/Empangan/Waduk**

Penjagaan terhadap kawasan tadahan air, kawasan empangan dan waduk daripada pencerobohan merupakan satu perkara penting untuk menjamin kualiti air dan sumber air bersih yang berterusan. Antara aktiviti yang dilarang dalam kawasan tadahan air dan dalam lingkungan 8 km daripada kawasan pengambilan air mentah ialah kegiatan pembalakan, pertanian, pelombongan, pembangunan ladang atau Skim Intensif Pertanian. Adalah didapati kawasan takungan air Assyakirin (*Assyakirin Dam*) telah dicerobohi oleh penduduk sekitar untuk tujuan memancing dan pergi ke kebun. Perahu juga dapat dilihat ditambat ditebing tasik berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam **Foto 12**. Pihak Audit dimaklumkan bahawa perkara ini terjadi adalah disebabkan ada pertindihan tuntutan ke atas pemilikan tanah disekitar ampangan berkenaan. Bagaimanapun, tanggungjawab untuk membina dan menjaga kawasan takungan air Assyakirin masih lagi di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri. Pemerhatian Audit ke takungan air di Loji Rawatan Air Lambir mendapati ada kesan pencerobohan di mana pagar dipotong seperti ditunjukkan dalam **Foto 13** dan **Foto 14**. Pondok Jaga telah dirosakkan sehingga kesemua kaca tingkap pecah seperti yang ditunjukkan dalam **Foto 15**. Pihak LAKU telah membuat laporan polis berkenaan perkara ini. Selain itu, pihak LAKU juga sentiasa memantau perkara ini dengan membincangkan perkara ini dalam mesyuarat pengurusan dan mesyuarat Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan. Adalah disarankan agar pihak LAKU membuat rondaan dari semasa ke semasa untuk memastikan sumber bekalan air dan kawasan tadahan air tidak dicerobohi. Ini adalah untuk memastikan bekalan air yang disalurkan kepada pengguna di kawasan Miri, Bintulu dan Limbang tidak tercemar dan selamat untuk diminum. Air yang tercemar akan meningkatkan kos untuk merawat air berkenaan dan juga boleh mengganggu bekalan air kepada pengguna.

**Foto 12**  
**Perahu Di Empangan Assyakirin**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 8.11.2007  
Lokasi : Empangan Assyakirin Bintulu

**Foto 13**  
**Pagar Dipotong Di Kawasan Empangan**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 27.11.2007  
Lokasi : Loji Rawatan Air, Lambir

**Foto 14**  
**Pagar Dipotong Di Kawasan Empangan Water Treatment Plant**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 27.11.2007  
Lokasi : Loji Rawatan Air, Lambir

**Foto 15**  
**Pondok Jaga Dirosakkan**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 27.11.2007  
Lokasi : Loji Rawatan Air, Lambir

### 17.7.2 Non Revenue Water (NRW)

NRW terdiri daripada air yang dibenarkan untuk diguna tetapi tidak dibil seperti air yang digunakan untuk memadam kebakaran, standpipes, penggunaan yang tidak dibenarkan dan kerosakan meter dan kecurian air melalui penyambungan paip air secara tidak sah dan kehilangan sebenar melalui paip air bocor dan pecah. Isu berkaitan dengan NRW ialah pembaziran air dan pelaburan dalam pengeluaran air. Sekiranya peratusan NRW dapat dikurang, pembaziran air dapat dikurangkan.

Semakan Audit mendapati peratusan *NRW* bagi LAKU Bintulu adalah paling rendah berbanding LAKU Miri dan Limbang seperti yang ditunjukkan di **Jadual 53**.

**Jadual 53**  
**Perbandingan NRW Antara Kawasan Miri, Bintulu Dan Limbang**

Kawasan	Tahun		
	2005 (%)	2006 (%)	2007 (%)
Miri	24.5	26.0	27.2
Bintulu	12.0	11.8	12.2
Limbang	18.5	21.3	23.7

*Sumber: Laporan Tahunan LAKU 2005 & 2006 dan Laporan Suku Tahun Ketiga 2007 LAKU*

Secara keseluruhannya, peratusan *NRW* LAKU masih di bawah paras purata *NRW* kebangsaan yang mana pada tahun 2005, kadar *NRW* kebangsaan ialah 37.7%. Namun begitu, usaha berterusan hendaklah diambil supaya kadar *NRW* boleh dikurangkan ke tahap yang paling minima.

#### **17.7.3 Pemantauan**

Pemantauan perlu dibuat bagi menentukan setiap tindakan dan keputusan yang telah diambil memberi sebarang kesan kepada sesebuah syarikat. Pemantauan boleh dijalankan oleh pelbagai peringkat bagi memastikan kepentingan pegangan ekuiti kerajaan dalam syarikat dipelihara. Pemantauan yang menyeluruh hendaklah dibuat pada semua peringkat pengurusan bagi menentukan pelaksanaan dasar dan keseluruhan komponen perancangan mencapai objektif penubuhan syarikat dan memenuhi hasrat kerajaan. Selain itu, mekanisme pemantauan juga perlu digerakkan bagi menyokong pelaksanaan pemantauan yang cekap dan berkesan.

#### **17.7.4 Mesyuarat Lembaga Pengarah**

Mesyuarat ada dijalankan sama ada di peringkat Lembaga Pengarah dan juga di peringkat pengurusan. Mesyuarat yang dijalankan di peringkat Lembaga Pengarah ialah mesyuarat Lembaga Pengarah dan mesyuarat jawatankuasa yang dilantik diperingkat Lembaga Pengarah. Kekerapan mesyuarat diperingkat Lembaga Pengarah bergantung kepada jumlah ahli Lembaga Pengarah yang dapat hadir pada masa dan tarikh yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati sejak dari tahun 2005 hingga bulan September 2007, Lembaga Pengarah telah bermesyuarat sebanyak 10 kali dan perkara yang dibincangkan ialah berkenaan pengurusan LAKU secara keseluruhannya. Laporan kemajuan projek dan Prestasi kewangan LAKU juga dibincangkan dalam mesyuarat berkenaan. Bagaimanapun pemantauan diperingkat Lembaga Pengarah boleh dipertingkatkan lagi dengan mengadakan mesyuarat lebih kerap kerana keputusan penting dibuat semasa mesyuarat diadakan.

#### **17.7.5 Mesyuarat Pengurusan Syarikat**

Pemantauan oleh pengurusan syarikat diadakan oleh Jawatankuasa Pengurusan yang dianggotai oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Pengurus Kanan dan semua Pengurus Kawasan Bintulu, Miri dan Limbang. Pada tahun 2007, jawatankuasa ini telah

bermesyuarat 2 kali. Perkara yang dibincangkan adalah meliputi latihan kakitangan, perkhidmatan, hal ehwal semasa, perkara yang bersangkutan dengan pengurusan syarikat dan disiplin kakitangan. Semakan Audit mendapati semua perkara yang dibincangkan dicatat dalam minit mesyuarat jawatankuasa Pengurusan. Mesyuarat terakhir yang diadakan ialah pada 31 Oktober 2007 hingga 1 November 2007.

#### **17.7.6 State Financial Secretary Incorporated**

Pemantauan terhadap pengurusan keseluruhan LAKU adalah di bawah tanggungjawab Syarikat Induk selaku pemegang saham utama. Setiausaha Kewangan Negeri telah melantik Timbalan Setiausaha Kewangan Negeri sebagai wakilnya untuk menganggotai Lembaga Pengarah LAKU. Pemantauan dijalankan dengan membuat kajian ke atas laporan bulanan, laporan suku tahun, laporan tahunan dan melalui laporan oleh wakil Setiausaha Kewangan Negeri.

**Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap pengurusan LAKU telah dibuat dengan memuaskan.**

### **18. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Pada keseluruhannya, kawalan dalaman berkaitan dengan pengurusan kewangan LAKU adalah baik. Bagaimanapun, bagi memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan LAKU perlu mempertingkatkan beberapa perkara berikut:

- a) Pihak LAKU hendaklah membuat rondaan dari semasa ke semasa untuk memastikan sumber bekalan air dan kawasan tadahan air tidak di ceroboh, tidak tercemar dan selamat untuk diminum;
- b) Memastikan kawalan terhadap loji air dipertingkatkan dengan menentukan penyenggaraan sewajarnya dibuat untuk memastikan bekalan air yang bersih diagihkan kepada kawasan-kawasan di bawah tanggungjawabnya;
- c) Mengambil tindakan tegas terhadap tunggakan hasil yang semakin meningkat;
- d) Menubuhkan Jawatankuasa Pelaburan;
- e) Menyediakan Garis Panduan Pelaburan bagi tujuan rujukan; dan
- f) Memastikan pengurusan aset dibuat dengan lebih efisien merangkumi aspek penrekodan, penyenggaraan, pemeriksaan aset secara berkala, penggunaan dan pelupusan aset.

## **BAHAGIAN VI**

### **PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN BADAN BERKANUN NEGERI, PIHK BERKUASA TEMPATAN DAN MAJLIS AGAMA ISLAM**

#### **19. PENDAHULUAN**

Bahagian ini melaporkan hasil penyerahan, pengesahan dan pembentangan penyata kewangan Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam.

##### **19.1 PENG AUDITAN PENYATA KEWANGAN**

Ketua Audit Negara dikehendaki menjalankan pengauditan terhadap 22 Badan Berkanun Negeri, 25 Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam di negeri Sarawak. Pada tahun 2007, pengauditan terhadap 2 Badan Berkanun Negeri dan Majlis Agama Islam telah dijalankan sendiri oleh Jabatan Audit Negara manakala pengauditan terhadap 20 Badan Berkanun Negeri dan 25 Pihak Berkuasa Tempatan yang lain telah dijalankan oleh firma audit swasta bagi pihak Ketua Audit Negara. Pelantikan firma audit swasta ini adalah selaras dengan peruntukan Seksyen 7 (3) Akta Audit, 1957 yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara melantik pihak yang berkebolehan untuk menjalankan pengauditan bagi pihak beliau.

**19.2** Pengauditan yang dijalankan oleh firma audit swasta adalah diselia dan dipantau oleh pegawai Jabatan Audit Negara. Pemantauan dibuat semasa pengauditan interim dan muktamad dilaksanakan oleh firma audit swasta. Kertas kerja pengauditan yang disediakan oleh firma audit swasta juga telah disemak oleh pegawai Jabatan Audit Negara. Bagi meningkatkan mutu pengauditan dan membantu pemantauan terhadap kerja yang dilaksanakan oleh firma audit swasta, Jabatan Audit Negara telah mengeluarkan Prosedur Kualiti, Arahan Kerja dan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam yang berkuat kuasa penggunaannya pada 17 Julai 2006. Prosedur Kualiti dan Arahan Kerja ini telah menetapkan panduan berkenaan penyediaan Memorandum Perancangan Audit, Pengauditan Interim, Pengauditan Muktamad, Penyediaan Surat Pemerhatian Audit, Pengurusan Firma Audit Swasta sehinggalah Penyediaan Sijil dan Laporan Ketua Audit Negara. Selain itu, perbincangan antara firma audit swasta, Agensi Kerajaan dan Jabatan Audit Negara untuk menyelesaikan masalah yang berbangkit masih diteruskan. Secara keseluruhannya, penggunaan Prosedur Kualiti, Arahan Kerja, Garis Panduan dan

perbincangan berterusan itu telah meningkatkan prestasi kerja pengauditan dan mutu persembahan penyata kewangan bertambah baik serta jaringan kerjasama yang kukuh antara firma audit swasta, Agensi Kerajaan dan Jabatan Audit Negara. Justeru, penyerahan dan pengesahan penyata kewangan pada keseluruhannya dapat dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan.

## **20. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN**

**20.1** Seksyen 4, Ordinan Badan-badan Berkanun (Prosedur Kewangan Dan Perakaunan) 1995 dan Pekeliling Prosedur Kewangan Dan Perakaunan Bilangan 2 Tahun 1995 yang dikeluarkan oleh Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak menghendaki Badan Berkanun Negeri mengemukakan penyata kewangan kepada Ketua Audit Negara untuk diaudit tidak lewat daripada 30 April tahun berikutnya. Manakala mengikut Peraturan 37, Peraturan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan 1997, Pihak Berkuasa Tempatan dikehendaki menyedia dan menyerahkan penyata kewangan kepada Ketua Audit Negara pada atau sebelum 30 April tahun berikutnya. Seksyen 72, Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001 pula menghendaki penyata kewangan disediakan setiap tahun dan diserahkan kepada Ketua Audit Negara untuk diperakui.

**20.2** Pada keseluruhannya, penyerahan dan penyediaan Penyata Kewangan Tahun 2007 bagi 22 Badan Berkanun Negeri, 25 Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam adalah memuaskan berbanding Tahun 2006. Adalah didapati 8 Badan Berkanun Negeri dan 4 Pihak Berkuasa Tempatan lewat mengemukakan penyata kewangan daripada tarikh yang ditetapkan oleh undang-undang. Antara sebab Badan Berkanun Negeri lewat mengemukakan penyata kewangan mereka kerana syarikat subsidiari dan bersekutunya lewat menyerahkan penyata akaun bagi tujuan penyatuan, pelantikan Akauntan baru dan penyata kewangan lewat diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Manakala penyata kewangan Pihak Berkuasa Tempatan lewat diserahkan kerana berlaku kesilapan pemprosesan data semasa peralihan sistem manual ke sistem komputer, kelewatan dalam mengemaskinikan leger dan perlarasan semula kepada akaun serta kekurangan kakitangan. Semua Penyata Kewangan Agensi Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2006 pula telah disahkan pada tahun berikutnya kecuali 4 Badan Berkanun Negeri dan 1 Pihak Berkuasa Tempatan disahkan pada tahun 2008. Kelulusan bagi lanjutan tempoh penyerahan penyata kewangan daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri selaras dengan Seksyen 5 (1) Ordinan Badan-badan Berkanun (Prosedur Kewangan Dan Perakaunan) 1995 telah dimohon. Manakala 4 Pihak Berkuasa Tempatan berkenaan telah memohon lanjutan tempoh penyerahan penyata kewangan dan 3 daripada 4 Pihak Berkuasa Tempatan tersebut telah mendapat kelulusan daripada Menteri berkenaan selaras dengan kehendak Peraturan 38 (1) dan (2), Peraturan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan, 1997.

**20.3** Sehingga 26 Jun 2008, semua Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam telah menyerahkan Penyata Kewangan Tahun 2006 untuk diaudit

dan sijil audit telah dikeluarkan. Butiran lanjut kedudukan penyerahan dan pengauditan penyata kewangan adalah seperti di **Lampiran V**.

**20.4** Jabatan Audit Negara mengucapkan tahniah kepada Agensi yang telah berusaha untuk menyediakan akaun dengan kemas kini dan mengemukakan akaun tersebut mengikut tempoh yang ditetapkan bagi memastikan kelancaran proses pengesahan penyata kewangan. Usaha baik ini perlu diteruskan, malah hendaklah dipertingkatkan.

**20.5** Bagi memastikan penyata kewangan dapat disediakan dan dikemukakan kepada Ketua Audit Negara mengikut tempoh yang ditetapkan oleh undang-undang, Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam adalah disyorkan mengambil tindakan seperti berikut:

- a) Badan Berkanun Negeri mengambil tindakan sewajarnya untuk memastikan syarikat subsidiari dan bersekutunya mengemukakan penyata akaun dengan lebih awal untuk membolehkan penyatuan akaun dapat dibuat sebelum akhir bulan April tahun berikutnya;
- b) memastikan rekod kewangan sentiasa diselenggarakan dengan kemas kini dan teratur;
- c) penyeliaan yang rapi dibuat terhadap kakitangan yang mengendalikan urusan akaun;
- d) pemantauan hendaklah dilakukan dengan membincangkan isu pengurusan kewangan dan akaun sebagai salah satu perkara tetap dalam agenda mesyuarat;
- e) memberikan latihan berkaitan pengurusan kewangan berterusan kepada pegawai dan kakitangan yang terlibat dengan urusan kewangan dan akaun; dan
- f) menggunakan khidmat akauntan swasta jika perlu untuk menyediakan penyata kewangan.

## **21. PERSIJILAN PENYATA KEWANGAN**

**21.1** Pada tahun 2007, Penyata Kewangan Tahun 2006 bagi 22 Badan Berkanun Negeri, 25 Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam telah diterima untuk diaudit. Penyata Kewangan tersebut telah diaudit, disahkan dan diberikan Sijil Tanpa Teguran kecuali 2 Badan Berkanun Negeri dan 2 Pihak Berkuasa Tempatan. Manakala 1 daripada Badan Berkanun Negeri tersebut tidak dapat disahkan pada tahun 2007 kerana penyata kewangan disatukan lewat diserahkan. Sijil Berteguran diberi kepada kedua-dua Badan Berkanun Negeri tersebut kerana tidak menyatukan akaun syarikat subsidiari masing-masing dengan akaun Badan Berkanun Negeri berkenaan. Manakala kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan tersebut diberi Sijil Berteguran kerana mempunyai akaun tergantung (suspen) yang tidak boleh dikenal pasti dan tidak dapat dijelaskan. Selain itu, baki amanah khas Majlis Daerah Simunjan tidak dapat disahkan kerana tidak mempunyai senarai individu dan penjelasan yang munasabah tidak diberikan. Manakala baki akaun pembangunan juga tidak dapat disahkan kerana rekod yang disediakan tidak kemas kini. Kesemua Penyata Kewangan Tahun 2006 bagi Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam telah disahkan sebelum akhir tahun 2007 kecuali 4 Badan Berkanun Negeri dan 1 Pihak Berkuasa Tempatan telah disahkan pada tahun 2008.

Penyata kewangan berkenaan tidak dapat disahkan pada akhir tahun 2007 disebabkan pindaan semula terhadap penyata kewangan tersebut. Butiran lengkap kedudukan persijilan Penyata Kewangan Agensi Kerajaan Negeri yang disahkan sehingga 26 Jun 2008 adalah seperti di **Lampiran VI**.

**21.2** Pada keseluruhannya, penyediaan penyata kewangan adalah mematuhi piawaian perakaunan, undang-undang dan peraturan serta rekod perakaunan diselenggarakan dengan memuaskan.

## **22. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN**

**22.1** Seksyen 8, Ordinan Badan-badan Berkanun (Prosedur Kewangan Dan Perakaunan) 1995 menetapkan penyata kewangan Badan Berkanun Negeri yang telah diaudit hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri dengan seberapa segera. Seksyen 58, Ordinan Pihak Berkuasa Tempatan 1996 pula menyatakan semua penyata kewangan Pihak Berkuasa Tempatan yang telah diaudit hendaklah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan dibentangkan di Dewan Undangan Negeri.

**22.2** Sehingga 26 Jun 2008, sebanyak 49 penyata kewangan tahun 1998 hingga 2006 yang telah diberi sijil oleh Ketua Audit Negara masih belum dibentangkan di Dewan Undangan Negeri iaitu sebanyak 24 penyata kewangan bagi 14 Badan Berkanun Negeri dan 25 penyata kewangan bagi 25 Pihak Berkuasa Tempatan. Pihak terlibat perlulah mengambil tindakan segera untuk membentangkan penyata kewangan tersebut di Dewan Undangan Negeri seperti mana kehendak undang-undang. Kedudukan pembentangan penyata kewangan sehingga 26 Jun 2008 adalah seperti di **Lampiran VII**.

## **23. PRESTASI KEWANGAN**

### **23.1 ANALISIS KEDUDUKAN KEWANGAN BADAN BERKANUN NEGERI**

Kedudukan Kewangan Badan Berkanun Negeri boleh dianalisis daripada maklumat kewangan yang terkandung pada Penyata Pendapatan dan Lembaran Imbangan Agensi masing-masing. Jabatan Audit Negara telah mengaudit dan mengesahkan penyata kewangan tahun 2006 bagi 18 Badan Berkanun Negeri sehingga akhir tahun 2007. Manakala 4 Badan Berkanun Negeri hanya dapat disahkan sehingga awal bulan Jun 2008 untuk penyata kewangan tahun 2006. Kedudukan kewangan bagi kesemua Badan Berkanun Negeri adalah seperti berikut:

#### **23.1.1 Analisis Penyata Pendapatan**

Pada tahun 2006, pendapatan yang diterima oleh 22 Badan Berkanun Negeri adalah berjumlah RM595.60 juta. Jumlah pendapatan tersebut menunjukkan penurunan ketara sejumlah RM1.15 bilion atau 66% iaitu sejumlah RM595.60 juta pada tahun 2006 berbanding sejumlah RM1.75 bilion pada tahun 2005. Manakala perbelanjaan secara keseluruhannya juga turut menurun sejumlah RM1.05 bilion atau 65.2% iaitu daripada

RM1.61 bilion pada tahun 2005 menjadi RM559.57 juta pada tahun 2006. Penurunan ketara bagi pendapatan dan perbelanjaan pada tahun 2006 adalah disebabkan 1 Badan Berkanun Negeri telah diswastakan menjadi sebuah badan korporat.

Setelah membandingkan jumlah pendapatan dan jumlah perbelanjaan, adalah didapati 13 Badan Berkanun Negeri mencatatkan surplus manakala 9 Badan Berkanun Negeri mencatatkan defisit. Bagaimanapun, kedudukan tersebut tidak menggambarkan keadaan sebenar prestasi kewangan Badan Berkanun Negeri disebabkan sebahagian daripada kos operasi dibiayai daripada pemberian geran tahunan Kerajaan Negeri. Analisis Audit mendapati sebanyak 15 Badan Berkanun Negeri telah menerima geran operasi berjumlah RM152.88 juta daripada Kerajaan Negeri pada tahun 2006. Adalah didapati 7 Badan Berkanun Negeri tersebut akan mencatat defisit sekiranya tidak mendapat geran operasi daripada Kerajaan Negeri.

### **23.1.2 Analisis Lembaran Imbangan**

Analisis Audit terhadap butiran utama pada Lembaran Imbangan telah dibuat. Bagi tujuan ini, butiran Pelaburan dan Harta Semasa Bersih telah dipilih untuk dilaporkan.

#### **a) Pelaburan**

Sebanyak 9 Badan Berkanun Negeri telah melabur dalam syarikat subsidiari dan bersekutu manakala 13 Badan Berkanun Negeri lain tidak membuat sebarang pelaburan dalam syarikat subsidiari atau bersekutu. Adalah didapati 9 Badan Berkanun Negeri tersebut melabur sejumlah RM418.82 juta di 122 syarikat subsidiari dan 7 Badan Berkanun Negeri melabur sejumlah RM963.02 juta di 79 syarikat bersekutu. Sumber pelaburan tersebut adalah sama ada daripada Badan Berkanun Negeri itu sendiri atau geran Kerajaan atau pinjaman daripada Kerajaan atau kombinasi antaranya.

Analisis Audit mendapati daripada 122 syarikat subsidiari tersebut, sebanyak 54 syarikat subsidiari mencatatkan surplus berjumlah RM723.64 juta manakala sebanyak 68 syarikat subsidiari mengalami defisit berjumlah RM282.58 juta. Sementara itu, sebanyak 37 syarikat bersekutu mencatatkan surplus berjumlah RM745.56 juta dan sebanyak 42 syarikat bersekutu mengalami defisit berjumlah RM385.39 juta. Perbandingan prestasi pelaburan di syarikat subsidiari dan bersekutu bagi tahun 2005 dan 2006 adalah seperti di **Jadual 54**.

**Jadual 54**  
**Perbandingan Prestasi Pelaburan Di Syarikat Subsidiari**  
**Dan Bersekutu Bagi Tahun 2005 Dan 2006**

Jenis Pelaburan	2005		2006	
	Bilangan Syarikat	Surplus/(Defisit) Terkumpul (RM Juta)	Bilangan Syarikat	Surplus/(Defisit) Terkumpul (RM Juta)
Syarikat Subsidiari	49	288.91	54	723.64
	71	(138.98)	68	(282.58)
Syarikat Bersekutu	48	683.85	37	745.56
	43	(97.26)	42	(385.39)

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

Perbandingan dibuat antara prestasi pelaburan Badan Berkanun Negeri dalam syarikat subsidiari dan bersekutu pada tahun 2005 dan 2006 mendapati pertambahan dari segi bilangan pelaburan dalam syarikat subsidiari sebanyak 2 atau 1.7% iaitu sebanyak 120 syarikat pada tahun 2005 menjadi 122 syarikat pada tahun 2006. Pertambahan ini adalah disebabkan perluasan aktiviti Badan Berkanun Negeri yang memerlukan syarikat subsidiari ditubuhkan bagi melicinkan operasi aktiviti tersebut. Pertambahan ini telah memberi impak besar kepada prestasi pelaburan dalam syarikat Badan Berkanun Negeri di mana sebanyak 54 syarikat subsidiari tersebut telah mencatatkan peningkatan dari segi keuntungan syarikat sejumlah RM434.73 juta atau 150.5% iaitu sejumlah RM723.64 juta pada tahun 2006 berbanding sejumlah RM288.91 juta pada tahun 2005. Defisit daripada syarikat subsidiari juga menunjukkan peningkatan ketara sejumlah RM143.60 juta atau 103.3% iaitu sejumlah RM138.98 juta pada tahun 2005 menjadi sejumlah RM282.58 juta pada tahun 2006. Peningkatan ini disebabkan kerugian berterusan ditanggung oleh syarikat subsidiari yang berorientasikan kepada sosial ekonomi dan menjaga kepentingan Kerajaan.

Bagaimanapun, bilangan pelaburan dalam syarikat bersekutu telah menunjukkan pengurangan sebanyak 12 atau 13.2% iaitu daripada 91 syarikat bersekutu pada tahun 2005 menjadi 79 syarikat bersekutu pada tahun 2006. Pengurangan dalam bilangan syarikat bersekutu tersebut tidak memberi kesan kepada kedudukan kewangan Badan Berkanun Negeri terutama dalam pulangan dividen. Sebanyak 37 daripada 79 syarikat bersekutunya mencatat surplus sejumlah RM745.56 juta iaitu peningkatan sejumlah RM61.71 juta atau 9% berbanding tahun 2005. Manakala sebanyak 42 syarikat bersekutunya pula mengalami defisit sejumlah RM385.39 juta iaitu peningkatan ketara sejumlah RM288.13 juta atau 296.2% berbanding tahun 2005.

Pada keseluruhannya, prestasi pelaburan Badan Berkanun Negeri dalam syarikat subsidiari adalah tidak memuaskan di mana sebanyak 68 atau 55.7% daripada syarikat tersebut mengalami defisit. Prestasi keseluruhan syarikat bersekutu juga menunjukkan pencapaian tidak memuaskan dengan mencatatkan defisit bagi 42

atau 53.2% daripada syarikat bersekutu milik Badan Berkanun Negeri. Justeru itu, Badan Berkanun Negeri berkenaan hendaklah mengkaji semula kedudukan pelaburannya dalam syarikat yang berterusan mengalami defisit.

**b) Harta Semasa Bersih**

Analisis Audit juga mendapati kedudukan nilai harta semasa bersih bagi 22 Badan Berkanun Negeri menurun sejumlah RM58.69 juta atau 3.1% iaitu daripada sejumlah RM1.90 bilion pada tahun 2005 menjadi RM1.84 bilion pada tahun 2006. Penurunan ini adalah disebabkan 1 Badan Berkanun Negeri telah diswastakan menjadi sebuah badan korporat. Pada keseluruhannya, kedudukan kewangan bagi 19 daripada 22 Badan Berkanun Negeri adalah memuaskan kerana mempunyai lebihan harta semasa bersih. Daripada jumlah tersebut, Perbadanan Pembangunan Perumahan Sarawak memiliki nilai harta semasa bersih tertinggi berjumlah RM632.71 juta iaitu penurunan sejumlah RM7.58 juta atau 1.2% berbanding tahun 2005. Manakala Lembaga Penyatuan Dan Pemulihan Tanah Sarawak menunjukkan liabiliti semasa melebihi aset semasa tertinggi sejumlah RM40.35 juta iaitu meningkat dengan ketara sejumlah RM15.27 juta atau 60.9%. Daripada 19 Badan Berkanun Negeri yang mempunyai lebihan harta semasa bersih, sebanyak 11 Badan Berkanun Negeri mencatatkan surplus pada tahun 2006 manakala 8 lagi mengalami defisit. Sebaliknya, 2 Badan Berkanun Negeri yang lain mempunyai harta semasa bersih yang negatif telah mencatatkan surplus pada tahun 2006. Manakala 1 Badan Berkanun Negeri lagi mengakhiri tahun kewangan 2006 dengan mencatatkan defisit dan juga mempunyai harta semasa bersih yang negatif. Kedudukan kewangan Badan Berkanun Negeri pada 31 Disember 2006 adalah seperti di **Lampiran VIII**.

## **23.2 ANALISIS KEDUDUKAN KEWANGAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

Sehingga 26 Jun 2008, Jabatan Audit Negara telah membuat pengesahan dan mengeluarkan sijil terhadap Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 2006 untuk kesemua 25 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Sarawak yang terdiri daripada 3 Dewan/Majlis Bandaraya, 2 Majlis Perbandaran dan 20 Majlis Daerah. Prestasi kewangan Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2006 adalah seperti di **Lampiran IX**. Analisis kedudukan kewangan bagi kesemua PBT ini adalah seperti berikut:

### **23.2.1 Kedudukan Kewangan Dewan/Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran Dan Majlis Daerah**

**a) Dewan Bandaraya Dan Majlis Bandaraya**

Analisis Audit terhadap penyata kewangan ketiga-tiga Dewan/Majlis Bandaraya mendapati Majlis Bandaraya Kuching Selatan masih mengekalkan surplus walaupun telah menurun sejumlah RM0.25 juta atau 5% iaitu sejumlah RM 4.75 juta pada tahun 2006 berbanding sejumlah RM5.00 juta pada tahun 2005.

Manakala Dewan Bandaraya Kuching Utara pula mencatat defisit sejumlah RM3.36 juta berbanding surplus sejumlah RM0.07 juta yang diperoleh pada tahun 2005. Kedudukan kewangan Majlis Bandaraya Miri pula menunjukkan prestasi cemerlang apabila mencatat surplus sejumlah RM4.97 juta pada tahun 2006 berbanding defisit yang dialaminya pada 2 tahun sebelumnya iaitu sejumlah RM7.98 juta pada tahun 2004 dan sejumlah RM6.91 juta pada tahun 2005. Pada tahun 2006, kedudukan kewangan bagi 2 Majlis Bandar raya bertambah baik dengan mencatatkan surplus sejumlah RM9.72 juta. Secara keseluruhannya, ketiga-tiga Dewan/Majlis Bandar raya ini telah mencatatkan surplus sejumlah RM6.36 juta. Prestasi kewangan ini bertambah baik berbanding defisit sejumlah RM1.84 juta pada tahun 2005.

### b) Majlis Perbandaran

Kedudukan kewangan Majlis Perbandaran Padawan pada tahun 2006 adalah menurun dengan mencatatkan defisit sejumlah RM2.30 juta berbanding surplus sejumlah RM1 juta yang diperoleh pada tahun 2005. Manakala prestasi kewangan Majlis Perbandaran Sibu bertambah baik dengan mencatatkan surplus sejumlah RM1.73 juta berbanding defisit sejumlah RM2.38 juta pada tahun 2005. Secara keseluruhannya, Majlis Perbandaran mengalami kedudukan kewangan yang menggalakkan di mana defisit sejumlah RM1.38 juta yang dialami pada tahun 2005 telah menurun kepada RM0.57 juta pada tahun kewangan 2006.

Kedudukan surplus dan defisit bagi Dewan/Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran adalah ditunjukkan seperti di **Jadual 55**.

**Jadual 55**  
**Kedudukan Kewangan Tahunan**  
**Bagi Dewan/Majlis Bandaraya Dan Majlis Perbandaran**

Bil.	Nama Pihak Berkuasa Tempatan	Tahun		
		2004 Surplus/(Defisit) (RM Juta)	2005 Surplus/(Defisit) (RM Juta)	2006 Surplus/(Defisit) (RM Juta)
1.	Majlis Bandaraya Kuching Selatan	1.05	5.00	4.75
2.	Dewan Bandaraya Kuching Utara	2.98	0.07	(3.36)
3.	Majlis Bandaraya Miri	(7.98)	(6.91)	4.97
	<b>Jumlah</b>	<b>(3.95)</b>	<b>(1.84)</b>	<b>6.36</b>
1.	Majlis Perbandaran Sibu	(0.89)	(2.38)	1.73
2.	Majlis Perbandaran Padawan	4.70	1.00	(2.30)
	<b>Jumlah</b>	<b>3.81</b>	<b>(1.38)</b>	<b>(0.57)</b>

Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

### c) Majlis Daerah

Secara keseluruhannya, defisit yang dialami oleh 20 Majlis Daerah adalah didapati menurun sejumlah RM1.80 juta atau sebanyak 29% iaitu sejumlah RM4.41 juta pada tahun 2006 berbanding sejumlah RM9.28 juta defisit yang dialami pada tahun 2004 dan sejumlah RM6.21 juta defisit pada tahun 2005. Sebanyak 11 daripada 20 Majlis Daerah mengalami defisit sejumlah RM8.33 juta pada tahun kewangan 2006. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 6 Majlis Daerah mempunyai defisit yang tinggi

ialitu Majlis Daerah Sarikei, Majlis Daerah Dalat Dan Mukah, Majlis Daerah Kapit, Majlis Daerah Samarahan, Majlis Daerah Betong dan Majlis Daerah Limbang. Defisit yang dialami adalah disebabkan oleh peningkatan perbelanjaan dan pada masa yang sama kutipan hasil tidak dapat menampung perbelanjaan yang dibuat.

Manakala 9 Majlis Daerah yang lain telah mencatat surplus sejumlah RM3.92 juta iaitu Majlis Daerah Bau, Majlis Daerah Lundu, Majlis Daerah Serian, Majlis Daerah Saratok, Majlis Daerah Kanowit, Majlis Daerah Lubok Antu, Majlis Daerah Simunjan, Majlis Daerah Subis dan Majlis Daerah Lawas. Ringkasan kedudukan kewangan Majlis Daerah adalah seperti di **Jadual 56**.

**Jadual 56**  
**Kedudukan Kewangan Tahunan Bagi Majlis Daerah**

Perkara	Tahun 2004		Tahun 2005		Tahun 2006	
	Bil. Majlis Daerah	(RM Juta)	Bil. Majlis Daerah	(RM Juta)	Bil. Majlis Daerah	(RM Juta)
Surplus	4	1.75	6	3.21	9	3.92
(Defisit)	16	(11.03)	14	(9.42)	11	(8.33)
<b>Jumlah</b>	<b>20</b>	<b>(9.28)</b>	<b>20</b>	<b>(6.21)</b>	<b>20</b>	<b>(4.41)</b>

Sumber: Penyata Kewangan Majlis Daerah

### 23.2.2 Hasil Dan Perbelanjaan

Pada tahun 2006, Pihak Berkuasa Tempatan telah membelanjakan sejumlah RM335.90 juta bagi perbelanjaan pentadbiran, penyenggaraan dan kemudahan awam. Hasil utama Pihak Berkuasa Tempatan pula adalah daripada cukai taksiran, geran berkanun, faedah pelaburan, lesen perniagaan dan perkhidmatan sewaan. Semakan Audit mendapati pada tahun 2006, Pihak Berkuasa Tempatan telah mengutip hasil sejumlah RM337.26 juta. Komposisi hasil Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2006 adalah seperti di **Jadual 57**.

**Jadual 57**  
**Jenis Hasil Pihak Berkuasa Tempatan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2006**

Kategori PBT	Bil. PBT	Cukai Taksiran (RM Juta)	Geran Berkanun (RM Juta)	Faedah Pelaburan (RM Juta)	Lesen (RM Juta)	Sewaan (RM Juta)	Pelbagai (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)
Bandaraya	3	98.77	25.17	4.25	4.31	1.08	49.79	183.37
Perbandaran	2	37.34	13.42	1.05	1.39	1.48	16.47	71.15
Majlis Daerah	20	18.21	54.69	2.61	2.21	0.91	4.11	82.74
<b>Jumlah</b>	<b>25</b>	<b>154.32</b>	<b>93.28</b>	<b>7.91</b>	<b>7.91</b>	<b>3.47</b>	<b>70.37</b>	<b>337.26</b>

Sumber: Penyata Kewangan Majlis Daerah

### 23.2.3 Harta Semasa Bersih

Adalah didapati 24 daripada 25 Pihak Berkuasa Tempatan di negeri Sarawak mengamalkan perakaunan berasas tunai. Manakala 1 Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Dewan Bandaraya Kuching Utara mengamalkan perakaunan berdasarkan akru. Mengikut perakaunan berasaskan tunai, nilai prabayar, penghutang dan harta modal tidak diambil kira dalam Lembaran Imbangan. Hanya wang tunai dan simpanan tetap

diambil kira dalam penyediaan Lembaran Imbangan tahunan Pihak Berkuasa Tempatan. Analisis Audit terhadap harta semasa bersih Pihak Berkuasa Tempatan iaitu aset semasa yang ditolak dengan laibiliti semasa Pihak Berkuasa Tempatan mendapati perkara berikut:

- a) Analisis Audit mendapati harta semasa bersih bagi Dewan Bandaraya Kuching Utara pada tahun 2006 telah menurun sejumlah RM6.53 juta atau 6.4% iaitu sejumlah RM101.26 juta pada tahun 2005 menjadi sejumlah RM94.73 juta pada akhir tahun 2006. Penurunan ini adalah disebabkan pengurangan dalam simpanan tetap dan pengutang perniagaan. Selain itu, jumlah pembiutang perniagaan juga telah menurun sejumlah RM5.65 juta atau 54% iaitu sejumlah RM12.30 juta pada tahun 2005 berbanding sejumlah RM6.65 juta pada tahun 2006.
- b) Pada akhir tahun 2006, harta semasa bersih bagi Majlis Bandaraya Kuching Selatan berjumlah RM30.12 juta iaitu pertambahan sejumlah RM4.751 juta atau 18.5% berbanding tahun 2005. Manakala harta semasa bersih Majlis Bandaraya Miri menunjukkan pertambahan sejumlah RM4.97 juta atau 35.3% berbanding tahun 2005.
- c) Bagi Majlis Perbandaran, Majlis Perbandaran Padawan mempunyai nilai harta semasa bersih sejumlah RM30.91 juta pada tahun 2006 iaitu penurunan sejumlah RM2.30 juta berbanding sejumlah RM33.20 juta pada tahun 2005. Penurunan ini adalah disebabkan pertambahan dalam pelaburan dan penurunan dalam kutipan hasil. Sehubungan itu, Majlis Perbandaran Padawan perlu mengambil langkah yang drastik untuk menambah kutipan hasil dan mengawal perbelanjaan bagi mengelak berlakunya penurunan berterusan pada harta semasa bersih. Manakala nilai harta semasa bersih Majlis Perbandaran Sibu pula bertambah baik dengan peningkatan sejumlah RM1.73 juta atau 56% pada tahun 2006 berbanding sejumlah RM3.11 juta pada tahun 2005.
- d) Bagi 20 Majlis Daerah di Sarawak, sehingga tahun berakhir 2006, nilai aset keseluruhan yang dipegang adalah berjumlah RM215.56 juta. Nilai aset ini tidak termasuk harta modal yang dimiliki oleh Majlis memandangkan kesemua Majlis Daerah menggunakan perakaunan berasaskan tunai di mana harta modal tidak diambil kira dalam penyediaan Imbangan Duga. Majlis Daerah Dalat Dan Mukah, Majlis Daerah Marudi, Majlis Daerah Luar Bandar Sibu, Majlis Daerah Sarakei dan Majlis Daerah Bau mencatat nilai aset yang tinggi. Analisis Audit mendapati harta semasa bersih keseluruhan bagi 20 Majlis pada tahun 2006 ialah sejumlah RM191.44 juta. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sejumlah RM30.42 juta atau 18.9% berbanding tahun sebelumnya yang mencatat sejumlah RM161.02 juta. Daripada 20 Majlis Daerah ini, Majlis Daerah Lawas dan Majlis Daerah Kapit telah mencatat harta semasa bersih negatif masing-masing sejumlah RM0.42 juta dan RM1.10 juta. Majlis Daerah Lawas menunjukkan prestasi kewangan yang lebih baik

berbanding tahun 2005 di mana lebihan tanggungan menurun iaitu sejumlah RM1.17 juta pada tahun 2005 menjadi sejumlah RM0.42 juta pada tahun 2006. Kedua Majlis ini perlu meningkatkan prestasi kewangan mereka kerana masih mengalami nisbah kecairan yang rendah seperti mana berlaku sejak 3 tahun lepas.

- e) Sehingga akhir 31 Disember 2006, analisis Audit mendapati kedudukan kewangan bagi Majlis Daerah telah bertambah baik di mana 9 daripadanya mempunyai surplus sejumlah RM3.92 juta berbanding 6 Majlis Daerah mencatat sejumlah RM3.21 juta surplus pada tahun 2005. Defisit terkumpul sehingga akhir tahun 2006 telah menurun sejumlah RM1.09 juta atau 11.6%. Majlis hendaklah mengambil langkah proaktif untuk menambah baik lagi prestasi kewangan masing-masing. Bagi Majlis Daerah yang mempunyai kedudukan kewangan yang lemah, mekanisme dan tindakan tertentu perlu dirangka dan dilaksanakan untuk membaiki prestasi kewangan masing-masing. Memandangkan kedudukan kewangan tidak kukuh, Majlis Daerah berkenaan akan menghadapi kesukaran pada masa terdekat untuk membayar balik tanggungan yang telah dibuat.

### **23.3 ANALISIS TUNGGAKAN HASIL CUKAI TAKSIRAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

**23.3.1** Cukai taksiran adalah cukai tahunan yang dikenakan terhadap harta pegangan di bawah kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan mengikut Ordinan Kuasa-kuasa Tempatan 1996. Cukai taksiran adalah merupakan penyumbang utama kepada pendapatan Pihak Berkuasa Tempatan. Harta pegangan yang dikenakan cukai taksiran adalah tanah, rumah kediaman, kedai, bangunan perniagaan, pejabat bukan milik kerajaan, kilang dan depot. Sehingga akhir tahun 2007, sejumlah RM164.37 juta telah berjaya dikutip oleh Pihak Berkuasa Tempatan di negeri Sarawak. Kutipan ini meningkat sejumlah RM13.15 juta atau 8.7% berbanding kutipan cukai pada tahun 2006. Jumlah hasil cukai taksiran yang dikutip di peringkat Bandaraya, Perbandaran dan Majlis Daerah bagi tempoh 2003 hingga 2007 adalah ditunjukkan di **Jadual 58**.

**Jadual 58**  
**Kutipan Cukai Taksiran Bagi Tempoh 2002 Hingga 2007**

<b>Kategori PBT</b>	<b>Bilangan PBT</b>	<b>Tahun</b>				
		<b>2003 (RM Juta)</b>	<b>2004 (RM Juta)</b>	<b>2005 (RM Juta)</b>	<b>2006 (RM Juta)</b>	<b>2007 (RM Juta)</b>
Bandaraya	3	56.08	63.41	95.01	97.31	104.40
Perbandaran	2	54.65	62.68	34.09	37.34	40.96
Majlis Daerah	20	13.42	14.48	16.36	16.57	19.01
<b>Jumlah</b>	<b>25</b>	<b>124.15</b>	<b>140.57</b>	<b>145.46</b>	<b>151.22</b>	<b>164.37</b>

Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

**23.3.2** Analisis Audit terhadap tunggakan cukai taksiran mendapati jumlah tunggakan telah meningkat daripada sejumlah RM62.03 juta pada tahun 2006 menjadi sejumlah RM67.12 juta pada tahun 2007 iaitu peningkatan sejumlah RM5.09 juta atau

8.21%. Bagi kategori Bandaraya, jumlah tunggakan cukai tahun 2007 telah meningkat sejumlah RM1.20 juta berbanding tahun 2006. Manakala di peringkat Perbandaran, jumlah tunggakan cukai telah meningkat sejumlah RM0.79 juta atau 7.07% berbanding tahun 2006. Begitu juga dengan Majlis Daerah, keseluruhan tunggakan cukai telah meningkat sejumlah RM3.10 juta atau sebanyak 20.1% di mana tunggakan cukai taksiran bagi Majlis Daerah Kapit meningkat sejumlah RM0.62 juta atau 145.4% berbanding tahun 2006. Peningkatan tunggakan cukai ini memberi tanda yang negatif bahawa pihak Majlis Daerah kurang berusaha untuk memperbaiki keadaan ekonomi Majlis. Peningkatan tunggakan cukai bagi keseluruhan Pihak Berkuasa Tempatan adalah seperti di **Jadual 59**.

**Jadual 59**  
**Tunggakan Cukai Taksiran Bagi Tempoh 4 Tahun**

Kategori PBT	Bilangan PBT	Tahun			
		2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
Bandaraya	3	25.16	33.62	35.42	36.62
Perbandaran	2	16.41	10.74	11.17	11.96
Majlis Daerah	20	14.33	15.83	15.44	18.54
<b>Jumlah</b>	<b>25</b>	<b>55.90</b>	<b>60.19</b>	<b>62.03</b>	<b>67.12</b>

*Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan*

**23.3.3** Adalah didapati 21 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah menunjukkan peningkatan bagi tunggakan cukai di mana 6 daripadanya menunjukkan peningkatan melebihi 20%. Manakala 5 PBT telah menunjukkan penurunan bagi tunggakan cukai pada tahun 2007 berbanding tahun 2006 iaitu Dewan Bandaraya Kuching Utara, Majlis Daerah Betong, Majlis Daerah Lawas, Majlis Daerah Lundu dan Majlis Daerah Saratok. Bagaimanapun, penurunan tersebut adalah kurang daripada 6% kecuali bagi Majlis Daerah Betong yang menunjukkan penurunan ketara sejumlah RM210,275 atau 24.54% dan Majlis Daerah Saratok sejumlah RM90,923 atau 18.2%. Peningkatan tunggakan cukai yang dialami oleh Pihak Berkuasa Tempatan perlu diambil perhatian serius untuk mengukuhkan lagi kewangan Majlis. Antara sebab peningkatan tunggakan ini ialah sikap pemilik pegangan yang tidak prihatin dan kurang ambil berat tentang bayaran cukai. Senarai Nilaian Majlis tidak dikemaskinikan menyebabkan pegangan yang sudah tidak wujud masih dikeluarkan bil dan majoriti bilangan penduduk luar bandar terdiri daripada golongan petani dan nelayan yang tidak berkemampuan untuk membayar cukai. Sehubungan itu, pihak Majlis perlu mengambil tindakan yang lebih serius untuk mengurangkan peningkatan tunggakan cukai taksiran seperti mengeluarkan dan menghantar notis tuntutan selepas tarikh genap bayaran, mengambil tindakan undang-undang terhadap pengutang, mengadakan kaunter bergerak dan menyita pegangan yang berkaitan.


## 23.4 ANALISIS KEDUDUKAN KEWANGAN MAJLIS AGAMA ISLAM

Kedudukan Kewangan Majlis Agama Islam dianalisis berdasarkan maklumat kewangan daripada Penyata Pendapatan dan Lembaran Imbangan. Jabatan Audit Negara telah mengaudit dan mengesahkan Penyata Kewangan Tabung Am, Majlis Islam Sarawak bagi tahun 2006 yang diuruskan oleh Tabung Baitulmal Sarawak. Kedudukan kewangan Majlis Islam Sarawak sehingga 31 Disember 2006 adalah seperti berikut:

### 23.4.1 Analisis Penyata Pendapatan

- a) Pada tahun 2006, Majlis Islam Sarawak mengakhiri tahun kewangan dengan lebihan sejumlah RM16.48 juta iaitu meningkat sejumlah RM3.47 juta atau 26.7% berbanding sejumlah RM13.01 juta pada tahun 2005. Jumlah pendapatan menunjukkan peningkatan sejumlah RM5.62 juta atau 23.6% iaitu sejumlah RM29.47 juta pada tahun 2006 berbanding sejumlah RM23.85 juta pada tahun 2005. Analisis Audit terhadap trend pendapatan bagi tahun 2001 hingga 2006 mendapati pendapatan daripada Zakat dan Baitulmal meningkat sepanjang tahun dengan purata pendapatan masing-masing sejumlah RM15.90 juta dan RM8.29 juta. Trend pendapatan bagi tempoh 6 tahun untuk pendapatan Zakat dan Baitulmal adalah seperti di **Carta 15**.

**Carta 15**  
**Trend Pendapatan Daripada Zakat Dan Baitulmal Bagi Tempoh 6 Tahun**



Sumber: Penyata Kewangan Tabung Am, Majlis Islam Sarawak

- b) Daripada jumlah keseluruhan pendapatan Majlis Islam Sarawak bagi tahun berakhir 31 Disember 2006, kutipan Zakat telah menyumbang sejumlah RM20.60 juta atau 69.9%. Manakala Zakat Harta pula telah menyumbang pendapatan tertinggi daripada keseluruhan pendapatan Zakat iaitu sejumlah RM11.30 juta atau 54.9%. Pendapatan daripada Zakat Harta juga menunjukkan peningkatan ketara iaitu sejumlah RM5.31 juta atau 42.6% berbanding tahun 2005. Peningkatan ketara ini

adalah hasil daripada Program Memudahkan Pengurusan Zakat oleh Tabung Baitulmal Sarawak. Pendapatan Zakat Harta juga menunjukkan kutipan secara berterusan daripada kesemua jenis zakat ini iaitu Zakat Wang Simpanan, Pendapatan, Emas, Saham, Ternakan, Perniagaan dan Tanaman. Pada tahun 2006, sejumlah RM17.75 juta Zakat Harta telah berjaya dikutip oleh Tabung Baitulmal Sarawak. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM8.19 juta atau 46.1% merupakan kutipan Zakat Pendapatan. Manakala Zakat Ternakan pula menunjukkan peningkatan ketara sejumlah RM955 atau 318.3% berbanding tahun 2005.

- c) Pendapatan Zakat Fitrah pula menunjukkan penurunan berterusan sejak tahun 2005 iaitu sejumlah RM13,644 atau 0.50%. Penurunan ini disebabkan jumlah pembayar Zakat Fitrah berkurangan biarpun kadar zakat fitrah sejumlah RM5.20 masih dikekalkan sejak 2 tahun yang lepas. Manakala keseluruhan pendapatan Kumpulan Wang Zakat Dan Fitrah pada tahun 2006 adalah sejumlah RM20.60 juta. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM17.80 juta atau 86.4% adalah kutipan bagi Zakat Harta. Peratusan pendapatan keseluruhan Kumpulan Wang Zakat Dan Fitrah pada tahun 2006 adalah seperti di **Carta 16**.

**Carta 16**  
**Pendapatan Kumpulan Wang Zakat Dan Fitrah Bagi Tahun 2006**



Sumber: Penyata Kewangan Tabung Am, Majlis Islam Sarawak

- d) Pendapatan Baitulmal pula meningkat sejumlah RM317,504 atau 3.7% menjadi sejumlah RM8.87 juta pada tahun 2006 berbanding sejumlah RM8.55 juta pada tahun 2005. Adalah didapati sewa bangunan merupakan pendapatan tertinggi daripada Kumpulan Wang Baitulmal dengan mencatatkan sejumlah RM2.39 juta atau 26.9% daripada keseluruhan kutipan Baitulmal. Dividen daripada saham pula menunjukkan peningkatan ketara sejumlah RM680,560 atau 104.4% menjadi sejumlah RM1.33 juta pada tahun 2006 berbanding sejumlah RM651,843 pada tahun 2005. Selain itu, sumbangan daripada masyarakat Islam juga menunjukkan

peningkatan sejumlah RM96,104 atau 15.4%. Manakala lain-lain hasil, derma dan hasil pelaburan pula menunjukkan penurunan ketara masing-masing sejumlah RM975,543 atau 47%, RM9,282 atau 32.4% dan RM25,267 atau 1.3%. Penurunan ini adalah disebabkan pengurangan hasil jualan aset iaitu sejumlah RM994,352 pada tahun 2006 berbanding sejumlah RM2.02 juta pada tahun 2005. Hasil pelaburan juga menunjukkan penurunan disebabkan keuntungan daripada Al-Mudharabah dan hasil akaun semasa berkurangan.

- e) Perbelanjaan Majlis Islam Sarawak bagi tahun berakhir 31 Disember 2006 terus meningkat sejumlah RM2.15 juta atau 19.8% menjadi sejumlah RM10.84 juta pada tahun 2005 menjadi sejumlah RM12.99 juta pada tahun 2006. Daripada keseluruhan perbelanjaan Majlis Islam Sarawak bagi tahun berakhir 31 Disember 2006, pengagihan zakat merupakan perbelanjaan tertinggi iaitu sejumlah RM8.05 juta atau 62%. Keseluruhan perbelanjaan bagi 6 asnaf menunjukkan peningkatan ketara sejumlah RM1.17 juta atau 17.1% iaitu sejumlah RM8.05 juta pada tahun 2006 berbanding sejumlah RM6.88 juta pada tahun 2005. Pengagihan kepada asnaf Fakir Dan Miskin dan Fisabilillah menunjukkan peningkatan berterusan iaitu masing-masing sejumlah RM1.11 juta atau 35.5% dan sejumlah RM263,616 atau 26.2%. Peningkatan ini adalah disebabkan usaha berterusan Tabung Baitulmal Sarawak mengenal pasti penerima agihan menerusi Daiee yang dilantik, promosi yang telah dilaksanakan oleh Pengurus Besar Tabung Baitulmal Sarawak menerusi tulisan beliau dalam Rakat Zakat Anda, akhbar tempatan dan slot siaran radio tempatan. Selain itu, komitmen daripada kakitangan Tabung Baitulmal Sarawak turut memainkan peranan penting bagi memastikan kesedaran untuk menunaikan rukun Islam. Manakala pengagihan kepada asnaf Amil, Muallaf dan Ibnusabil pula menunjukkan penurunan masing-masing sejumlah RM182,946 atau 6.9%, RM15,042 atau 14.6% dan RM868 atau 17.9%. Penurunan ini adalah disebabkan pengurangan penerima bagi asnaf Muallaf dan Ibnusabil. Pada tahun 2006, sejumlah RM12.55 juta atau 60.9% merupakan lebihan daripada Dana Zakat. Lebihan ini menunjukkan peningkatan ketara sejumlah RM4.12 juta atau 49% iaitu sejumlah RM8.42 juta pada tahun 2005 menjadi sejumlah RM12.55 juta pada tahun 2006. Sehingga 31 Disember 2006, sejumlah RM7.93 juta merupakan lebihan terkumpul daripada Dana Zakat. Perbelanjaan bagi Baitulmal juga menunjukkan peningkatan sejumlah RM972,135 atau 24.5% iaitu sejumlah RM3.96 juta pada tahun 2005 menjadi sejumlah RM4.94 juta pada tahun 2006. Perbelanjaan bagi penyenggaraan kenderaan dan pentadbiran pejabat menunjukkan peningkatan ketara masing-masing sejumlah RM20,407 atau 78.6% dan RM770,819 atau 60.6%. Peningkatan ini adalah selaras dengan perkembangan Tabung Baitulmal Sarawak sebagai sebuah institusi Islam yang aktif terlibat dengan pelbagai program penyebaran syiar Islam dan memurnikan masyarakat Islam.

### **23.4.2 Analisis Lembaran Imbangan**

Pada tahun 2006, Majlis Islam Sarawak telah mencatatkan peningkatan wang terkumpul sejumlah RM16.49 juta atau 14.2% iaitu daripada sejumlah RM116.32 juta pada tahun 2005 menjadi sejumlah RM132.80 juta pada tahun 2006. Peningkatan ini banyak dipengaruhi oleh aktiviti Program Memudah Cara Pengurusan Zakat dan perbelanjaan berhemat oleh Tabung Baitulmal Sarawak. Selain itu, aktiviti pelaburan juga turut memberi kesan ketara terhadap kedudukan kewangan Majlis Islam Sarawak. Adalah didapati, pelaburan saham telah memberi pulangan besar kepada Majlis Islam Sarawak untuk terus beroperasi. Pada akhir tahun 2006, Majlis Islam Sarawak memperoleh sejumlah RM1.33 juta dividen daripada saham dan menunjukkan peningkatan sejumlah RM680,560 atau 104.4% iaitu sejumlah RM1.33 juta pada tahun 2006 berbanding sejumlah RM651,843 pada tahun 2005. Analisis Audit mendapati hasil pelaburan saham meningkat sejumlah RM8.28 juta atau 44.5% iaitu sejumlah RM18.61 juta pada tahun 2005 berbanding sejumlah RM26.89 juta pada tahun 2006. Peningkatan ini adalah disebabkan pertambahan pelaburan dalam semua jenis saham iaitu pelaburan dalam syarikat tidak tersiar harga, syarikat tersiar harga dan dana portfolio. Pada tahun 2006, pelaburan dalam syarikat tidak tersiar harga menunjukkan peningkatan ketara sejumlah RM3 juta atau 74.2% iaitu sejumlah RM7.04 juta pada tahun 2006 berbanding sejumlah RM4.04 juta pada tahun 2005. Selain itu, pelaburan dalam dana portfolio dan syarikat tersiar harga juga meningkat masing-masing sejumlah RM8.22 juta atau 60.5% dan RM62,194 atau 1.2%. Pelaburan am juga menunjukkan peningkatan sejumlah RM3.92 juta atau 5.55% iaitu sejumlah RM74.62 juta pada tahun 2006 berbanding sejumlah RM70.69 juta pada tahun 2005. Bagaimanapun, hasil pelaburan menunjukkan penurunan sejumlah RM25,267 atau 1.3% disebabkan pengurangan faedah dalam Al-Mudharabah dan hasil akaun semasa. Pada akhir tahun 2006, Majlis Islam Sarawak mempunyai harta semasa yang terdiri daripada wang tunai, penghutang, terimaan terakru dan cagaran sejumlah RM5.07 juta. Harta semasa ini menunjukkan peningkatan ketara sejumlah RM2.69 juta atau 113.2% iaitu sejumlah RM5.07 juta pada tahun 2006 berbanding sejumlah RM2.38 juta pada tahun 2005. Daripada sejumlah RM5.07 juta, penghutang menunjukkan peningkatan ketara sejumlah RM2.23 juta atau 408.5% iaitu sejumlah RM2.77 juta pada tahun 2006 berbanding sejumlah RM545,152 pada tahun 2005. Peningkatan ini adalah disebabkan pertambahan bilangan penghutang iaitu daripada 5 penghutang pada tahun 2005 menjadi 9 penghutang pada tahun 2006. Manakala liabiliti semasa yang terdiri daripada cagaran diterima, pembiutang dan bayaran terakru pula menunjukkan penurunan sejumlah RM427,738 atau 38.1% iaitu sejumlah RM1.12 juta pada tahun 2005 menjadi sejumlah RM694,102 pada tahun 2006. Penurunan ini adalah disebabkan pengurangan dalam cagaran diterima sejumlah RM80,500 atau 84.7% iaitu sejumlah RM14,500 pada tahun 2006 berbanding sejumlah RM95,000 pada tahun 2005 dan pengurangan baki bayaran terakru sejumlah RM372,220 pada tahun 2006 berbanding sejumlah RM854,007 pada tahun 2005. Sehingga 31 Disember 2006, Majlis Islam Sarawak tidak mempunyai sebarang pinjaman. Justeru itu, lebihan harta semasa bersih Majlis Islam Sarawak adalah sejumlah RM4.38 juta meningkat sejumlah RM3.12

juta atau 248.3% berbanding tahun 2005. Berdasarkan kedudukan dana terkumpul dan lebihan harta semasa bersih yang tinggi, Majlis Islam Sarawak berupaya untuk mengekalkan konsep berterusan dengan usaha dan komitmen daripada semua pihak terlibat.

#### **24. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Pada keseluruhannya prestasi penyerahan Penyata Kewangan Tahun 2006 bagi Badan-badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam adalah memuaskan di mana semua penyata kewangan dapat disahkan sebelum akhir tahun 2007 kecuali 4 Badan Berkanun Negeri dan 1 Pihak Berkuasa Tempatan. Adalah didapati Badan-badan Berkanun Negeri telah mematuhi piawaian Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia. Selain itu, kebanyakan Badan Berkanun Negeri juga masih bergantung pada geran daripada Kerajaan untuk menampung aliran tunai mereka. Pendapatan dan perbelanjaan keseluruhan Badan-badan Berkanun Negeri menurun dengan ketara berbanding tahun sebelumnya. Ini adalah disebabkan 1 Badan Berkanun Negeri telah diswastakan menjadi sebuah badan korporat. Bagaimanapun, pelaburan Badan-badan Berkanun Negeri dalam syarikat subsidiari dan bersekutu menunjukkan surplus yang meningkat. Bagaimanapun, akaun Pihak Berkuasa Tempatan masih disediakan berdasarkan tunai kecuali Dewan Bandaraya Kuching Utara adalah berasaskan akru. Adalah didapati penyata kewangan bagi tahun 2000 hingga 2005 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Ini menunjukkan perkembangan positif di mana hanya penyata kewangan bagi tahun 2006 sahaja yang belum dibentangkan berbanding tahun sebelumnya. Jumlah hasil cukai taksiran yang dikutip oleh Pihak Berkuasa Tempatan pula bertambah setiap tahun walaupun jumlah tunggakan cukai terus meningkat. Prestasi kewangan Pihak Berkuasa Tempatan juga semakin merosot dan memerlukan bantuan kewangan daripada Kerajaan Negeri. Manakala kedudukan kewangan Majlis Islam Sarawak menunjukkan prestasi yang terus meningkat di mana pendapatan daripada Zakat dan Baitulmal semakin bertambah pada setiap tahun. Ini mengukuhkan lagi kedudukan Institusi Islam seperti Majlis Agama Islam ini untuk terus mengekalkan prestasi kewangan yang baik. Bagi mengukuhkan lagi kedudukan kewangan, pertimbangan perlu diberi kepada perkara-perkara berikut:

- a) Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengambil tindakan proaktif untuk memungut hasil; dan
- b) Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengambil langkah yang berkesan untuk mengurangkan tunggakan cukai taksiran.

## BAHAGIAN VII

### TINDAKAN SUSULAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SARAWAK

#### 25. PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2006 YANG MASIH BELUM SELESAI

